

BAB DUA
DOKUMEN PERSENDIRIAN MENURUT HUKUM SYARAK DAN
UNDANG-UNDANG

2.1. Pengenalan

Penggunaan dokumen dalam kehidupan masa kini semakin penting seiring dengan perkembangan teknologi yang semakin pesat. Secara asasnya dokumen boleh dibahagikan kepada dua iaitu dokumen awam—yang juga dikenali sebagai dokumen rasmi— dan dokumen persendirian. Sementara dari sudut bentuk pula dokumen mempunyai dua kategori bentuk iaitu, dokumen dalam bentuk fizikal dan dokumen elektronik. Fungsi dokumen adalah sebagai rekod yang akan disimpan di dalam tempat yang selamat dan akan menjadi rujukan pada masa-masa diperlukan. Selain itu ia juga akan menjadi bahan bukti bagi mempertahankan atau memperjuangkan sesuatu hak apabila terdapat pertikaian terhadap hak tersebut.

Bahkan, dokumen merupakan salah satu kaedah pembuktian yang penting dalam membuktikan dakwaan seseorang atau satu-satu pihak terhadap seseorang ataupun pihak lain. Penerimaan dokumen sebagai kaedah pembuktian dalam sebarang kes banyak dipengaruhi oleh ciri-ciri dokumen yang bersifat kekal walaupun dokumen tersebut telah disimpan dalam tempoh masa yang lama. Walaupun berlaku perubahan terhadap sistem kehidupan manusia termasuk dari aspek teknologi dan fasiliti, dokumen tetap kekal relevan, sentiasa diiktiraf dan tidak tertolak oleh arus pemodenan yang berlaku. Dokumen dalam bentuk tradisional seperti kertas yang telah menjadi bahan rujukan utama sejak sekian lama tetap relevan selagi ketulenannya terus terpelihara. Dalam bab ini pengkaji akan

membahaskan perkara yang berkaitan dengan dokumen persendirian dari sudut hukum syarak dan penerimaannya sebagai kaedah pembuktian.

2.2. Definisi Dokumen

Perkataan dokumen memberi maksud yang sama dengan perkataan “*kitabah*”. *Kitabah* merupakan kata terbitan daripada satu perkataan Bahasa Arab iaitu *kataba*, *katban*, *kitāban* seterusnya *kitabahan* iaitu “tulisan” (khat) seperti tafsiran yang dikemukakan oleh ulama seperti Imam al-Qurafi, Ibn Qayyim dan lain-lain. Hal yang demikian adalah kerana perkataan *kitābah* merupakan salinan ucapan lisan daripada seseorang menggunakan huruf-huruf tertentu.¹¹³ Manakala istilah “dokumen” pula tidak menerima definisi khusus daripada fuqaha. Walau bagaimanapun ulama kontemporari telah membahaskan definisi dokumen tersebut dari sudut bahasa dan istilah, termasuklah menurut perundangan seperti mana berikut:

2.2.1. Dokumen menurut Bahasa

Kitābah menurut bahasa ialah perkataan yang dilafazkan hasil gabungan huruf-huruf *hijā’iyyat* iaitu *kaf*, *ta’* dan *ba* sebagai satu kalimah yang membawa maksud “mengumpulkan sesuatu kepada sesuatu.”¹¹⁴ Hasil perkataan inilah terbitnya perkataan-perkataan lain seperti *kitabun* (buku) dan *kitabah* (penulisan).¹¹⁵ Menurut Ibn ‘Abidin *kitabah* merupakan catatan yang ditulis mengenai sesuatu kes yang disimpan oleh

¹¹³ Wan Abdul Fattah Wan Ismail. 2011. *Daurun Qabūl al-Kitābat fī Ithbāt Qaḍāyā al-Mu’āmalāt al-Māliyyāt fī al-Fiqh al-Islām wa fī Qānūn al-Baiyyīnāt al-Mālīzī*. pp. 44-45.

¹¹⁴ Al-Zuhayli, Muhammad Mustafa. 1994. *Wasāil Ithbāt fī al-Syarī’at al-Islāmiyyat fī al-Mu’āmalāt al-Madāniyyat wa al-Aḥwāl al-Syakhṣiyyat*. Riyadh: Maktabat al-Mu’ayyad. Vol. 2. p 415.

¹¹⁵ Ibn Faris, Ahmad bin Faris bin Zakariyya Al-Qazwini. 1979. *Maqāyis al-Lughat*. Beirut: Dar al-Fikr. Vol. 5. p. 158.

mahkamah.¹¹⁶ Al-Zuhayli pula menyatakan bahawa maksud *kitabah* ialah penzahiran kata-kata yang menggunakan huruf-huruf tertentu dengan syarat hal tersebut mestilah jelas dan dapat difahami.¹¹⁷ Istilah *kitabah* juga merujuk gaya penulisan seperti penulisan kreatif, penulisan sastera yang mempunyai keistimewaan tertentu dan lain-lain. Dalam perkataan lain contohnya, penulisan si fulan itu berkisar tentang perasaan atau penulisan beliau merupakan penulisan-penulisan yang bersifat simbolik dengan maksud yang tersirat.¹¹⁸

Kamus Dewan mendefinisikan dokumen sebagai “sesuatu yang bertulis atau bercetak seperti sijil kelahiran atau sijil kematian yang digunakan sebagai rekod atau bukti. Manakala perkara “mendokumenkan” menurut kamus tersebut pula merujuk sebagai mencatatkan sesuatu sebagai dokumen, mencatat atau merekodkan sesuatu sebagai dokumen. “Mendokumenkan” juga bermaksud membuktikan (menunjukkan) dengan dokumen atau memberi maklumat berupa dokumen untuk menerangkan atau membuktikan sesuatu.¹¹⁹ Menurut *Kamus Undang-undang*, dokumen ialah sesuatu yang merekodkan atau menyalurkan maklumat yang biasanya dalam bentuk tulisan pada kertas. Dokumen ini disediakan dengan tujuan untuk menyediakan keterangan kepada mahkamah termasuklah buku-buku, peta, pelan, lukisan, fotograf, graf, cakera, pita, runut bunyi dan filem.¹²⁰

¹¹⁶ Ibn ‘Abidin, Muhammad Amin bin Umar. 1966. *Hāsyiaṯ Rādd al-Mukhtār*. n.pl: Mustafa al-Babi al-Halabi. Vol. 3. p. 271.

¹¹⁷ Al-Zuhayli, Muhammad Mustafa. 1994. *Wasāil Ithbāt fi al-Syari‘at al-Islāmiyyat fi al-Mu‘amalāt al-Madāniyyat wa al-Aḥwāl al-Syakhṣiyyat*. p. 417.

¹¹⁸ Ahmad al-‘Aid et al. 1988. *Mu‘jam al-‘Arabī al-Asāsī*. n.pl: Al-Munazomah al-‘Arabiyyah lil Tarbiyyat wa al-Thaqofah wa al-‘Ulum. p. 1027.

¹¹⁹ “Kamus Dewan Bahasa & Pustaka”. <http://prpm.dbp.gov.my/>. Diakses pada 24 Dis. 2019.

¹²⁰ n.a. 1995. *Kamus Undang-undang*. n.pl: Oxford Fajar Sdn. Bhd. 8. p. 183.

Bagi pengkaji sendiri, tafsiran yang diberikan dokumen itu hendaklah lebih bersifat umum dan merangkumi tujuan ia diwujudkan iaitu sebagai rekod dan bukti sekiranya terdapat sebarang pertikaian. Oleh itu, tafsiran yang diberikan oleh Kamus Dewan edisi keempat lebih sesuai untuk menggambarkan fungsi dokumen itu.

2.2.2. Dokumen menurut Istilah

Definisi dokumen menurut istilah telah banyak dibahaskan oleh para ilmuwan sama ada para ulama terdahulu mahupun sarjana masa kini. Pelbagai istilah digunakan untuk menunjukkan penggunaan dokumen sebagai keterangan seperti *al-sakk*, *al-hujjāt*, *al-mahḍar*, *al-sijjīl* dan *al-wathīqat*.¹²¹ *Al-sakk* merupakan dokumen mengenai urus niaga, ikrar atau pengakuan bertulis tentang termeterainya perjanjian atau tindakan memindah milik sesuatu harta oleh orang perseorangan. *Al-hujjāt* pula ialah catatan hakim yang menjelaskan kejadian atau kes yang berlaku. Ia hendaklah dimeterai dengan cop rasmi hakim di bahagian atas dan ditandatangani oleh dua orang saksi di bahagian bawahnya.¹²²

Manakala *al-mahḍar* ditafsirkan sebagai catatan mengenai kejadian yang berlaku antara dua pihak bertikai yang mengandungi dakwaan, pengakuan, penafian, keterangan atau sumpah. *Al-sijjīl* pula merupakan catatan yang mengandungi hukuman atau penghakiman yang dibuat oleh hakim.¹²³ Seterusnya *al-wathīqat* ialah dokumen yang terkandung di dalamnya (merangkumi) *al-hujjāt*, *al-mahḍar* dan *al-sijjīl*. Ibn ‘Abidin

¹²¹ Amin al-Jarumi. 2005. *Pembuktian Dalam Syariat Islam*. Shah Alam: Penerbit UiTM. p. 69.

¹²² Ibn ‘Abidin, Muhammad Amin. n.d. *Hāsyiat Rādd al-Mukhtār ‘alā al-Dūrr al-Mukhtār*. Qaherat: Dar al-Fikr. Vol. 5. p. 369.

¹²³ Al-Mawardi, Abu al-Hasan ‘Ali Muhammad Ibn Habib al-Mawardi al-Basri al-Shafi’i al-Baghdadi. 1972. *Adāb al-Qādī* Baghdad: Matba’at al-‘Aani. Vol. 2. p. 74.

menyatakan bahawa *al-wathīqat* merupakan dokumen yang ditulis mengenai sesuatu kes yang disimpan oleh mahkamah.¹²⁴

Al-wathīqat juga boleh diertikan sebagai penulisan atau catatan pada sehelai kertas yang mengandungi rekod hutang, hak, harta atau kewajiban kontrak yang dibuat oleh orang yang terlibat dengan tujuan untuk mewujudkan bukti, sehingga perkara yang dicatatnya dapat dibuktikan dalam pertikaian berikutnya.¹²⁵ *Wathīqat* ini ialah istilah yang setara dengan dokumen dalam Undang-undang Islam kerana sering digunakan dalam manual klasik undang-undang prosedur¹²⁶ bagi menunjukkan maksud dokumen, kertas, catatan, ikatan dan lain-lain secara harfiah.

Sementara fuqaha dan sarjana moden menggunakan istilah *kitabah* dengan maksud sebagai dokumen. Sehubungan dengan perkara ini istilah *kitabah* dilihat lebih setara dengan maksud dokumen sebagai catatan atau tulisan. Ibn ‘Abidin sendiri menyatakan bahawa *kitabah* merupakan catatan pada lembaran, tanah dan dinding serta dapat difahami sekiranya dibaca.¹²⁷ Selain itu juga dokumen didefinisikan sebagai kenyataan yang dibuat atau nota yang ditulis oleh seseorang yang mungkin berperanan sebagai pihak berkuasa, hakim atau rakyat biasa. Kenyataan dan nota tersebut boleh dibuat pada kertas rasmi, kertas, dimeterai atau sebaliknya. Dalam konteks ini, dokumen ialah tulisan yang dibuat oleh seseorang sama ada pemerintah, hakim atau rakyat biasa yang ditulis atau dicatat pada kertas rasmi yang bermeterai atau sebaliknya.¹²⁸ Dokumen

¹²⁴ Ibn ‘Abidin, MA. n.d. *Hāsyiat Rādd al-Mukhtār ‘alā al-Dūrr al-Mukhtār*. p. 369.

¹²⁵ Abdul Haseeb Abdul Salam Yusif. 1987. *Al-Qāḍī wa al-Baiyinat*. Kuwait: Maktabat al-Mu’allah. p. 484.

¹²⁶ Ibn al-Manasef, Muhammad Ibn Isa. 1988. *Tanbih al-Ḥukkām ‘alā ma’ākhidh al-Aḥkām*. Tunis: Dar al-Turky. pp. 141-143. Lihat juga al-Baji, Abu Waleen. 1990. *Fusūl al-Aḥkām wa Bayān mā Maḍā ‘Alayhi al-‘Amal ‘inda al-Fuqahā’ wa al-Ḥukkām*. pp. 221-222.

¹²⁷ Ibn ‘Abidin, Muhammad Amin bin Umar. 1966. *Hāsyiat Rādd al-Mukhtār*. p. 271.

¹²⁸ Mahmud Saedon A. Othman. 2003. *Undang-undang Keterangan Islam*. Kuala Lumpur: DBP. p. 159.

juga boleh difahami sebagai suatu tulisan yang ditulis pada kepingan kertas berkaitan dengan hutang, hak, obligasi kontrak, atau harta yang diwujudkan oleh pihak-pihak.¹²⁹

Dokumen ini merangkumi sebarang inskripsi atau bahan pada kayu, batu, logam atau bahan nyata lain yang mampu menyimpan maklumat. Pendirian ini dibuktikan oleh fakta sejarah bahawa ayat-ayat suci al-Quran dikumpulkan dalam satu buku melalui bantuan pelbagai ayat yang ditulis pada batu, tanah liat atau tembikar, tulang (binatang), ranting sawit, pelepah tamar, kulit binatang dan lain-lain.¹³⁰

Pada pandangan pengkaji, kesemua definisi yang diberikan oleh para ulama sebelum ini berkaitan dengan dokumen adalah masih tidak meluas, terhad dan tidak mencakupi keperluan serta kemudahan sebagaimana yang terdapat pada hari ini, yang sifat dan bentuknya lebih canggih, maju, meluas dan sofistikated. Faktor kepada penggunaan istilah tersebut yang tidak meluas dan statik ini adalah kerana keadaan yang pada ketika itu jauh lebih ringkas, ataupun teknologi yang ada pada zaman mereka belum membangun dengan pesat. Suasana pada ketika itu sangat berbeza berbanding masa kini dengan perkembangan teknologi yang begitu pesat berlaku.¹³¹

Seiring dengan perubahan semasa, istilah dokumen perlu dilihat dari segi fungsi dokumen itu sendiri iaitu, maklumat yang hendak disampaikan mesti dapat difahami dan bukan hanya pada bentuk dokumen serta peralatan yang digunakan semata-mata.¹³² Sifat dokumen seharusnya lebih fleksibel dan tidak dihadkan kepada syarat-syarat tertentu

¹²⁹ Arbouna, Mohammed Burhan. 1999. *Islamic Law of Evidence: The Function of Official Documents in Evidence*. Kuala Lumpur: Syarikat Nurulhas. p. 159.

¹³⁰ Al-Asqalani, Ahmad Ibn Hajar. 1959. *Fath al-Bāri Syarh Şahīh al-Bukhāry*. Beirut: Dar al-Makrifat. pp. 14-15.

¹³¹ Wan Abdul Fattah Wan Ismail & Zulfakar Ramlee. 2013. "Keterangan Melalui Kitabah: Menurut Fiqh & Undang-undang Semasa Di Malaysia." *Jurnal Undang-undang dan Masyarakat*. Bangi: Penerbit UKM. Vol. 17. No. 1. p. 2.

¹³² Sulaiman Marqus. 1981. *Usūl al-Ithbāt wa Ijra'atuhu fī al-Mawād al-Madāniyyat fī al-Qānūn al-Miṣrī*. Al-Qaherah: Alam al-Kutub. p. 198.

sahaja seperti hanya berbentuk tulisan, lakaran atau salinan yang perlu menggunakan alatan yang biasa digunakan contohnya kertas atau pen, dan dalam bentuk fizikal sahaja.¹³³

Rentetan daripada perkara ini, pengkaji memilih tafsiran dokumen yang diberikan oleh Abdul Rahman Ibrahim al-Humaidi yang memberi definisi terhadap istilah dokumen dengan lebih luas, iaitu menyatakan bahawa dokumen juga merangkumi semua jenis rakaman pita serta yang seumpamanya, dan dihasilkan dengan teknologi tinggi.¹³⁴ Dengan kata lain, dokumen termasuklah apa-apa tulisan secara bertulis, secara cetakan atau sebarang bahan bertulis yang memberi maklumat.¹³⁵ Hal yang demikian adalah kerana tafsiran ini lebih bersesuaian dengan ciri-ciri sebuah dokumen dan juga lebih menepati tafsiran dokumen yang diperuntukkan oleh undang-undang.

2.2.3. Dokumen menurut Undang-undang

Definisi dokumen menurut perundangan adalah lebih jelas dan bertepatan dengan kemudahan dan perkembangan semasa. Seksyen 3 Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 telah memperuntukkan definisi dokumen dalam tafsirannya sebagaimana berikut:

“dokumen” ertinya apa-apa hal yang dinyatakan, diperihalkan, atau bagaimana jua pun digambarkan, atas apa-apa benda, bahan, barang atau artikel, termasuklah apa-apa hal yang terkandung dalam cakera, pita, filem, runut bunyi atau apa jua pun peranti lain, dengan menggunakan-

- (a)huruf, angka, tanda, simbol, isyarat, lambang, atau apa jua pun bentuk pernyataan, perihalan, atau gambaran lain;
- (b)apa-apa rakaman visual (sama ada imej kaku atau bergerak);

¹³³ Wan Abdul Fattah Wan Ismail. 2020. *Keterangan Dokumentar Menurut Fiqh Dan Undang-undang Keterangan Islam Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka. p. 36.

¹³⁴ Al-Humaidi, Abd Rahman al-Ibrahim. 1989. *Al-Qadā' wa Niẓāmuhu fī al-Kitāb wa Sunnaḥ*. Makkat: Ma'had Buhuth al-Ilmiyyah. p. 437.

¹³⁵ Anwarullah. 2004. *Principles of Evidence in Islam*. Kuala Lumpur: Percetakan Zafar Sdn. Bhd. pp. 120-121.

- (c) apa-apa rakaman bunyi, atau apa-apa jua pun rakaman elektronik, magnetik, mekanikal atau rakaman lain dan walau bagaimana jua pun dibuat, atau apa-apa bunyi, dedenyut elektronik, atau apa jua pun data yang lain;
- (d) suatu rakaman, atau pemancaran, dari suatu jarak, apa-apa hal dengan mana-mana, atau apa-apa kombinasi, cara yang disebut dalam perenggan (a), (b) atau (c),
atau dengan lebih daripada satu cara yang disebut dalam perenggan (a), (b), (c) dan (d), yang dimaksudkan untuk digunakan atau yang mungkin digunakan bagi tujuan menyatakan, memperihalkan, atau dengan apa jua cara sekalipun menggambarkan, hal itu;¹³⁶

Tafsiran dokumen dalam peruntukan ini dilihat lebih luas dan lebih bersesuaian berdasarkan kemudahan semasa dan perkembangan teknologi yang terkini. Tafsiran ini juga telah diterima dan dimasukkan ke dalam enakmen/ordinan keterangan Mahkamah Syariah di Malaysia. Bahkan tafsiran dokumen dalam peruntukan ini adalah sama dengan tafsiran oleh undang-undang keterangan Mahkamah Sivil.¹³⁷ Persamaan tafsiran “dokumen” ini boleh difahami kerana penggubalan Akta 561 ini digubal berdasarkan Akta 56 dengan pindaan dan ubahsuai yang bersesuaian dengan hukum syarak.¹³⁸

Pada pendapat pengkaji tafsiran oleh al-Humaidi adalah bersesuaian dengan definisi dokumen yang diberikan oleh undang-undang syariah bahkan tafsiran tersebut boleh dihuraikan dengan lebih luas lagi sekiranya terdapat keperluan kerana beliau memasukkan “perkara-perkara lain yang serupa yang dihasilkan oleh teknologi tinggi.” Istilah “dokumen” dalam peruntukan ini merangkumi sebarang bentuk perkara yang menerangkan atau menghuraikan sesuatu sama ada ia berbentuk abjad, angka atau tanda. Dalam hal ini istilah dokumen juga merujuk pada gabungan bentuk lebih daripada satu

¹³⁶ Malaysia. 1997. *Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997*. (Akta 561). Seksyen 3.

¹³⁷ Malaysia. 1997. *Akta Keterangan 1950*. (Akta 56). Seksyen 3.

¹³⁸ Ruzman Md Noor. 2015. *Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 (AKTA 561)*. Kuala Lumpur: Penerbit Dewan Bahasa & Pustaka. Jan. p. 197.

seperti yang dinyatakan di atas yang bertujuan untuk merekodkan perkara tersebut. Selanjutnya, ilustrasi, perkataan yang dicetak, litograf atau fotograf juga merujuk sebagai dokumen.

Pendek kata, dokumen merupakan apa-apa fakta atau perkara yang dinyatakan atau digambarkan sebagaimana di atas seperti surat, angka atau tanda, dan ia dihasilkan dengan apa-apa cara sama ada dengan satu cara tertentu atau lebih. Pernyataan ini bersesuaian dengan matlamat dokumen yang berfungsi sebagai menerangkan atau menghuraikan sesuatu. Maka bolehlah disimpulkan bahawa dokumen tidak hanya terhad kepada proses atau bentuk secara manual bahkan ia juga dapat diinterpretasikan sebagai penerangan atau penghuraian berbentuk elektronik dan digital.¹³⁹

2.3 Dokumen Elektronik

Seterusnya dokumen boleh dibahagikan kepada dua kategori iaitu yang pertama, dokumen dengan tanda, simbol atau huruf. Sementara kategori yang kedua ialah dokumen yang mempunyai rakaman suara. Kedua-duanya mengandungi maklumat, data dan berita untuk tujuan menyatakan, menerangkan atau mewakili sesuatu perkara. Hal ini menunjukkan bahawa dokumen turut merangkumi tarikh dalam pelbagai format, sama ada dalam format elektronik iaitu format digital, format tanda atau simbol. Perkara-perkara ini ialah data yang terdapat dalam format, dan ia boleh dibaca, berguna serta mengandungi maklumat. Namun data tersebut memerlukan penguraian atau proses tertentu sebelum ia dapat dilihat atau dibaca dalam bentuk yang nyata dan dapat difahami.

¹³⁹ Wan Abdul Fattah Wan Ismail & Zulfakar Ramlee. 2013. "Keterangan Melalui Kitabah: Menurut Fiqh Dan Undang-undang Semasa Di Malaysia". *Jurnal Undang-undang Dan Masyarakat*. Bangi: UKM. Vol. 17. No. 1. p. 7.

Perbezaan antara data dalam format digital dan format bukan digital adalah merujuk pada medium yang digunakan untuk membuat, memproses dan menyimpan data yang dikaitkan dengan alat elektronik sebagaimana fungsi pen dan kertas.¹⁴⁰ Selari dengan perkembangan sains dan teknologi, maka bentuk dokumen turut berkembang dan tidak lagi terhad kepada bahan bercetak. Kajian menunjukkan bahawa lebih daripada 90% daripada dokumen dalam organisasi adalah dalam bentuk format digital, dan 70% daripada format digital tersebut tidak pernah dicetak.¹⁴¹

Selain daripada istilah “dokumen elektronik”, ia turut dikenali sebagai dokumen digital atau dokumen komputer, iaitu dokumen yang dihasilkan komputer atau dokumen yang berkaitan dengan komputer. Dengan kata lain, elemen utama dokumen elektronik adalah membuat, menyimpan, memanipulasi atau menghantar dalam digital format dengan kemajuan alat teknologi.¹⁴² Kepelbagaian nama dan istilah ini boleh dilihat dalam makalah-makalah lain dengan penggunaan istilah yang mereka sukai. Walaupun demikian, tujuannya tetap sama iaitu untuk membincangkan perkara atau tajuk yang berkaitan dengan dokumen elektronik dan keterangan yang dihasilkan dengan dokumen elektronik.¹⁴³

Dokumen elektronik ini merupakan satu perkara baharu yang wujud pada zaman ini dan tidak ada lagi perbincangan hukum-hakam secara khusus berkaitan dengan

¹⁴⁰ Mursilalaili Mustapa Sa'di, Abdul Rani Kamarudin & Zulfakar Ramlee Saad. 2015. “Reception of Electronic Evidence from Islamic Perspective”. *Australian Journal of Basic and Applied Sciences*. n.pl: AENSI Publisher. Vol. 9, No. 26. p.31.

¹⁴¹ *ibid.* p. 30.

¹⁴² Mursilalaili Mustapa Sa'di, Abdul Rani Kamarudin, Duryana Mohamed & Zulfakar Ramlee. 2015. “Authentication of Electronic Evidence in Cybercrime Cases based on Malaysian Laws”. *Journal of Social Science and Humanities*. Kedah: RMP Publications. p. 156.

¹⁴³ Duryana Mohamed & Zulfakar Ramlee. 2014. “Case of Electronic Evidence in Malaysian Courts: The Civil and Syariah Perspective”. *ICSSR E-Journal Social Sciences Research*. worldconference.net. Vol. 1. No. 2. p. 2.

pemakaian dokumen digital dalam mana-mana kitab fiqh.¹⁴⁴ Selain itu juga masih tidak ada lagi perbincangan yang merujuk nas-nas khusus berkaitan dengan transaksi kewangan secara dalam talian (*online*) untuk dijadikan sebagai pembuktian dalam transaksi semasa.¹⁴⁵

2.3.1. Definisi Dokumen Elektronik

Undang-undang Malaysia juga tidak memberikan sebarang definisi khusus kepada dokumen elektronik ini kecuali untuk perkataan “*electronic*”, “*computer*” dan “*output computer*”.¹⁴⁶ Sebagai contoh, *The Oxford Dictionary of Computing* mendefinisikan komputer sebagai peranti atau sistem yang mampu menjalankan urutan operasi dengan cara yang jelas.¹⁴⁷ Walaupun begitu, *Scientific Working Group on Digital Evidence*¹⁴⁸ pula mentafsirkan dokumen elektronik sebagai maklumat mengenai nilai probatif yang disimpan atau dihantar dalam bentuk digital. Rekod data atau maklumat ini disimpan secara elektronik dalam bentuk digital.¹⁴⁹

Dokumen komputer merupakan salah satu bentuk dokumen elektronik.

Menurut *Kamus Undang-undang* dokumen komputer ialah dokumen yang

¹⁴⁴ Wan Abdul Fattah Wan Ismail. 2016. “Penerimaan Dan Kekuatan Dokumen Elektronik Dalam Pembuktian Di Mahkamah Syariah”. *Jurnal Kanun*. Kuala Lumpur: Penerbit DBP. p. 343. Lihat juga Mohamad Azhan Yahya, Ahmad ‘Azam Mohd Shariff & Mohd Abu Hassan Abdullah. 2017. “Keterangan Dokumen Dalam Bentuk Digital Di Mahkamah Syariah: Analisis Berkaitan Definisi Serta Kebolehterimaannya Di Sisi Prinsip Syariah Di Malaysia”. *Journal Current Legal Issues*. Bangi: Penerbit UKM. September. p. 2.

¹⁴⁵ Wan Abdul Fattah Wan Ismail, Ahmad Syukran Baharuddin, Fuadah Johari & Muhammad Aunurrochim Mas’adi. 2018. “Transaksi Kewangan Secara ‘Online’ Menurut Undang-undang Keterangan Islam Di Malaysia: Isu Dan Cabaran”. *Journal of Fatwa Management and Research*. Nilai: Penerbit USIM. SeFPia 2018 (Special Issue). Disember. p. 115.

¹⁴⁶ Nurbazla Ismail. 2016. “Perbandingan Takrifan Dokumen Elektronik Dalam Akta Keterangan Syariah Dan Akta Keterangan Sivil Di Malaysia”. *Prosiding Kolokium Antarabangsa Jejak Warisan Ilmu Islam. Banda Aceh*. Bangi: Penerbit UKM. p. 93.

¹⁴⁷ Resali Muda. 1998. *Documentary Evidence: It’s Application in Court; A Comparative Study between Common Law, Malaysian and Islamic Law*. (Tesis Master). Universiti Islam Antarabangsa. p. 117.

¹⁴⁸ Pandangan kumpulan ini boleh diakses di alamat <https://www.swgde.org/>. Dicapai pada 19 Mei 2021.

¹⁴⁹ Mohamad Khairudin Kallil & Ahmad Che Yaacob. 2019. “The Integration of Digital Forensics Science and Islamic Evidence Laws.” *International Journal of Law, Government and Communication*. Kota Bharu: Global Academic Excellence. Vol. 4. Issues 17. December. pp. 63-64.

dikeluarkan oleh komputer dan boleh diterima di bawah Akta Keterangan Sivil 1968 sebagai bukti sesuatu fakta direkodkan sebagai keterangan lisan yang boleh diterima, asalkan komputer itu telah beroperasi dengan betul pada waktu material itu dibekalkan dengan maklumat yang serupa dengan yang tercatat dalam dokumen.¹⁵⁰ Selari dengan perbincangan ini, pengkaji juga turut menerima tafsiran dokumen elektronik sebagai apa-apa maklumat atau data yang bernilai dalam penyiasatan yang disimpan, diterima dan dipindahkan melalui peranti elektronik.¹⁵¹

Sehubungan dengan perbincangan mengenai definisi dokumen elektrik, Seksyen 1(a) Akta Tandatangan Elektronik Mesir 2004 mendefinisikan dokumen elektronik sebagai, “Semua huruf, nombor atau simbol atau tanda lain yang digambarkan pada paparan elektronik atau digital atau cara lain yang seumpamanya, serta memberikan isyarat yang jelas dan dapat difahami.”¹⁵² Dalam penulisan Wan Abdul Fattah pula menyatakan, dokumen elektronik ialah, “Nota atau dokumen yang dibuat, disimpan atau diekstrak, disalin atau dihantar atau diterima atau dijadikan sebagai alat komunikasi dengan kaedah elektronik melalui peralatan elektronik lain dan ia dapat difahami dan dilihat dengan jelas.”¹⁵³

Manakala Mursilalaili pula menyatakan bahawa dokumen elektronik merupakan data yang berkaitan dengan peranti elektronik, sama ada dibuat, disimpan, dimanipulasikan atau dihantar dalam format digital. Dengan kata lain, elemen utama

¹⁵⁰ n.a. 1995. *Kamus Undang-undang*. n.pl: Oxford Fajar Sdn. Bhd. 8. p. 111.

¹⁵¹ Mohamad Azhan Yahya et al. 2017. “Keterangan Dokumen Dalam Bentuk Digital Di Mahkamah Syariah: Analisis Berkaitan Definisi Serta Kebolehterimaannya Di Sisi Prinsip Syariah Di Malaysia”. *Journal Current Legal Issues*. Bangi: Penerbit UKM. September. p. 2.

¹⁵² Wan Abdul Fattah Wan Ismail. 2016. “Penerimaan Dan Kekuatan Dokumen Elektronik Dalam Pembuktian Di Mahkamah Syariah”. *Jurnal Kanun*. Kuala Lumpur: Penerbit DBP. p. 343.

¹⁵³ Muhammad Fawwaz. 2008. *Al-Wajīz fī al-‘Uqūd al-Tijārat al-Eltroniyyat*. ‘Amman: Dar al- Thaqafah. p. 204.

dokumen elektronik adalah membuat, menyimpan, memanipulasi atau menghantar dalam digital format dengan kemajuan alat teknologi.¹⁵⁴ Dokumen elektronik ini ialah suatu bentuk maklumat probatif yang disimpan atau direkodkan atau disalurkan dalam bentuk elektronik dengan bahan tersebut boleh dikemukakan di mahkamah sebagai bahan bukti untuk menyokong atau menyangkal dakwaan.¹⁵⁵

Oleh itu, pengkaji merumuskan bahawa dokumen elektronik merupakan semua huruf, nombor atau simbol atau tanda lain yang dinyatakan, digambarkan atau diperihalkan termasuklah apa-apa rakaman visual atau bunyi sama ada dibuat, disimpan, diekstrak, disalin, dihantar, diterima atau dijadikan sebagai alat komunikasi dengan cara elektronik melalui peralatan elektronik lain serta dapat difahami dan dilihat dengan jelas.

Pengkaji berpandangan bukanlah suatu keperluan yang mendesak mentafsirkan dokumen elektronik secara khusus pada masa ini seperti dicadangkan oleh segelintir pengkaji¹⁵⁶ kerana perkara tersebut mempunyai kebaikan. Pertama, namun perkataan elektronik ada disebut secara umum sebagai salah satu daripada kaedah pembuktian. Seksyen 3¹⁵⁷ telah memasukkan perkataan “elektronik” sebagai salah satu daripada definisi dokumen. Penggunaan istilah “dokumen” dalam peruntukan ini dilihat telah merangkumi sebarang bentuk perkara yang menerangkan atau menghuraikan sesuatu

¹⁵⁴ Mursilalaili Mustapa Sa'di, Abdul Rani Kamarudin, Duryana Mohamed & Zulfakar Ramlee. 2015. “Authentication of Electronic Evidence in Cybercrime Cases based on Malaysian Laws.” *Journal of Social Science and Humanities*. Kedah: RMP Publications. p. 156.

¹⁵⁵ Mohamad Ismail Mohamad Yunus. 2006. “Kedudukan Bahan Bukti (Exhibit) Elektronik Dan Digital Dalam Keterangan: Masalah Dan Cabaran Masa Kini”. *The Journal of Malaysian BAR (INSAF) XXXV*. Kuala Lumpur: Malaysian Bar Council. Vol. 1. p. 3.

¹⁵⁶ Mohamad Azhan Yahya, Ahmad Azam Mohd Sharif, Azizah Mat Rashid & Fatimah Yusro Hashim. 2020. “Pengemukakan Dokumen Elektronik Sebagai Keterangan Dalam Perbicaraan Mahkamah Syariah”. *Jurnal Undang-undang & Masyarakat*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. Bil. 27. Jun. p. 63

¹⁵⁷ Malaysia. 1997. *Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997*. (Akta 561). Seksyen 3.

sama ada berbentuk abjad, angka atau tanda atau gabungan satu atau lebih bentuk-bentuk yang dinyatakan di atas bertujuan untuk digunakan atau boleh juga digunakan untuk tujuan merekodkan perkara tersebut.

Perkara ini bersesuaian dengan pandangan Ibn Taimiyyah dan Ibn Qayyim yang menyatakan bahawa apa-apa sahaja yang dapat menjelaskan dan menzahirkan kebenaran dinamai sebagai keterangan. Hal ini memberi maksud bahawa dokumen elektronik tergolong dalam definisi ini dan dokumen elektronik boleh dianggap sebagai sebahagian daripada kaedah pembuktian kerana dapat menjelaskan dan menzahirkan kebenaran, serta membantu hakim untuk membuat keputusan yang telus dan adil.¹⁵⁸

Kedua, undang-undang telah mengiktiraf dokumen elektronik sebagai keterangan. Sekiranya keseragaman pemakaian undang-undang yang menjadi matlamat utama, maka keseragaman tersebut boleh dilaksanakan melalui keputusan kes di mahkamah. Bahkan dengan memasukkan peruntukan yang sama seperti Seksyen 73A, Seksyen 90A, Seksyen 90B dan Seksyen 90C Akta Keterangan 1950 ke dalam Akta 561, akan memudahkan matlamat penyeragaman tersebut tercapai.

Ketiga, pemakaian definisi umum dokumen juga tidak akan menjejaskan pemakaian skop dokumen itu sendiri selagi ia berada dalam ruang lingkup yang telah digariskan oleh undang-undang. Pemakaian definisi dokumen tersebut turut memenuhi prinsip yang ditetapkan oleh hukum syarak kerana ia boleh dijadikan

¹⁵⁸ Wan Abdul Fattah Wan Ismail. 2016. "Penerimaan Dan Kekuatan Dokumen Elektronik Dalam Pembuktian Di Mahkamah Syariah". *Jurnal Kanun*. Kuala Lumpur: Penerbit DBP. p. 341-342.

sebagai alasan yang kuat untuk diterima. Perkara ini bersesuaian dengan peruntukan berikut:

- (1) Mana-mana peruntukan atau tafsiran peruntukan Akta ini yang tak konsisten dengan Hukum Syarak adalah tidak sah setakat yang ia tak konsisten itu.
- (2) Jika terdapat lakuna atau jika apa-apa perkara tidak diperuntukkan dengan nyata dalam Akta ini, Mahkamah hendaklah memakai Hukum Syarak.¹⁵⁹

Oleh itu, dokumen hendaklah ditafsirkan sebagai sesuatu yang menjelaskan dengan menggunakan tulisan, lakaran atau salinan yang berbentuk zahir sama ada secara klasik seperti menggunakan kertas, kayu dan seumpamanya, atau secara moden seperti penggunaan disket, cakera padat, internet dan seumpamanya.¹⁶⁰ Pengkaji berpandangan pentafsiran istilah “dokumen elektronik” perlu dibuat secara berhati-hati termasuklah melalui kajian yang mendalam. Hal ini bagi memastikan definisi tersebut memenuhi setiap skop yang berkaitan dengan dokumen elektronik dan meletakkan ciri-ciri futuristik bagi memastikan definisi tersebut terus relevan pada masa-masa akan datang.

2.3.2. Jenis-Jenis Dokumen Elektronik

Dokumen elektronik mempunyai ciri-ciri yang unik berbanding dengan dokumen tradisional. Dokumen elektronik mudah dimanipulasikan, diubah, rosak atau musnah. Dokumen ini boleh diubah suai tanpa meninggalkan jejak mesej asal dan memerlukan pakar untuk menjelaskannya berbanding dengan catatan yang ditulis dengan pen dan

¹⁵⁹ Malaysia. 1997. *Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997*. (Akta 561). Seksyen 130.

¹⁶⁰ Wan Abdul Fattah Wan Ismail. 2020. *Keterangan Dokumentar Menurut Fiqh Dan Undang-undang Keterangan Islam Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka. p. 36.

kertas. Data dalam format elektronik senang diwujudkan tetapi sukar untuk benar-benar dihilangkan. Apabila fail atau data dalam komputer dihapuskan, itu tidak bermaksud ia benar-benar telah hilang kerana sebenarnya telah pun tersimpan, atau hanya dipindahkan ke lokasi lain di cakera keras, peranti storan digital atau sistem arkib. Dokumen elektronik boleh disimpulkan sebagai suatu dokumen yang sangat teknikal dan rumit untuk difahami oleh pengguna kerana mempunyai sifat yang unik berbanding dengan format kertas.¹⁶¹

Sumber bahan dokumen elektronik dan digital adalah seperti cip penyepaduan skala sangat besar (*very large scale integration* [VLSI]), *software design description* (SDD), cakera digital (*hard disk*), telefon selular, kamera digital, komputer, alat cetak, mesin fotostat, pita sokongan, kad SDD, alat pengimbas, cakera padat (*compact disc* [CD]), cakera video digital (*digital video disc* [DVD]), cakera padat video (*video compact disc* [VCD]), rangkaian internet, perisian dan protokol komunikasi (*common gateway interface* [CGI]).¹⁶²

Dokumen elektronik merupakan maklumat probatif yang disimpan, direkodkan atau disalurkan dalam bentuk elektronik dan bahan tersebut boleh dikemukakan di mahkamah sebagai bahan bukti untuk menyokong atau menyangkal dakwaan. Dokumen elektronik merupakan data yang dikaitkan dengan peranti elektronik sama ada dibuat, disimpan, dimanipulasikan atau dihantar dalam format digital. Unsur

¹⁶¹ Mursilalaili Mustapa Sa'di, Abdul Rani Kamarudin, Duryana Mohamed & Zulfakar Ramlee. 2015. "Authentication of Electronic Evidence in Cybercrime Cases based on Malaysian Laws". *Journal of Social Science and Humanities*. Kedah: RMP Publications. pp. 156-157.

¹⁶² *ibid.* p. 3.

utama bukti elektronik ialah bukti itu dibuat, disimpan, dapat dimanipulasikan atau disebarkan dalam format digital dengan kemajuan alat teknologi.¹⁶³

Teknologi moden telah menyediakan kaedah untuk menyimpan, mentafsirkan dan memperbanyak data dengan cara yang membawa kepada bukti probatif yang tersedia untuk dikemukakan kepada mahkamah. Pernyataan atau fakta yang dihasilkan oleh alat mekanikal biasanya adalah asal berbanding dengan dengar cakap ditambah apabila hendak menunjukkan bahawa pernyataan itu wujud, dan bukan sebagai bukti kebenaran setiap perkara yang terkandung dalam pita tersebut. Oleh itu, apabila gambar, pita video, penyusunan semula genap pita video, mesin *intoximeter* yang digunakan untuk menganalisis spesimen nafas, rakaman pita untuk merakam percakapan, dihasilkan sebagai bukti maka hendaklah diterima sebagai keterangan langsung.¹⁶⁴

Sebagai contoh, televisyen atau CCTV diklasifikasikan sebagai dokumen elektronik. CCTV ialah kamera yang merakam imej video dan menghantar isyarat video komposit tempat-tempat tertentu. CCTV sering digunakan untuk tujuan pengawasan yang biasanya terdapat di kawasan-kawasan atau di tempat-tempat yang strategik seperti di dalam atau di luar premis bank, lapangan terbang, bangunan-bangunan bahkan juga di kawasan kediaman dan di rumah-rumah.¹⁶⁵ Begitu juga *input* atau data yang berkaitan dengan transaksi kewangan secara *online* merupakan

¹⁶³ Mursilalaili Mustapa Sa'di, Abdul Rani Kamarudin, Duryana Mohamed & Zulfakar Ramlee. 2015. "Authentication of Electronic Evidence in Cybercrime Cases based on Malaysian Laws". *Journal of Social Science and Humanities*. Kedah: RMP Publications. p. 30.

¹⁶⁴ Afridah Abas. 2008. *The Rule against Hearsay: Its Exceptions under the Evidence Act 1950 and Islamic Legal Principles*. (Tesis Doktor Falsafah). Universiti Islam Antarabangsa. p. 79.

¹⁶⁵ Wan Abdul Fattah Wan Ismail, Syahirah Abdul Shukor, Hasnizam Hashim & Ahmad Syukran Baharuddin. 2018. "Pembuktian Melalui Televisyen/Kamera Litar Tertutup (CCTV) Dalam Kes Jenayah: Tinjauan Umum Berdasarkan Undang-undang Keterangan Islam". *Malaysian Journal of Syariah and Law*. Nilai: USIM. Vol. 6. No. 1. Jun. p. 90.

dokumen elektronik. Dalam kes e-dagang, menurut ulama hukumnya harus berdasarkan dalil-dalil umum al-Quran dan Sunah. E-dagang juga menggunakan transaksi secara *online*, maka secara tidak langsung transaksi kewangan secara *online* juga diiktiraf. Hal yang demikian adalah kerana kedua-duanya menggunakan asas yang sama iaitu “dokumen” yang telah pun diharuskan dalam Islam.¹⁶⁶

Dalam perundangan, peralatan atau saluran elektronik yang digunakan secara dalam talian (*online*) diklasifikasikan sebagai dokumen elektronik. Dokumen elektronik merupakan nota atau dokumen yang dibuat, disimpan, diekstrak, disalin, dihantar, diterima atau dikomunikasi dengan cara elektronik melalui peralatan elektronik yang lain dan ia dapat difahami serta dilihat dengan jelas.¹⁶⁷ Menurut *Kamus Dewan*, istilah *online* ini merujuk kepada suatu pangkalan data dalam talian.¹⁶⁸ Manakala elektronik pula merujuk kepada alat yang dibina menggunakan kaedah teknologi yang berkaitan dengan gerak laku, pembangunan, aplikasi dan juga litar atau peranti elektronik.¹⁶⁹ Keterangan yang direkodkan secara elektronik boleh diterima sama ada sebagai bukti asal atau dokumentar. Pita tersebut adalah dokumen asal yang dihasilkan sebagai objek material untuk pemeriksaan di mahkamah.¹⁷⁰

Keterangan elektronik termasuklah keterangan digital, keterangan komputer, *computer related evidence* dan *computer generated evidence* seperti e-mel, video digital, gambar digital, log transaksi ATM, *instants message histories*, fail yang

¹⁶⁶ Wan Abdul Fattah Wan Ismail, Ahmad Syukran Baharuddin, Fuadah Johari & Muhammad Aunurrochim Mas’adi. “Transaksi Kewangan Secara ‘Online’ Menurut Undang-undang Keterangan Islam Di Malaysia: Isu Dan Cabaran”. *Journal of Fatwa Management and Research*. Nilai: USIM. SeFPia 2018 (Special Issue). Dec. p. 115.

¹⁶⁷ Wan Abdul Fattah Wan Ismail, Ahmad Syukran Baharuddin, Fuadah Johari & Muhammad Aunurrochim Mas’adi. 2018. “Transaksi Kewangan Secara ‘Online’ Menurut Undang-undang Keterangan Islam di Malaysia: Isu Dan Cabaran”. *Journal of Fatwa Management and Research*. Nilai: USIM. SeFPia 2018 (Special Issue). Dec. p. 114.

¹⁶⁸ n.a. n.d. *Kamus Dewan Bahasa & Pustaka*. <http://prpm.dbp.gov.my/>. Diakses pada 24 Dis 2019.

¹⁶⁹ *ibid*.

¹⁷⁰ Augustine Paul. 1992. “Electronically Recorded Evidence”. 2 *CLJ* xxi. p. xxiv.

disimpan dalam program, *internet browse histories*, *database*, *the contents of computer memory*, *computer backups*, cetakan komputer dan perkara yang seumpamanya. Media sosial juga termasuk dalam keterangan elektronik. Aplikasi media sosial merupakan satu bentuk komunikasi elektronik yang para pengguna mewujudkan satu komuniti dalam talian untuk berkongsi kandungan, maklumat, idea serta berinteraksi dengan orang ramai secara atas talian. Antara contoh media sosial termasuklah aplikasi *Facebook*, *Twitter*, *Instagram*, *Tumblr*, *WhatsApp*, laman web, blog serta yang seumpama dengannya.¹⁷¹

Oleh itu, perkataan dokumen itu bukan sahaja terpakai kepada maklumat yang disampaikan secara bertulis bahkan pada zaman moden kini, menyimpan maklumat dalam bentuk diagram, pengekodan komputer, rakaman audio atau rakaman video yang mengandungi maklumat juga boleh diterima.¹⁷² Bahkan rakaman suara dan rakaman visual seperti CCTV, foto, video digital, cakera liut, cakera padat dan internet juga termasuk dalam definisi dokumen.¹⁷³ Pita rakaman ini boleh dipanggil sebagai dokumen elektronik yang ditakrifkan sebagai sebarang bentuk maklumat probatif yang disimpan, direkodkan atau disalurkan dalam bentuk elektronik dalam keadaan bahan itu boleh dikemukakan di mahkamah sebagai bahan bukti untuk menyokong atau menyangkal dakwaan.¹⁷⁴

¹⁷¹ Mohd Sophian Zakaria & Akmal Hamdy Baharudin. 2021. *Kesalahan Media Sosial: Manual Siasatan Dan Pendakwaan*. Putrajaya: Jabatan Peguam Negara. p. 3.

¹⁷² G.F Nelson. 1992. "Documetary Evidence Time for Statutory Update". 1 *CLJ* xii. p. xiii.

¹⁷³ Wan Abdul Fattah Wan Ismail, Lukman Abdul Mutalib, Zul Hilmi Abdullah, Abd Hamid Abd Murad, Nurfadhilah Che Amani & Madidah Mohammad Khir. 2015. "Document Forensic, The Fiqh and The Syariah Court". *Malaysian Journal of Society and Space*. Bangi: UKM. Vol. 11. No. 4. p. 132.

¹⁷⁴ Wan Abdul Fattah bin Wan Ismail. 2011. "Kaedah Pembuktian Melalui Kitabah Elektronik Di Mahkamah Syariah". *Jurnal Hukum*. Putrajaya: JKSM. Vol. 33. No. 2. p. 165.

2.3.3. Penerimaan Dokumen Elektronik dalam Prosiding Mahkamah

Pihak mahkamah di Malaysia juga telah menangani kes-kes yang berkaitan dengan dokumen dalam bentuk digital sejajar dengan perkembangan kemajuan yang ada pada hari ini. Justeru, tidak timbul soal dokumen elektronik tidak diterima sebagai kaedah pembuktian di Mahkamah Syariah. Hal ini kerana undang-undang keterangan Mahkamah Syariah di Malaysia telah pun mengiktiraf dokumen elektronik sebagai keterangan dokumen dan ia termasuk dalam definisi “dokumen” dalam Akta 561. Selain itu, takrifan keterangan tidak terhad kepada proses manual, malahan boleh diinterpretasikan sebagai penerangan atau penghuraian yang berbentuk automatik, elektronik dan digital.

Keadaan ini diperkukuhkan lagi dengan kewujudan peruntukan yang menyatakan sesuatu dokumen yang dikeluarkan oleh komputer ialah keterangan primer.¹⁷⁵ Seksyen ini dapat menguatkan lagi dakwaan bahawa mahkamah syariah telah menerima dokumen elektronik sebagai salah satu daripada kaedah pembuktian.¹⁷⁶ Hal ini diperkukuhkan lagi apabila Akta 561 itu sendiri telah memberikan definisi “komputer” dalam peruntutannya sebagaimana berikut:

“Komputer” ertinya apa-apa peranti bagi merekodkan, menyimpan, memproses, mendapatkan semula atau mengeluarkan apa-apa maklumat atau perkara lain, atau bagi melaksanakan mana-mana satu fungsi itu atau lebih, tidak kira dengan nama atau perihalan apa pun peranti itu disebut; dan jika dua komputer atau lebih menjalankan mana-mana satu fungsi itu atau lebih dalam satu kombinasi atau berturutan atau walau bagaimana jua pun selainnya disatukan, ia hendaklah dikira sebagai komputer tunggal....¹⁷⁷

¹⁷⁵ Malaysia. 1997. *Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997*. (Akta 561). Seksyen 49.

¹⁷⁶ Wan Abdul Fattah Wan Ismail. 2016. “Penerimaan Dan Kekuatan Dokumen Elektronik Dalam Pembuktian Di Mahkamah Syariah”. *Jurnal Kanun*. Kuala Lumpur: DBP. p. 343.

¹⁷⁷ Malaysia. 1997. *Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997*. (Akta 561). Seksyen 3.

Tafsiran ini bersesuaian dengan konsep dokumen dalam Islam yang bersifat boleh dibaca, atau dihuraikan untuk maklumat yang relevan dan boleh diperolehi sama ada dalam bentuk tulisan, gambar, tanda, peta, foto atau runut bunyi (*soundtrack*). Dokumen tersebut tidak terhad kepada kaedah atau bentuk kandungan tertentu dan hendaklah bersesuaian dengan peredaran semasa seperti evolusi yang berlaku terhadap perkakasan (*gadget*) elektronik. Contohnya alatan yang bermula dengan bentuk kaset dan pita kemudian berkembang sebagai disket, seterusnya dalam bentuk cakera padat dan yang paling moden adalah dalam bentuk memori kecil ukuran kad sim kecil di dalam telefon pintar.¹⁷⁸ Dengan kata lain, dokumen yang sebenar ialah dokumen, pernyataan atau nota yang ditulis oleh seseorang atau sebarang jenis rakaman merangkumi bentuk tulisan atau data yang boleh dibuat pada kertas rasmi dan dimeterai atau dengan cara memasukkan data ke dalam alat digital seperti komputer atau telefon bimbit, atau dengan mengambil gambar dalam kamera atau dengan merakam ke dalam rakaman video, CCTV atau rakaman pita.¹⁷⁹

Keterangan dalam bentuk rakaman foto dan video digital sebenarnya mempunyai hubung kait yang amat rapat serta sinonim dengan keterangan *qarīnat zahīrat* atau *qarīnat* yang kuat yang ditegaskan oleh para ulama seperti yang dinyatakan sebelum ini.¹⁸⁰ Pengkaji berpandangan bahawa definisi dokumen elektronik telah memenuhi definisi dokumen itu sendiri selagi data tersebut dapat

¹⁷⁸ Mursilalaili Mustapa Sa'di, Abdul Rani Kamarudin, Duryana Mohamed & Zulfakar Ramlee. 2015. "Authentication of Electronic Evidence in Cybercrime Cases based on Malaysian Laws". *Journal of Social Science and Humanities*. Kedah: RMP Publications. p. 33.

¹⁷⁹ Mohamad Khairudin Kalil & Ahmad Che Yaacob. 2019. "The Integration of Digital Forensics Science and Islamic Evidence Laws". *International Journal of Law, Government and Communication*. Kota Bharu: Global Academic Excellence. Vol. 4. Issues 17. Dec. p. 64.

¹⁸⁰ Ahmad Azam Mohd Shariff. 2014. "Jenayah Moral Dan Kesusilaan Di Bawah Undang-undang Jenayah Syariah Malaysia: Pembuktian Kes Melalui Qarīnah Rakaman Foto Dan Video Digital". 1 LNS (A). p. xvi.

dibaca, dapat dilihat dan mengandungi maklumat yang relevan. Selain itu, apabila dokumen elektronik telah ditafsirkan sebagai dokumen maka dokumen elektronik tersebut hendaklah diterima sebagai keterangan bayinah selagi syarat-syarat yang ditetapkan telah dipenuhi bersesuaian dengan definisi “keterangan” itu sendiri seperti yang disebut dalam peruntukan berikut:

“keterangan” termasuklah-

- (a) bayyinah dan syahadah;
- (b) segala pernyataan yang dibenarkan atau dikehendaki oleh Mahkamah dibuat di hadapannya oleh saksi berhubungan dengan perkara-perkara fakta yang disiasat: pernyataan sedemikian disebut keterangan lisan;
- (c) segala dokumen yang dikemukakan bagi pemeriksaan Mahkamah: dokumen sedemikian disebut keterangan dokumentar.¹⁸¹

Sebagai contoh, dalam kes *Azida Fazlina binti Abdul Latif lwn Shamsudin bin Latif*,¹⁸² Hakim Bicara telah memutuskan bahawa lafaz taklik cerai yang dihantar oleh Shamsudin melalui *Short Messaging System* (SMS) yang berbunyi “*Kalau engkau tak keluar dari rumah mak bapak engkau, jatuh talak tiga*”, sah dan sabit serta gugur talak tiga terhadap Azida. Manakala dalam kes *Ahmad Faozi bin Mansor lwn Norhafizah binti Ahmad*,¹⁸³ Plaintiff melampirkan bil telefon yang menunjukkan Defendan selalu menghubungi lelaki lain. Hakim Bicara telah meluluskan tuntutan Plaintiff berdasarkan pembuktian bil telefon yang menunjukkan Defendan kerap menghubungi lelaki lain.

Manakala dalam kes *Moriazi bin Mohamad lwn Ajmawati bte Atan pula*,¹⁸⁴ Plaintiff mendakwa telah memberi pinjaman sebagai modal perniagaan berjumlah

¹⁸¹ Malaysia. 1997. *Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997*. (Akta 561). Seksyen 3.

¹⁸² *Azida Fazlina binti Abdul Latif lawan Shamsudin bin Latif*. Kes Mal Bil.: 10007.054.050.2003. Mahkamah Rendah Syariah Selangor di Gombak Timur. (Kes tidak dilaporkan).

¹⁸³ *Ahmad Faozi bin Mansor lwn Norhafizah binti Ahmad*. Kes Mal No: 14005-058-0336-2007. Mahkamah Rendah Syariah Wilayah Persekutuan di Kuala Lumpur. (Kes tidak dilaporkan).

¹⁸⁴ *Moriazi bin Mohamad lwn Ajmawati bte Atan* [2005] 4 ShLR 108.

DS62,800.00 kepada Defendan semasa dalam tempoh perkahwinan mereka. Plaintiff menuntut Defendan untuk menjelaskan bayaran bagi baki pinjaman itu yang masih belum dijelaskan kepadanya. Plaintiff mengemukakan salinan cek berjumlah DS20,000.00 sebagai dokumen yang menunjukkan Defendan telah pun membayar sebahagian daripada hutang tersebut. Namun pada peringkat rayuan Mahkamah Rayuan Syariah telah menolak keterangan tersebut dengan alasan tiada saksi atau sebarang keterangan lain dikemukakan untuk menyokong *qarīnat* bagi dokumen tersebut.

Berdasarkan ketiga-tiga contoh kes di atas, pengkaji mendapati bahawa Mahkamah Syariah telahpun menerima dokumen elektronik sebagai kaedah pembuktian samada dokumen elektronik tersebut diterima atau ditolak. Hal ini kerana penerimaan atau penolakan dokumen elektronik tersebut hendaklah bergantung kepada pembuktian keaslian dan kesahihan dokumen elektronik tersebut sendiri sama seperti dokumen fizikal.

2.4. Pencyariatan Dokumen Persendirian

Pencyariatan dokumen secara umum ada disebutkan dalam al-Quran dalam kisah hutang piutang sebagaimana firman Allah SWT yang berbunyi:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا تَدَايَنْتُمْ بِدَيْنٍ إِلَىٰ أَجَلٍ مُّسَمًّى فَاكْتُبُوهُ وَلْيَكْتُب بِيَدِكُمْ ۖ كَاتِبٌ بِالْعَدْلِ وَلَا
يَأْبَ كَاتِبٌ أَنْ يَكْتُبَ كَمَا عَلَّمَهُ اللَّهُ فَلْيَكْتُبْ وَلْيُمْلِلِ الَّذِي عَلَيْهِ الْحَقُّ وَلْيَتَّقِ اللَّهَ رَبَّهُ وَلَا يَبْخَسْ
مِنْهُ شَيْئًا فَإِن كَانَ الَّذِي عَلَيْهِ الْحَقُّ سَفِيهًا أَوْ ضَعِيفًا أَوْ لَا يَسْتَطِيعُ أَنْ يُمْلِئَ هُوَ فَلْيُمْلِلْ لِئِنَّهُ
بِالْعَدْلِ

*Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu menjalankan sesuatu urusan dengan hutang piutang yang diberi tempoh sehingga ke suatu masa yang tertentu, **maka hendaklah kamu menulis (hutang dan masa bayarannya) itu**. Dan hendaklah seorang penulis di antara kamu yang menulisnya dengan

adil (benar). Dan janganlah seseorang penulis enggan menulis sebagaimana Allah telah mengajarkannya. Oleh itu, hendaklah ia menulis dan hendaklah orang yang berhutang itu merencanakan (isi surat hutang itu dengan jelas). Dan hendaklah ia bertakwa kepada Allah Tuhannya, dan janganlah ia mengurangkan sesuatu pun daripada hutangnya itu. Kemudian jika orang yang berhutang itu bodoh atau lemah atau ia sendiri tidak dapat hendak merencanakan (isi surat itu), maka hendaklah direncanakan oleh walinya dengan adil (benar)...¹⁸⁵
(Al-Quran. Al-Baqarah 2: 282)

Ayat “فَاكْتُبُوهُ” memberi maksud suatu arahan supaya penulisan yang dibuat hendaklah dalam bentuk bertulis atau dokumen. Firman Allah SWT ini dilihat sebagai sesuatu yang amat ditekankan dan diberi perhatian yang amat serius, iaitu tindakan mencatat pada setiap kali berlakunya hutang piutang adalah untuk dijadikan sebagai sandaran (*backup*) sekiranya salah satu atau kedua-dua belah pihak yang terlibat telah terlupa. Selain itu juga tindakan ini adalah untuk memudahkan pihak-pihak yang terlibat membuat rujukan sekiranya urusan tersebut melibatkan tempoh masa yang panjang. Sebenarnya tindakan mencatat ini bukan hanya diguna pakai dalam urusan hutang piutang, ia juga boleh diguna pakai terhadap sebarang urusan yang melibatkan transaksi kewangan atau aset yang berharga seperti jual beli, sewa-menyewa, sewa-beli dan sebagainya. Tambahan pula, mencatatkan setiap aktiviti tersebut secara tidak langsung mengikat pihak-pihak terhadap persetujuan yang telah dibuat.¹⁸⁶

Perintah yang terkandung dalam ayat berkenaan itu yakni catatan perlu dibuat dalam urusan hutang piutang disebabkan kaedah tersebut adalah lebih meyakinkan berbanding dengan menggunakan pendekatan-pendekatan yang lain. Sebenarnya ayat tersebut bukanlah perintah yang wajib tetapi lebih sebagai suatu galakan untuk membuat

¹⁸⁵Al-Quran. Al-Baqarah 2: 282.

¹⁸⁶ Ibn ‘Arabi, Muhammad Ibn Abdullah. n.d. *Aḥkam al-Quran*. n.pl: Isa al-Babi al-Halabi. p. 247.

catatan dalam urusan hutang piutang, dan tindakan tersebut adalah sunat. Arahan tersebut juga menunjukkan betapa agama Islam amat mengambil berat soal catatan dalam urusan hutang piutang atau urusan muamalat yang lain.¹⁸⁷ Rasulullah SAW juga bersabda seperti yang berikut:

ما حق امرئ له شيء يوصى فيه يبيت ليلتين إلا ووصيته مكتوبة عنده

Tidak benar bagi seorang Muslim yang mempunyai sesuatu yang diwasiatkan, yang bermalam selama dua malam (dalam keadaan tenat atau akan bermusafir kecuali wasiatnya itu ditulis (disaksikan) di sisinya.¹⁸⁸ (Muslim. No.11: No. 1627)

Hadis ini pula adalah mengenai kepentingan penggunaan dokumen dalam wasiat. Ibn Qayyim pula berpandangan bahawa sekiranya dokumen tidak boleh diterima sebagai kaedah pembuktian, sudah pasti Rasulullah SAW tidak menyuruh dan memerintahkan seseorang itu menulis wasiat.¹⁸⁹ Imam Nawawi dalam *syarahnya* ke atas *Ṣaḥīḥ Muslim* menyatakan bahawa seseorang yang mempunyai hutang *wadī'at* atau yang seumpamanya perlu mencatat kesemua butiran hutang tersebut dalam wasiat.

Imam Syafii pula menyatakan bahawa makna Hadis itu ialah, setiap Muslim perlulah sentiasa beringat untuk menyediakan wasiat bertulis dan sentiasa berada di sampingnya. Menurut beliau lagi, adalah sunat menyegerakan penulisan wasiat ketika sihat dan mendapatkan saksi bagi wasiat tersebut. Wasiat tersebut juga mengandungi (atau ditulis dengan) setiap perkara yang perlu. Sekiranya pada masa akan datang ia ingin mengemas kini apa-apa perkara yang telah termaktub, maka tambahkan saja dalam

¹⁸⁷ Al-Zamakhsyari, Abu Qasim Mahmud bin Umar al-Zamakhsyari al-Khwarizmi. 1995. *Al-Kasysyāf 'an al-Ḥaqā'iq al-Tanzīl wa 'Uyūn al-'Aqāwīl fī wujūh al-Ta'wīl*. Beirut. Dar Ihya' al-Turath al-Arabi. Vol. 1. p. 320.

¹⁸⁸ Muslim. Ibn al-Hujjaj al-Qushairiy al-Nisaburiy. 1997. *Ṣaḥīḥ Muslim*. Al-Qaherah: Dar al-Hadith. Vol. 11. p. 77.

¹⁸⁹ Ibn Qayyim, Syamsuddin Abi Abdillah Muhammad Ibn Abi Bakr Ibn Ayyub al-Jauziyyah. 2007. *At-Ṭurūq al-Ḥukmiyyat fī al-Siyāsāt al-Syar'īyyat*. Makkat: Dar 'Am al-Fawa'id. p. 174.

wasiat tersebut.¹⁹⁰ Al-Laknawi berpandangan bahawa Hadis ini menunjukkan yang urusan-urusan itu haruslah dibuat catatan atau penulisan. Ia juga menjadi dalil kepada kebenaran syarak untuk bergantung pada tulisan, walaupun tidak disokong dengan kesaksian.¹⁹¹

Dalam konteks kehidupan masyarakat hari ini, kebanyakan urusan hutang piutang, perniagaan mahupun penyediaan wasiat adalah melibatkan antara individu dengan individu dalam masyarakat atau institusi perbankan tertentu yang tidak melibatkan urusan dokumen awam. Pengkaji berpandangan bahawa semua urusan muamalah tersebut termasuklah berkaitan hutang piutang hendaklah didokumenkan sebagai rujukan dan pembuktian sekiranya berlaku sebarang pertikaian di antara pihak-pihak berkaitan. Bahkan tindakan mendokumenkan sebarang urusan harian amatlah bersesuaian dan penting pada zaman sekarang.

Hal ini bersesuaian dengan pandangan Ibn Hajar al-‘Asqalani yang menyatakan bahawa sesuatu maklumat yang penting hendaklah ditulis kerana tidak ada cara atau kaedah terbaik untuk menjaganya melainkan dengan cara menulis. Bahkan menurutnya lagi, dokumen telah menjadi amalan sejak zaman Khulafa’ ar-Rasyidin lagi.¹⁹² Hal ini menunjukkan bahawa agama Islam menggalakkan penggunaan dokumen persendirian dalam urusan sebegini bagi memudahkan urusan seharian umat manusia dan boleh digunakan sebagai bukti sekiranya timbul sebarang pertikaian.

¹⁹⁰ An-Nawawi, Yahya Sharaf. 1392H. *Al-Minhāj Syarḥ Ṣaḥīḥ Muslim bin Al-Ḥajjāj*. Beirut: Dar Ihya’ at-Turath Al-‘Arabiyy. Vol. 11. p. 74.

¹⁹¹ Al-Laknawi, Muhammad Abd Al-Hayyi bin Muhammad Abd al-Halim. 2005. *At-Ta’līq al-Mumajjād ‘ala Muwaṭṭā’ Muḥammad*. Damsyik: Dar al-Qalam. Vol. 3. Cet. 4. p. 146.

¹⁹² Al-Asqalani, Ibn Hajar Ahmad bin Aliyy. 1996. *Fath al-Bāri bi Syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhāry*. Beirut: Dar al-Fikr. Vol. 6. p. 9.

2.5. Pengelasan Dokumen Persendirian

Dokumen hendaklah dibahagikan kepada dua bahagian iaitu dokumen awam dan dokumen persendirian berdasarkan peruntukan undang-undang keterangan sedia ada. Dokumen awam merupakan dokumen yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan atau pihak-pihak yang diberi kuasa oleh pemerintah untuk mengeluarkannya dan ia mengandungi syarat-syarat tertentu yang perlu dipenuhi. Dokumen tersebut mempunyai nilai pembuktian yang kukuh tanpa memerlukan pengakuan pihak yang mengeluarkan dokumen tersebut apabila syarat telah dipenuhi.¹⁹³ Dokumen awam merupakan dokumen yang mengandungi tindakan atau rekod tindakan kepada tiga (3) golongan iaitu pertama: pemerintah berdaulat, kedua: badan rasmi dan tribunal, dan ketiga: penjawat awam, pegawai perundangan, pegawai kehakiman dan pegawai eksekutif Persekutuan, negeri atau negara asing. Dokumen awam juga termasuklah rekod awam yang disimpan di Malaysia mengenai apa-apa dokumen persendirian.¹⁹⁴

Dokumen persendirian boleh ditakrifkan sebagai dokumen yang dibuat atau diterbitkan oleh pihak perseorangan tanpa melibatkan penjawat awam untuk membuat pengesahannya. Kadangkala dokumen yang dikeluarkan oleh penjawat awam juga dikira sebagai dokumen persendirian sekiranya diterbitkan atas dasar individu dan bukannya berdasarkan jawatan yang dipegang.¹⁹⁵ Dokumen ini dikeluarkan oleh pihak-pihak persendirian yang tidak menepati syarat-syarat yang ada pada dokumen awam.¹⁹⁶

¹⁹³ Wan Abdul Fattah Wan Ismail & Zulfakar Ramlee. 2013. "Keterangan Melalui Kitabah: Menurut Fiqh Dan Undang-undang Semasa Di Malaysia". *Jurnal Undang-undang Dan Masyarakat*. Bangi: UKM. Vol. 17. No. 1. p. 4.

¹⁹⁴ Malaysia. 1997. *Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997*. Seksyen 57.

¹⁹⁵ Wan Abdul Fattah Wan Ismail & Zulfakar Ramlee. 2013. "Keterangan Melalui Kitabah: Menurut Fiqh Dan Undang-undang Semasa Di Malaysia". *Jurnal Undang-undang Dan Masyarakat*. Bangi: UKM. Vol. 17. No. 1. p. 4.

¹⁹⁶ Malaysia. 1997. *Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997*. (Akta 561). Seksyen 58.

Dokumen persendirian ini sebenarnya bersifat agak luas berbanding dengan dokumen awam termasuklah dokumen yang dikeluarkan oleh penjawat awam namun dikeluarkan atas kapasiti peribadinya sendiri dan bukan atas kapasiti jawatannya. Selain boleh dikenali melalui tafsirannya, dokumen persendirian juga boleh dikenali melalui fungsi atau tujuan dokumen itu dikeluarkan.

2.5.1 Fungsi Dokumen Persendirian

Dokumen persendirian ini boleh berfungsi sebagai dokumen pembuktian dan juga sebagai kegunaan harian biasa. Dokumen persendirian yang mempunyai motif pembuktian dibuat sebagai rekod dan persediaan pembuktian untuk masa-masa akan datang sekiranya berlaku sebarang permasalahan antara individu-individu yang terlibat dalam urusan tertentu seperti jual beli, sewaan dan lain-lain.¹⁹⁷ Dokumen jenis ini merupakan perjanjian kontrak yang dibuat oleh kedua-dua belah pihak yang terlibat, telah ditandatangani dan terdapat kesaksian dalam kontrak tersebut. Dokumen seperti inilah yang diistilahkan sebagai *al-hujjā* dan *al-sakk* oleh ulama terdahulu. Penulisan dokumen ini boleh dibuat sendiri oleh pihak-pihak yang terlibat dengan sesebuah kontrak atau wasiat tertentu, atau oleh seorang saksi yang adil yang diminta berbuat demikian oleh pihak-pihak yang terlibat.¹⁹⁸

Dalam konteks kajian ini, dokumen persendirian ini termasuklah dokumen hibah atau sesetengah pihak menamakannya sebagai dokumen perisytiharan hibah, surat cara hibah atau seumpamanya. Dokumen hibah ini banyak diguna pakai oleh firma guaman

¹⁹⁷ Arbouna, Mohammed Burhan. 1999. *Islamic Law of Evidence: The Function of Official Documents in Evidence*. Kuala Lumpur: Syarikat Nurulhas. p. 22.

¹⁹⁸ Amin al-Jarumi. 2005. *Pembuktian dalam Syariat Islam*. Shah Alam: Penerbit UiTM. p. 72.

selain syarikat penyedia perkhidmatan perancangan harta yang semakin berkembang pesat pada masa kini.¹⁹⁹ Dokumen hibah ini secara umumnya mengandungi maklumat berkaitan rukun-rukun hibah seperti pemberi hibah, penerima hibah, barang yang dihibahkan, *ṣīghat*, *qabd* dan dua orang saksi. *Ṣīghat* hibah tersebut bergantung pada jenis hibah yang hendak dikuatkuasakan oleh pemberi sama ada mutlak atau bersyarat.

Fungsi dokumen hibah ini adalah untuk membuktikan kewujudan hibah tersebut dan keterangan yang lengkap dalam dokumen hibah boleh meringkaskan masa perbicaraan di mahkamah.²⁰⁰ Prinsip ini telah disahkan dalam kes *Ramlah Binti Sulaiman & 4 Yang Lain lwn Jamaluddin @ Md Jamel Bin Sulaiman & Seorang Lagi*,²⁰¹ iaitu:

“Surat cara hibah yang didakwa bertarikh 20/10/1992 merupakan satu dokumen persendirian berdasarkan Seksyen 58 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 2004. Pembuktian dokumen tersebut boleh dibuat dengan cara yang ditentukan oleh Seksyen-seksyen 54 dan 56 enakmen yang sama.”

Manakala bagi dokumen persendirian yang bermotifkan kegunaan harian pula merupakan suatu dokumen yang lebih luas dan sukar untuk dinyatakan secara satu per satu dan terperinci. Sebahagian besar dokumen ini adalah berkaitan dengan dokumen yang dibuat atau diperoleh dalam kegiatan harian individu atau masyarakat itu sendiri. Perkara ini agak menarik kerana dokumen ini ditulis bukan bertujuan untuk dijadikan sebagai bahan bukti tetapi ia boleh berfungsi sebagai bukti sekiranya timbul sebarang

¹⁹⁹ Nasrul Hisyam Nor Muhamad. 2011. *Hibah Dalam Undang-undang Islam Prinsip Dan Amalan*. Johor: Penerbit UTM Press. p. 213.

²⁰⁰ Adilah Mohd Sa'afie & Mohd Zamro Muda. 2018. “Kepelbagaian Produk Hibah Sebagai Instrumen Perancangan Harta: Sorotan Literatur”. *Al-Qanatir International of Islamic Studies*. Nilai: Penerbit Usuli Faqih Research Centre PLT. Vol. 10. No. 1. April. pp. 37-38.

²⁰¹ *Ramlah Binti Sulaiman & 4 Yang Lain lwn Jamaluddin @ Md Jamel Bin Sulaiman & Seorang Lagi* [2010]. Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Pulau Pinang. Kes Rayuan No. 07200-044-0270-2010.

pertikaian. Dokumen tersebut termasuklah invois perniagaan, bil harian, catatan peribadi (buku harian), surat-surat dan telegram. Selain itu, termasuk juga surat-surat tidak rasmi, surat-surat melalui faks, catatan perniagaan dan seumpamanya.²⁰²

Catatan peribadi yang mensabitkan hak bagi satu-satu pihak sahaja juga dianggap sebagai dokumen persendirian iaitu seperti catatan saksi yang dibuat pada kertas biasa, resit belian, catatan oleh pemiutang, penjual, pengurup wang, broker ataupun sebarang dokumen yang berkaitan dengannya.²⁰³ Dokumen persendirian sebenarnya tidak terhad kepada dokumen berbentuk fizikal seperti dokumen-dokumen yang disebutkan sebelum ini iaitu seperti invois perniagaan, bil harian, resit, surat, perjanjian dan seumpamanya, bahkan juga termasuklah dokumen dalam bentuk elektronik dan digital. Apabila berlaku perkembangan bentuk dokumen seiring kepesatan sains dan teknologi, maka istilah dokumen persendirian juga wajar diselarikan dengan pembangunan sains dan teknologi serta gaya hidup era globalisasi dengan memasukkan bahan berbentuk elektronik dan digital dalam skop interpretasinya.²⁰⁴

Bagi tujuan pembuktian kes di mahkamah, dokumen termasuklah buku, peta, risalah atau pamflet, majalah, pelan, carta, lukisan, gambar fotografi, litograf, audio visual serta tulisan dan material yang dicetak. Teknologi moden telah pun membuka satu platform baharu dalam dunia reka cipta atau penciptaan seperti kaset dan filem, maka konsep dokumen tersebut boleh dikembangkan lebih luas berbanding dengan

²⁰² Wan Abdul Fattah Wan Ismail. 2020. *Keterangan Dokumentar Menurut Fiqh Dan Undang-undang Keterangan Islam Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka. p. 83.

²⁰³ Amin al-Jarumi. 2005. *Pembuktian dalam Syariat Islam*. Shah Alam: Penerbit UiTM. p. 72.

²⁰⁴ Wan Abdul Fattah, Raja Zariif Raja Shahrudin & Norma Jusuff. 2013. "Pengesahan Keaslian Dokumen Urus Niaga Elektronik Menurut Fiqh Dan Undang-undang Keterangan Islam Di Malaysia". *Jurnal Muamalat*. Kuala Lumpur: JAKIM. Vol. 6. p. 1.

tafsiran tradisional.²⁰⁵ Jika dilihat dari sudut kekuatan pemakaian, didapati dokumen rasmi jauh lebih kuat autoritinya berbanding dengan dokumen persendirian. Sebaliknya, jenis dokumen peribadi pertama lebih kuat daripada jenis kedua.²⁰⁶ Ciri-ciri dokumen persendirian sudah tentu berbeza dengan dokumen rasmi ataupun dokumen awam dan dokumen ini tidak dimeterai. Dokumen ini hanya boleh diguna pakai atau diterima semasa perbicaraan dengan syarat dokumen tersebut bukan ditiru atau diragui keaslian dan ketulenan dokumen tersebut.²⁰⁷

Kedua-dua jenis dokumen persendirian ini boleh dijadikan bukti sekiranya ia memenuhi syarat-syaratnya iaitu dokumen tersebut mengandungi tulisan atau maklumat bertulis yang menyatakan maklumat sesuatu transaksi dilakukan seperti jenis barangan, kuantiti, nilai dan sebagainya. Selain itu, ia juga dapat dijadikan bukti sekiranya mengandungi tandatangan pihak-pihak yang terbabit yang menyatakan persetujuan terhadap transaksi yang dilakukan.

Dalam perbincangan ini, pengkaji memberikan contoh-contoh kes yang telah memutuskan dokumen persendirian yang telah diterima sebagai keterangan dan mempunyai nilai dalam keputusan yang dibuat oleh mahkamah. Contohnya, salinan faksimili dan mikrofilem. Dalam kes *Pendakwa raya lwn Jawan Empaling*²⁰⁸ dan *Pendakwa raya lwn Datuk Haji Sahar Arpan*,²⁰⁹ mahkamah berpendapat salinan faksimili dan mikrofilem tergolong dalam kategori dokumen seperti yang diperuntukkan di bawah

²⁰⁵ Anwarullah. 2004. *Principles of Evidence in Islam*. Kuala Lumpur: Percetakan Zafar Sdn. Bhd. p. 121.

²⁰⁶ Murphy, Peter. 1988. *A Practical Approach to Evidence*. London: Blackstones Press. p. 486.

²⁰⁷ Nor Inayah Yaakub & Jasri Jamal. n.d. *Keterangan Dokumen Dan Teknologi, Syariah Dan Undang-undang: Suatu Perbandingan*. n.pl: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. p. 80.

²⁰⁸ *Pendakwa raya lwn Jawan Empaling* [1996] 2 CLJ 15.

²⁰⁹ *Pendakwa raya lwn Datuk Haji Sahar Arpan* [2007] 1 AMR.

Seksyen 3 Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 dan Akta Keterangan 1950.

Selain itu, rakaman video juga merupakan dokumen persendirian. Dalam kes *R lwn Masqud Ali*,²¹⁰ mahkamah memutuskan bahawa rakaman video yang melibatkan proses boleh dikategorikan sebagai dokumen menurut Takrifan Seksyen 3 Akta Keterangan 1950.

Hakim Bicara menyatakan seperti berikut:

Bukti perkara yang dilihat melalui teleskop atau teropong dan tidak dapat diambil oleh mata kasar telah diterima, dan sekarang ada alat untuk mengambil, menghantar, dan merakam perbualan. Kita tidak dapat melihat perbezaan prinsip antara rakaman pita dan foto. Dengan mengatakan ini, kita tidak boleh dianggap mengatakan bahawa rakaman seperti itu boleh diterima walau apa pun keadaannya, tetapi nampaknya mahkamah ini salah untuk menafikan undang-undang bukti kelebihan yang dapat diperolehi dengan teknik baru dan alat baru, dengan syarat ketepatan rakaman dapat dibuktikan dan suara yang dirakam dapat dikenal pasti dengan betul; dengan syarat bahawa bukti itu relevan dan boleh diterima, kami berpuas hati bahawa rakaman pita boleh diterima sebagai bukti.

Pita rakaman juga termasuk dalam kategori dokumen persendirian. Dalam kes *Mohd Ali Jaafar lwn Public Prosecutor*,²¹¹ mahkamah telah mensabitkan dakwaan rasuah terhadap tertuduh melalui pita rakaman. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menggunakan pita rakaman perbualan tertuduh sebagai bukti bagi mensabitkan dakwaan. Setelah meneliti pengesahan kesahihan pita rakaman tersebut, mahkamah telah menerima pita rakaman sebagai bahan bukti bagi mensabitkan dakwaan rasuah terhadap tertuduh kerana pita rakaman suara juga dianggap sebagai dokumen.²¹²

²¹⁰ *R lwn Masqud Ali* [1965] 2 All ER 464.

²¹¹ *Mohd Ali Jaafar lwn Public Prosecutor* [1998] 4 MLJ.

²¹² Jal Zabdi Mohd. Yusoff. 2003. *Pengenalan kepada Undang-Undang Keterangan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. p. 157.

Penyata bank juga boleh dijadikan keterangan di dalam mahkamah kerana dokumen tersebut diiktiraf sebagai dokumen persendirian. Dalam kes *RHB Bank Berhad lwn Lee Kai Shin & Lain-lain* telah memutuskan bahawa penyata bank yang dikemukakan oleh RHB Bank merupakan keterangan berbentuk dokumen dan diterima setelah disokong oleh keterangan yang diberikan oleh saksi dalam kes perjanjian jual beli.²¹³ Contoh dokumen persendirian juga boleh dilihat dalam kes *Hanafi bin Mat Hassan lwn Pendakwa Raya*,²¹⁴ iaitu tiket bas elektronik. Dokumen berbentuk elektronik yang dikemukakan dalam kes ini (tiket bas) dan keputusan DNA telah diterima dalam membuktikan tertuduh bersalah terhadap tuduhan merogol dan membunuh mangsa.

Manakala dalam kes *Ahmad Najib bin Aris lwn PP*,²¹⁵ meskipun tiada sijil dilampirkan, laporan pakar kimia dan rakaman CCTV diterima pakai sebagai dokumen yang dikeluarkan oleh komputer. Dokumen persendirian dalam kes ini ialah rakaman CCTV itu sendiri. Dokumen persendirian turut digunakan dalam pembuktian di mahkamah syariah antaranya dalam kes *Haji Hanafiah lwn Rokiah*.²¹⁶ Pihak suami telah menulis sepucuk surat kepada tuan imam dan meminta beliau untuk mendaftarkan cerai seperti yang terkandung dalam suratnya. Cerai tersebut telah didaftarkan namun kemudiannya Perayu menyatakan bahawa dia tidak berniat untuk bercerai. Kadi Besar memutuskan bahawa talak telah jatuh dan mengesahkan pendaftaran itu. Perayu kemudiannya telah membuat rayuan. Dalam rayuannya, Perayu mengakui bahawa dia

²¹³ Mohamad Azhan Yahya, Ahmad 'Azam Mohd Shariff & Mohd Abu Hassan Abdullah. 2017. "Keterangan Dokumen Dalam Bentuk Digital Di Mahkamah Syariah: Analisis Berkaitan Definisi Serta Kebolehterimaannya Di Sisi Prinsip Syariah Di Malaysia". *Journal Current Legal Issues*. Bangi: Penerbit UKM. September. p. 2.

²¹⁴ *Hanafi bin Mat Hassan lwn Pendakwa Raya* [2006] 3 CLJ 269-331.

²¹⁵ *Ahmad Najib bin Aris lwn PP* [2009] 2 MLJ 613.

²¹⁶ *Haji Hanafiah lwn Rokiah* [1982] 2 JH 103.

sendiri yang menulis dan membaca tulisan pada surat cerai tersebut tetapi tidak berniat untuk menjatuhkan talak. Beliau telah diminta untuk bersumpah nafi. Jawatankuasa berpuas hati dengan alasan-alasan keterangan dan sumpah, maka memutuskan talak tidak jatuh dan pendaftaran cerai dibatalkan. Dokumen persendirian yang dimaksudkan dalam kes ini ialah surat yang menjadi pertikaian tersebut.

Begitu juga jika dirujuk dalam kes *Haris b. Mohd Amin lwn Muhd Noor b. Mohd Amin & 3 Lain*,²¹⁷ Perayu tidak berpuas hati dengan keputusan Hakim Bicara yang mensabitkan hibah si mati kepada Responden 1 ke atas hartanah, wang simpanan dan barang kemas. Mahkamah semasa memutuskan rayuan tersebut mendapati Perjanjian Hibah bertarikh 23.10.2004 (P6) dan Perjanjian Hibah bertarikh 19.7.2010 (P7) telah membuktikan kewujudan hibah tersebut kerana P6 dan P7 merupakan dokumen-dokumen yang sah dan telah pun disetamkan di bawah Akta Setem 1949 bagi membolehkan dokumen tersebut dijadikan keterangan terutama tindakan sivil. Dokumen persendirian yang digunakan dalam kes ini ialah Perjanjian Hibah itu sendiri.

Manakala dalam kes *Moriazi bin Mohamad lwn Ajmawati bte Atan pula*,²¹⁸ Plaintiff mendakwa telah memberi pinjaman sebagai modal perniagaan berjumlah DS62,800.00 kepada Defendan semasa dalam tempoh perkahwinan mereka. Plaintiff menuntut Defendan untuk menjelaskan bayaran bagi baki pinjaman itu yang masih belum dijelaskan kepadanya. Plaintiff mengemukakan salinan cek berjumlah DS20,000.00 sebagai dokumen yang menunjukkan Defendan telah pun membayar sebahagian daripada hutang tersebut. Namun pada peringkat rayuan Mahkamah Rayuan

²¹⁷ *Haris b. Mohd Amin lwn Muhd Noor b. Mohd Amin & 3 Lain* [2014]. Mahkamah Rayuan Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kes Rayuan No. 14000-044-0048-2014. (Tidak dilaporkan).

²¹⁸ *Moriazi bin Mohamad lwn Ajmawati bte Atan* [2005] 4 *ShLR* 108.

Syariah telah menolak keterangan tersebut dengan alasan tiada saksi atau sebarang keterangan lain dikemukakan untuk menyokong *qarīnat* bagi dokumen tersebut.

Jika dilihat dalam kes ini, Mahkamah Rayuan Syariah Selangor seolah-olahnya tidak menerima keterangan dokumen elektronik tersebut kerana menolak dapatan dan pendapat Hakim Bicara. Namun, sebenarnya ia tidaklah boleh disimpulkan sebegitu kerana penolakan pembuktian dokumen itu adalah disebabkan perbezaan pendapat dari sudut kaedah untuk membuktikan dokumen itu sahaja. Berdasarkan penghakiman kedua-dua mahkamah, didapati bahawa kedua-dua mahkamah sebenarnya menerima dokumen elektronik namun berbeza dari sudut kaedah pembuktian dokumen. Perbezaan inilah yang menyebabkan kepada perbezaan penerimaan dokumen elektronik tersebut sebagai keterangan dan kaedah pembuktian dalam kes tersebut.

Berdasarkan keseluruhan perbincangan ini, boleh difahami bahawa dokumen persendirian boleh diterima sebagai kaedah pembuktian di mahkamah syariah. Status keterangan dokumen persendirian tidaklah sekuat dokumen awam yang boleh dicabar kredibilitinya kerana timbulnya dakwaan pemalsuan atau pihak-pihak mengingkari tulisan atau tandatangan yang terdapat pada dokumen tersebut. Keterangan dokumen persendirian boleh diguna pakai semasa perbicaraan apabila hakim bicara berpuas hati dokumen tersebut tidak diragui keaslian dan ketulenannya.²¹⁹

2.6. Perbezaan Dokumen Awam dan Dokumen Persendirian

Sekiranya kita perhatikan kepada perbincangan oleh ulama-ulama silam, kita dapati bahawa perbincangan mereka berkaitan dengan kesahan dokumen sebagai salah satu

²¹⁹ Wan Abdul Fattah Wan Ismail & Zulfakar Ramlee. 2013. "Keterangan melalui Kitabah: Menurut Fiqh dan Undang-undang Semasa di Malaysia". *Jurnal Undang-undang dan Masyarakat*. Bangi: UKM. Vol. 17. No. 1. p. 4.

kaedah pembuktian adalah tanpa membezakan jenis dokumen tersebut sama ada dokumen rasmi awam ataupun dokumen persendirian. Salah satu kaedah yang diberikan oleh ulama terdahulu untuk membezakan kedua-duanya adalah dengan cara memahami tafsiran yang diberikan kepada kedua-dua jenis tersebut.²²⁰

Dokumen rasmi atau awam ini merupakan pernyataan, catatan dalam bentuk bertulis yang dibuat oleh penguasa, ketua negara atau orang yang diberi kuasa, atau mana-mana orang yang ditugaskan dengan tugas rasmi, semasa menjalankan tugas, dalam batasan bidang kuasa wilayah, kemahiran, kecekapan dan peraturan yang mengatur kebolehterimaan dokumen rasmi. Perkara ini adalah termasuk dokumen yang dibuat untuk tujuan pembuktian oleh pihak kehakiman. Dokumen awam ialah dokumen yang disusun atau dibuat oleh penjawat awam, yang termasuk dalam tugas rasmi, peraturan dan syarat yang mengatur penerimaan dokumen tersebut.²²¹

Dokumen awam meliputi dokumen yang mengandungi tindakan atau rekod tindakan kepada tiga (3) golongan iaitu yang pertama ialah pemerintah berdaulat dan golongan kedua ialah badan rasmi dan tribunal. Sementara golongan ketiga ialah penjawat awam, pegawai perundangan, pegawai kehakiman dan pegawai eksekutif Persekutuan, negeri atau negara luar. Dokumen awam juga termasuklah rekod awam yang disimpan di Malaysia mengenai apa-apa dokumen persendirian.²²²

Dokumen persendirian pula adalah sebaliknya iaitu dokumen yang tidak dikeluarkan oleh pemerintah; berada di luar lingkungan atau kategori dokumen awam;

²²⁰ Mohammad Mahmud Hashim. 1988. *Al-Qadā' wa Niẓām al-Ithbāt fī al-Fiqh al-Islāmi wa al-Zimā al-Wad'iyyat*. Riyadh: Matba'at Jami'at al-Malik Saud. p. 216.

²²¹ Ahmad Ibrahim Bik. 1985. *Ṭurūq al-Ithbāt al-Syar'iyyat ma'a Bayān Ikhtilāf al-Madhāhib al-Fiqhiyyat*. Cairo: Matba'at al-Qahirat. p. 82.

²²² Malaysia. 1997. *Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997*. (Akta 561). Seksyen 57.

dan mengandungi syarat yang berbeza dari sudut penerimaan dokumen berbanding dengan dokumen awam.²²³ Dokumen ini termasuklah dokumen yang dikeluarkan oleh penjawat awam namun dikeluarkan atas kapasiti peribadinya sendiri.

Dokumen persendirian pula merupakan sebilangan besar dokumen yang biasanya dibuat oleh individu berkenaan dengan sebarang transaksi sama ada komersial swasta atau sebaliknya. Dokumen persendirian agak luas berbanding dengan dokumen awam bersesuaian dengan peruntukan undang-undang yang menyatakan bahawa dokumen persendirian adalah selain daripada dokumen awam.²²⁴ Ia merangkumi dokumen yang dikeluarkan oleh syarikat swasta atau persendirian dan badan korporat. Syarikat swasta mempunyai status sah orang persendirian dan dokumen syarikat swasta harus diperlakukan secara sah sebagai dokumen peribadi. Manakala badan korporat juga diletakkan sebagai orang persendirian, oleh itu ia mesti dianggap sebagai orang sah swasta, maka semua dokumen daripada badan korporat dapat dijadikan sebagai bukti utama.²²⁵

Pengkaji merumuskan bahawa terdapat lima (5) faktor yang boleh membezakan antara dokumen awam dengan dokumen persendirian.

- a) **Pertama:** dokumen awam mengandungi tindakan atau rekod pemerintah berdaulat, badan rasmi, tribunal dan penjawat awam termasuklah pegawai perundangan, pegawai kehakiman dan pegawai eksekutif Persekutuan, negeri atau negara asing manakala dokumen persendirian adalah sebilangan dokumen yang

²²³ Murphy, Peter. 1988. *A Practical Approach to Evidence*. London: Blackstones Press. p. 485.

²²⁴ Malaysia. 1997. *Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997*. (Akta 561). Seksyen 58.

²²⁵ Y.D. Nokes. 1967. *An Introduction to Evidence*. 4th Edition. London: Sweet & Maxwell. pp. 353-354.

tidak dikeluarkan oleh pemerintah dan yang berada di luar kategori dokumen awam.

- b) **Kedua:** dokumen awam diterbitkan atau ditandatangani oleh pegawai yang dilantik khas oleh kerajaan. Dokumen tersebut hendaklah ditandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa menjalankan tugas tersebut manakala dokumen persendirian adalah dokumen yang dikeluarkan atas sifat peribadi individu sama ada pegawai awam atau sebaliknya.
- c) **Ketiga:** dokumen awam mempunyai status pembuktian yang kuat dan tidak boleh dinafikan setelah memenuhi syarat-syarat ditetapkan undang-undang manakala dokumen persendirian boleh ditolak sekiranya berlaku penafian tandatangan daripada pihak yang terbabit dan tidak memenuhi tahap pembuktian yang ditetapkan undang-undang.
- d) **Keempat:** dokumen awam mempunyai kuasa eksekutif dari sudut pelaksanaannya, segala maklumat dan arahan yang terkandung dalam dokumen tersebut boleh dilaksanakan tanpa perlu merujuk terlebih dahulu kepada pihak pemerintah untuk mendapatkan pengesahan manakala pelaksanaan dokumen persendirian perlu dirujuk kepada pihak-pihak yang berautoriti seperti kerajaan atau seumpamanya bagi membuat pengesahan dokumen yang terkandung di dalamnya untuk tindakan seterusnya.²²⁶
- e) **Kelima:** pembuktian dokumen awam memadai dengan mengemukakan dokumen asal²²⁷ sahaja atau salinan dokumen asal yang telah diakui benar oleh penjaga

²²⁶ Wan Abdul Fattah Wan Ismail. 2020. *Keterangan Dokumentar menurut Fiqh dan Undang-undang Keterangan Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka. pp. 82-83.

²²⁷ Malaysia. 1997. *Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997*. (Akta 561). Seksyen 49.

dokumen.²²⁸ Pembuktian dokumen persendirian pula hendaklah bergantung pada pengemukaan dokumen persendirian yang asal dan pengakuan pembuat dokumen di mahkamah.²²⁹

2.7. Pemalsuan Dokumen Persendirian

Walaupun ciri-ciri dokumen bersifat kekal bagi tempoh yang lama, namun tidaklah bermakna dokumen akan terselamat daripada pemalsuan dan penipuan. Kes pemalsuan dokumen sering dilaporkan berlaku seiring dengan perkembangan teknologi. Contoh pemalsuan dokumen di mahkamah syariah ialah pemalsuan kad pengenalan, surat nikah, surat kelulusan perkahwinan poligami, surat wasiat, surat beranak untuk memastikan status anak, slip gaji dalam kes berkaitan dengan nafkah, perubahan makna asal atau kandungan dokumen dan pengambilan pernyataan palsu.²³⁰

Pemalsuan ini boleh berlaku kepada apa-apa jenis dokumen sekalipun, namun perbincangan berkaitan topik ini lebih menjurus kepada pemalsuan berkaitan dengan dokumen persendirian kerana dokumen persendirian ini lebih mudah dipalsukan berbanding dengan dokumen awam. Keadaan ini dapat dilihat berdasarkan kes-kes pemalsuan yang dilaporkan terutamanya dalam akhbar-akhbar arus perdana yang kebanyakannya melibatkan dokumen persendirian. Sebagai contoh, tiga pengurus syarikat direman selama tujuh hari kerana mengemukakan dokumen palsu bagi mendapatkan tender pembekalan makanan daripada sebuah kementerian dengan nilai

²²⁸ ibid. Seksyen 59.

²²⁹ ibid. Seksyen 56.

²³⁰ Wan Abdul Fattah Wan Ismail, Zul Hilmi Abdullah, Abd Hamid Abd Murad, Nurfadhilah Che Amani, Lukman Abdul Mutalib, Lukmanul Hakim Hanafi & Madiah Mohammad Khir. 2015. "Bentuk-bentuk Pemalsuan Dokumen menurut Fiqh dan Perundangan Islam di Malaysia: Satu Analisa". *The E-Journal of Sultan Alauddin Sulaiman Shah*. Bangi: Penerbit KUIS. Vol. 2. No. 1. p. 113.

berjumlah RM8.1 juta. Difahamkan, ketiga-tiga suspek mengemukakan dokumen palsu ketika menyertai proses tender berkenaan pada 2018 dengan setiap tender bernilai RM2.7 juta. Ketiga-tiga suspek sebelum itu ditahan di pejabat SPRM antara jam 4.00 petang hingga 8.00 malam ketika hadir memberikan keterangan.²³¹

Pemalsuan dalam Bahasa Arab ialah *tazwīr*, kata terbitan daripada *zawwara* yang bermaksud pendustaan dan kebatilan. *Zawwara* bermaksud perkataan atau perbuatan yang menyimpang daripada kebenaran.²³² Imam Syafii berpendapat *tazwīr* ialah penjiplakan dan peniruan tulisan.²³³ Perkataan pemalsuan berasal dari kata “palsu” yang membawa maksud membuat atau membentuk. Walaupun demikian “pemalsuan” dari sudut undang-undang membawa konotasi yang negatif kerana ia memberi maksud untuk memalsukan, membuat kesamaan dengan sesuatu yang lain dan dengan niat jahat. Perkataan palsu merupakan istilah seni dan ia bermaksud pembuatan dokumen palsu dengan niat untuk menipu.²³⁴ Menurut Ahmad Ibrahim pula, *tazwīr* adalah mengubah suatu dokumen yang asal dengan cara meniru tulisan orang lain, tandatangan atau cap; menambah atau mengurangkan kandungan asal seperti mengubah nama bapa kanak-kanak pada sijil kelahiran kepada orang lain.²³⁵

Black Letter Law mendefinisikan pemalsuan sebagai membuat dokumen palsu untuk menipu. Perbuatan membuat dokumen palsu untuk tujuan penipuan mesti dibaca

²³¹ Zattul Iffah Zolkipli. 2020. “3 Pengurus Direman Tujuh Hari Kemuka Dokumen Palsu Tender Pembekalan Makanan RM8.1 juta”. *Berita Nasional. Berita Harian*. Kuala Lumpur. 17 Oktober. p. 22.

²³² Wan Abdul Fattah Wan Ismail. 2020. *Keterangan Dokumentar menurut Fiqh dan Undang-undang Keterangan Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka. p. 113.

²³³ Al-Jamal, Sulaiman bin Umar bin Mansur al-Ujaili. 1996. *Hāsyīat al-Jamāl ‘ala Syarḥ al-Minhāj*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah. Vol. 7. p. 99.

²³⁴ Mohammed b. Hemraj. 2002. “The Crime of Forgery”. *Journal of Financial Crime*. n.pl: C Henry Stewart Publications. Vol. 9. No. 4. pp. 355-356.

²³⁵ Ahmad Ibrahim Ibrahim. 1928. *Ṭurūq al-Qaḍa’ fī al-Syarī‘ah al-Islāmīyyah*. Al-Qaherah: Matba’ah al-Salafīyyah. p. 107.

bersama. Selain itu, pemalsuan boleh menjadi alat untuk melakukan kesalahan lain seperti penipuan, kecurangan, pecah amanah dan penyelewengan harta benda dan pemalsuan dokumen.²³⁶ Menurut pengamal undang-undang, pemalsuan ialah pengubahsuaian yang dibuat pada dokumen asal dengan niat untuk melakukan penipuan, sama ada penipuan dilakukan secara eksplisit dengan menghapus atau mengubah makna kata atau kandungan tertentu yang mengakibatkan kerosakan atau kecederaan *darār* kepada salah satu orang awam atau individu.²³⁷

Dalam konteks perakaunan pula, pemalsuan dirujuk sebagai perakaunan palsu yang merupakan pemalsuan atau pemusnahan rekod.²³⁸ Menurut Harrison, definisi pemalsuan yang tepat adalah ketika definisi tersebut memenuhi elemen berikut, iaitu perubahan berlaku pada kandungan asal; perubahan ini mengubah syarat makna asal dokumen yang berkaitan; dan dalam bentuk yang ditentukan oleh undang-undang. Perubahan tersebut akan mendatangkan bahaya kepada pihak-pihak dan pemalsuan dilakukan dengan sengaja.²³⁹

2.8. Hukum Memalsukan Dokumen Persendirian

Para ulama tidak membincangkan hukum memalsukan dokumen persendirian ini secara khusus dan terperinci. Bahkan kita boleh lihat bahawa tidak ramai ulama yang membahaskan hukum pemalsuan dokumen secara khusus. Walaupun demikian dalam

²³⁶ Khairul Anuar Abd. Hadi, Halil Paino & Suria Fadhilah Md Pauzi. 2015. "The Legal Overview on Falsification, Fraud and Forgery". *International Accounting and Business Conference 2015*. Putrajaya: The Everly Hotel. 17-18 August. p. 582.

²³⁷ Wan Abdul Fattah Wan Ismail. 2015. "Forms of Document Falsification in Malaysia's Syariah Courts". *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*. Bangi: Penerbit UKM. Vol. 11. Issue 9. p. 32.

²³⁸ Syed Zulfikar Ali Shah, Safdar Butt & Yasir Tariq. 2011. "Use or Abuse of Creative Accounting Techniques". *International Journal of Trade, Economics and Finance*. n.pl: n.pb. Vol. 2. No. 2. Disember. pp. 531-536.

²³⁹ Wan Abdul Fattah Wan Ismail. 2015. "Forms of Document Falsification in Malaysia's Syariah Courts". *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*. Bangi: Penerbit UKM. Vol. 11. Issue 9. p. 32.

konteks ini, para ulama telah bersepakat untuk berpendirian bahawa memalsukan dokumen dan memberi kesaksian palsu memberi maksud yang sama. Bahkan para ulama usul menggunakan istilah *tazwīr* yang merujuk kepada kesaksian palsu.

Lanjutan daripada perkara ini, hukum dan dalil bagi pemalsuan dokumen dan memberikan kesaksian palsu adalah berkait rapat antara satu sama lain²⁴⁰ Pemalsuan dokumen dan kesaksian palsu kedua-duanya adalah perbuatan yang memudaratkan orang lain dan yang membezakan kedua-duanya hanyalah bentuk yang digunakan sahaja iaitu pemalsuan dokumen berlaku pada catatan dokumen tersebut manakala kesaksian palsu melalui kata-kata.²⁴¹

Hukum memberi kesaksian palsu dengan sengaja adalah berdosa besar dan jika sabit, boleh dikenakan hukuman takzir.²⁴² Perkara ini bermakna menggunakan dokumen palsu di mahkamah adalah sama hukumnya dengan menggunakan saksi palsu bagi menyokong tuntutan pihak-pihak iaitu berdosa besar dan boleh dikenakan hukuman. Dalam konteks Malaysia, jenayah seperti penipuan, pemalsuan, pencurian dan fitnah jenayah dilindungi oleh Kanun Keseksaan sementara kesalahan menggodam pula dilindungi oleh Akta Jenayah Komputer 1997. Kesalahan ini tidak termasuk di bawah Bahagian 3 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1997.²⁴³ Perbuatan memusnahkan, mengubah atau memalsukan sebarang dokumen asal dianggap sebagai memalsukan di bawah Seksyen 477A Kanun Keseksaan.

²⁴⁰ Wan Abdul Fattah Wan Ismail. 2020. *Keterangan Dokumentar Menurut Fiqh dan Undang-undang Keterangan Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka. p. 114.

²⁴¹ Al-Ghazali, Muhammad Ibn Muhammad. 1417. *Al-Wasī fī al-Madhhab*. Kaherah: Dar al-Salam. Vol. 6. p. 262.

²⁴² Hamid Jusoh. 2007. "Tazkiyyah al-Syuhud". Nasimah Hussin et al. *Siri Perkembangan Undang-undang di Malaysia*. Kuala Lumpur: DBP. Vol. 13. pp. 163-164.

²⁴³ Duryana Mohamed. 2008. *Electronic Evidence in the Information Communication Technology Environment in Malaysia: A Study on Procedure and Admissibility*. (Tesis Doktor Falsafah). Universiti Islam Antarabangsa. p. 304.

Al-Buwaiti mentafsirkan *tazwīr* sebagai semua perkataan atau perbuatan yang mengaburi kebenaran sehingga tidak kelihatan sama ada pada kata-kata seperti saksi palsu ataupun perbuatan seperti menjiplak tulisan dengan tujuan menipu dalam pembuktian.²⁴⁴ Pandangan ini disandarkan oleh firman Allah yang melarang manusia daripada berkata dusta sebagaimana berikut:

ذَلِكَ وَمَنْ يُعْظَمَ حُرْمَاتِ اللَّهِ فَهُوَ خَيْرٌ لَهُ عِنْدَ رَبِّهِ وَأَحَلَّتْ لَكُمْ الْأَنْعَامَ إِلَّا مَا يُتْلَى عَلَيْكُمْ
فَاجْتَنِبُوا الرِّجْسَ مِنَ الْأَوْثَانِ وَاجْتَنِبُوا قَوْلَ الزُّورِ

Itulah yang wajib dipatuhi dan sesiapa yang menghormati hukum-hukum Allah maka yang demikian menjadi kebaikan baginya di sisi Tuhannya dan dihalalkan bagi kamu binatang-binatang ternak, kecuali yang dibacakan kepada kamu (tentang haramnya), maka jauhilah kekotoran syirik yang disebabkan oleh penyembahan berhala, serta jauhilah perkataan yang dusta.²⁴⁵

(Al-Quran. Al-Hajj 22: 30)

Ayat ini dengan jelas menerangkan tegahan Allah SWT terhadap manusia daripada sebarang perbuatan dengan cara menyembah berhala serta perintah-Nya untuk menjauhi perkataan dusta. Selain larangan daripada al-Quran, tegahan tersebut juga datang melalui Hadis Baginda Rasulullah SAW yang melarang umat Baginda daripada berkata dusta sebagaimana Hadis yang berbunyi:

ألا أنبئكم بأكبر الكبائر؟ ثلاثا، قالوا: بلى يا رسول الله، قال: الإشراف بالله، وعقوق الوالدين
وقول الزور.

“Mahukah kalian aku beritahu dosa yang paling besar? Rasulullah mengulangi sebanyak tiga kali. Para sahabat menjawab, “Bahkan ya Rasulullah.: Maka Rasulullah bersabda, “melakukan syirik kepada Allah, derhaka kepada orang tua dan kesaksian palsu.” (Hadis. Al-Bukhari. Kitab al-Adab. No.3: 2654)²⁴⁶

²⁴⁴ Wan Abdul Fattah Wan Ismail. 2020. *Keterangan Dokumentar menurut Fiqh dan Undang-undang Keterangan Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka. p. 112.

²⁴⁵ Al-Quran. Al-Hajj 22: 30.

²⁴⁶ Al-Bukhari, Abu Muhammad Abdullah Muhammad Ibn Ismail. 1422. *Al-Jāmi' al-Musnad al-Ṣaḥīḥ al-Bukhārī al-Mukhtaṣar min 'Umur Rasūlillah Ṣallallahu 'Ala'ihī Wassalam wa Sunanihi wa Ayyāmin Min Ṣaḥīḥ al-Bukhārī. Kitāb al-Adab. Bab Shahādah al-Zur*. No. Hadis 2654. Dar Thuq Najah. Vol. 3. p. 172.

Berdasarkan kedua-dua dalil dapat diperhatikan bahawa larangan mensyirikkan Allah diiringi dengan tegahan daripada terlibat dengan pendustaan (pembongkaran) dan kesaksian palsu termasuklah pemalsuan dokumen. Keadaan ini menunjukkan bahawa perbuatan membuat pemalsuan sama ada dengan perkataan ataupun perbuatan amat adalah ditegah oleh Allah SWT.²⁴⁷

Rumusannya di sini ialah keterangan yang dibuat berdasarkan dokumen palsu hendaklah ditolak kerana pengiktirafan atau penerimaannya boleh memudaratkan atau menzalimi pihak satu lagi. Sebagai contoh, objektif utama undang-undang tanah yang menggunakan sistem *torrens* adalah untuk menjadikan pendaftaran dokumen hak milik sebagai bukti konklusif terhadap pemilikan sesuatu hartanah. Perkara ini bermaksud semua urusan niaga yang didaftarkan di bawah Kanun Tanah Negara 1965 akan mendapat pengiktirafan dan perlindungan hak yang tidak boleh disangkal.²⁴⁸

Prinsip ini diperkukuhkan dalam kes *Teh Bee v K Maruthamuthu*,²⁴⁹ Mahkamah Persekutuan telah mengesahkan bahawa di bawah sistem *torrens*, daftar adalah segala-galanya dan membenarkan siasatan dilakukan ke atas hak seorang pemilik berdaftar merupakan amalan yang salah kerana ia akan menjejaskan maksud dan matlamat pendaftaran. Mahkamah memutuskan bahawa fakta pendaftaran dokumen hak milik atas nama Perayu merupakan satu bukti konklusif bahawa hak milik ke atas tanah itu adalah terletak kepada perayu. Namun prinsip tersebut mempunyai pengecualian iaitu hak milik

²⁴⁷ Samir Burhan Mahmoud Hasan. 2010. *Ahkām Jarāim al-Tazwīr fī Fiqh al-Islām*. Nablus: Universiti Najah. p. 30.

²⁴⁸ Rabi'ah Muhammad Serji. 2015. "Fraud dan Pemalsuan dalam Urus Niaga Tanah: Kesan Terhadap Hak Milik Tidak Boleh Disangkal". *Proceeding of the 2nd International Conference on Management and Muamalah 2015*. (2nd ICoMM). Bangi, Selangor. 16 – 17 Nov. p. 71.

²⁴⁹ *Teh Bee lwn K Maruthamuthu* [1977] 2 MLJ 7.

atau kepentingan mana-mana orang atau badan sedemikian tidak menjadi sesuatu yang tidak boleh disangkal jika pendaftaran diperoleh secara pemalsuan.²⁵⁰

Pemalsuan boleh wujud dalam keadaan seseorang yang menyalahgunakan nama pemilik berdaftar dan tandatangannya untuk melaksanakan satu pendaftaran hak milik yang baharu. Hal ini diperkukuhkan dalam kes *Ong Lock Choo v Quek Shin & Sons Ltd*,²⁵¹ seorang pemilik tanah telah memberikan dokumen hak miliknya kepada seorang peguam untuk urusan pendaftaran gadaian. Kerani peguam itu kemudiannya telah memalsukan surat cara berkenaan dan menggadai tanah itu kepada orang lain. Mahkamah memutuskan bahawa gadaian yang didaftarkan itu tidak sah.

2.9. Bentuk Pemalsuan Dokumen Persendirian

Terdapat dua bentuk pemalsuan bagi dokumen persendirian iaitu pemalsuan secara jelas (*al-māddī*) dan pemalsuan secara tidak jelas (*al-ma'nawī*). Berikut merupakan penerangan mengenai kedua-duanya.

2.9.1 Pemalsuan secara Jelas (*al-Maddī*)

Pemalsuan secara jelas dan terang-terangan (*al-maddī*) bermaksud perubahan yang dibuat oleh seseorang terhadap sesuatu dokumen secara jelas dan perubahan tersebut meninggalkan kesan yang nyata dan dapat dilihat. Contohnya, meniru tulisan atau tandatangan orang lain. Dewasa ini, pemalsuan secara jelas dapat dilihat dalam beberapa bentuk antaranya ialah pemalsuan secara pindaan; pemalsuan secara menghapus atau menokok tambah maklumat; dan pemalsuan cap.²⁵²

²⁵⁰ Persekutuan. 1965. *Kanun Tanah Negara 1965*. Seksyen 340(2)(b).

²⁵¹ *Ong Lock Choo v Quek Shin & Sons Ltd* [1941] MLJ 88.

²⁵² Wan Abdul Fattah bin Wan Ismail. 2011. "Kaedah Pembuktian melalui Kitabah Elektronik di Mahkamah Syariah". *Jurnal Hukum*. Putrajaya: JKSM. Vol. 32. No. 2. p. 127.

Contoh kes yang melibatkan pemalsuan ialah seorang bekas peguam telah didakwa di mahkamah majistret atas pertuduhan menggunakan dokumen mahkamah palsu. Abd Malek Mohamad Nor, 60, walau bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan ke atasnya dibacakan di hadapan Majistret Tawfiq Affandy Chin. Mengikut pertuduhan, bapa kepada dua orang anak itu didakwa telah menggunakan sebuah dokumen palsu iaitu dokumen perintah saman pemula bertarikh 27 April 2016 dari Mahkamah Tinggi Sivil Shah Alam. Dia dituduh melakukan kesalahan itu di pejabat firma guaman Malek & Associates di Binjai 8, Lorong Binjai 2, di sini pada 23 Jun 2016 mengikut Seksyen 471 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara maksimum tujuh tahun dan boleh dikenakan denda, jika sabit kesalahan.²⁵³

Pemalsuan secara pindaan boleh dilakukan sama ada secara terus atau secara langsung dan pindaan secara tidak terus atau tidak langsung. Pindaan dilakukan secara terus atau secara langsung dibuat dengan cara peniruan tulisan, pemindahan tandatangan atau seumpamanya. Kadangkala pemalsuan bentuk ini amat mengelirukan dan sukar untuk membezakan sama ada ia dokumen asal atau palsu. Antara kaedah peniruan ini adalah dengan melakukannya menggunakan kertas karbon yang apabila ditulis di atasnya, akan meninggalkan kesan kepada kertas yang berada di bawahnya. Selain penggunaan kertas karbon sebenarnya banyak lagi cara atau kaedah lain yang boleh dibuat untuk meniru dan memalsukan dokumen secara langsung.

Manakala pindaan secara tidak terus atau tidak langsung adalah pemindahan palsu tulisan atau tandatangan dari dokumen asal kepada dokumen palsu. Pemalsuan bentuk ini sebenarnya hampir sama dengan peniruan secara langsung, tetapi ia berbeza sedikit

²⁵³ n.a. 2020. "Bekas Peguam Didakwa Guna Dokumen Palsu". *Harian Metro*. Kuala Lumpur. 16 Oktober. p. 8.

dari segi caranya. Pemalsuan bentuk ini akan menggunakan perantara dalam pemindahan data, terutamanya bagi individu yang tidak boleh membuat pindahan secara langsung. Sebagai contoh menulis secara menekan di atas tulisan dokumen asal sehingga memberi kesan kepada kertas di bawahnya; tandatangan menggunakan kertas telus; karbon yang diletakkan di bawah dokumen asal; membuat pengimejan dengan menggunakan kamera; atau membuat salinan secara fotostat dan memindahkannya ke atas kertas lain yang kelihatan seolah-olah dari kertas yang asal.²⁵⁴

Pemalsuan dokumen secara jelas juga boleh berlaku dengan cara menghapus atau menokok tambah maklumat. Penghapusan maklumat dalam dokumen dapat dibuat sama ada menggunakan pemadam getah biasa atau cecair kimia yang boleh menghilangkan tulisan tanpa meninggalkan kesan dalam menokok tambah maklumat. Penambahan maklumat boleh dibuat dengan cara menambah perkataan, frasa, nombor, tandatangan atau memadamkan sesuatu maklumat dan menggantikannya dengan maklumat yang lain.²⁵⁵ Sebagai contoh, pemalsuan adalah satu mekanisme untuk melakukan penipuan dan melibatkan pengubahsuaian dokumen asal tanpa kebenaran yang sah termasuklah proses membuat laporan audit oleh juruaudit. Dalam sektor kewangan dan korporat, pemalsuan boleh berlaku dalam penyata kewangan dan apa-apa dokumen lain yang berkaitan dengan akaun syarikat sama ada berkaitan dengan liabiliti dan aset syarikat.²⁵⁶

Pemalsuan dokumen secara jelas juga boleh berlaku dengan cara pemalsuan cap. Kebanyakan jabatan, institusi dan syarikat memiliki cap khas sebagai simbol rasmi perniagaan. Fungsi cap adalah bagi menzahirkan identiti seseorang atau organisasi dan

²⁵⁴ Wan Abdul Fattah Bin Wan Ismail. 2011. "Kaedah Pembuktian melalui Kitabah Elektronik di Mahkamah Syariah". *Jurnal Hukum*. Putrajaya: JKSM. Vol. 32. No. 2. pp. 127-130.

²⁵⁵ *ibid.* p. 130.

²⁵⁶ Todd, P. 2003. "Fraudulent Misrepresentation in Shipping Documents." 2 *CLJ*. p. ixixxi.

diturunkan ke atas sesuatu dokumen sama ada ia bersifat rasmi atau persendirian. Sebelum ini cap kebiasaannya diperbuat daripada logam seperti tembaga atau perak. Namun pada hari ini kebanyakan cap diperbuat daripada plastik atau getah. Pemalsuan cap ini cukup mudah dibuat iaitu dengan hanya membawa sampel atau contoh cap yang hendak ditiru di atas kertas.²⁵⁷

Contohnya, pemalsuan cap ini telah pun berlaku seawal zaman pemerintahan Sayidina Umar Ibn al-Khattab RA lagi apabila Ma'n Ibn Zaidah telah memalsukan cop mohor baitulmal sehingga berjaya memperdaya pihak baitulmal untuk mengeluarkan sejumlah wang bagi kegunaan peribadinya.²⁵⁸ Contoh lain, seramai 46 individu termasuk 27 pegawai jabatan imigresen telah ditahan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) selepas disyaki terbabit dalam sindiket salah guna cop keluar masuk sempadan negara. Selain daripada 27 orang pegawai imigresen, 19 lagi yang ditahan adalah orang awam termasuk 14 ejen pekerja asing yang berusia di antara 21 hingga 46 tahun dan dipercayai menjadi orang tengah dalam operasi haram itu.²⁵⁹

2.9.2 Pemalsuan Secara Tidak Jelas (*al-Ma'nawī*).

Pemalsuan dokumen secara *ma'nawī* atau tidak jelas berlaku dengan mengubah tajuk dan maksud asal sesuatu dokumen. Pemalsuan dokumen secara *ma'nawī* tidak menjejaskan bentuk secara zahir dokumen, melainkan jika ia diperhatikan secara teliti.

²⁵⁷ Wan Abdul Fattah Wan Ismail. 2015. "Forms of Document Falsification in Malaysia's Syariah Courts". *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*. Bangi: Penerbit UKM. Vol. 11. Issue 9. p. 34.

²⁵⁸ Ibn Qudamah, Abi Muhammad Abdullah bin Ahmad bin Mahmud. 1996. *Al-Mughnī*. Al-Qaherat: Dar al-Hadith. Vol. 10. p. 348.

²⁵⁹ Faris Fuad, Mohd Roji Kawi, Nor Atiqah Sulaiman & Nurul Amanina Suhaini. 2020. "46 Individu Direman Tujuh Hari". *Berita Nasional. Berita Harian*. Kuala Lumpur. 18 November. p. 16.

Pemalsuan dalam bentuk ini kebiasaannya berlaku dalam dua bentuk iaitu menukar bebanan atau tanggungjawab seseorang; dan menulis kenyataan palsu.²⁶⁰

Pemalsuan dokumen dengan mengubah maksud atau kandungan asal dokumen biasa berlaku apabila seseorang pegawai telah mengamanahkan kepada pekerjaanya untuk mencatatkan sesuatu fakta atau keterangan. Namun pekerja tersebut telah mengubah fakta asal dan fakta yang dipalsukan menjadikannya seolah-olah benar dan asli. Pemalsuan cara ini kadangkala berlaku juga pada dokumen rasmi yang kebiasaannya dilakukan oleh kakitangan dalam jabatan yang terlibat, kerana ia amat sukar untuk dilakukan oleh orang luar dari jabatan tersebut. Sebagai contoh seorang penterjemah telah mengubah maksud asal daripada dokumen yang diterjemahkan seperti mengubah status cerai dengan talak tiga secara sekali gus kepada talak tiga secara berasingan; mengubah rekod pinjaman seseorang dengan pihak bank; dan seumpamanya.²⁶¹

Contoh bagi situasi ini ialah satu kes yang telah dilaporkan iaitu seorang bekas Pengarah Jabatan Pelesenan Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) tidak mengaku bersalah atas pertuduhan menipu Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan dan Perniagaan (JPP) pada tahun 2017 di Mahkamah Sesyen Ayer Keroh. Mengikut pertuduhan, Hafizawati didakwa tidak jujur menggunakan minit mesyuarat iaitu Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan dan Perniagaan yang diketahui palsu di Bilik Mesyuarat Hang Tuah pada 10 April 2017 jam 2.30 petang semasa bertugas sebagai Pengarah di Jabatan Pelesenan MPHTJ. Tertuduh didakwa melakukan kesalahan di

²⁶⁰ Wan Abdul Fattah Bin Wan Ismail. 2011. "Kaedah Pembuktian melalui Kitabah Elektronik di Mahkamah Syariah". *Jurnal Hukum*. Putrajaya: JKSM. Vol. 32. No. 2. p. 131.

²⁶¹ Wan Abdul Fattah Wan Ismail. 2020. *Keterangan Dokumentar menurut Fiqh dan Undang-undang Keterangan Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka. p. 133.

bawah Seksyen 471 Kanun Keseksaan (Akta 574) dan boleh dihukum di bawah Seksyen 465 akta yang sama yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.²⁶²

Pemalsuan dengan cara pengambilan kenyataan palsu berlaku apabila pihak yang berautoriti mengambil keterangan daripada seseorang yang memberi kenyataan palsu. Pegawai yang mencatat maklumat tersebut menjangkakan bahawa kesemua maklumat dan fakta yang diberikan adalah benar. Contohnya, seseorang yang membuat kenyataan di hadapan pendaftar bahawa saudara perempuannya telah mewakilkan kepadanya untuk melaksanakan akad nikah. Berdasarkan alasan yang diberikan, pendaftar menerima kenyataan tersebut dan telah mencatatkannya dalam rekod sedangkan saudara perempuannya tidak pernah mewakilkan akad nikah tersebut.²⁶³

Pada pandangan pengkaji, bentuk pemalsuan bukan hanya terhad setakat yang dijelaskan sebelum ini. Ia hendaklah termasuk juga pemalsuan dalam bentuk menggunakan dokumen palsu bagi menyokong sesuatu permohonan dengan niat untuk mempengaruhi pegawai yang menguruskan urusan permohonan tersebut. Perkara ini adalah termasuk dalam tafsiran bentuk ini.

Contoh bagi situasi ini ialah satu kes membabitkan seorang kerani di sebuah ladang yang didenda RM3,500 oleh Mahkamah Majistret Seremban selepas mengaku bersalah atas pertuduhan membuat tuntutan palsu bayaran faedah Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) pada tahun 2019. Majistret Norzaliza Tesmin menjatuhkan hukuman itu terhadap S. Uma Devi, 24 dan memerintahkan tertuduh

²⁶² n.a. 2020. "Bekas Pengarah Tak Mengaku Palsukan Minit Mesyuarat". *Harian Metro*. Ayer Keroh. Melaka. 20 November. p. 20.

²⁶³ Wan Abdul Fattah Wan Ismail. 2020. *Keterangan Dokumentar menurut Fiqh dan Undang-undang Keterangan Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka. p. 133.

dipenjarakan enam bulan jika gagal membayar denda berkeñaan. Uma Devi dituduh membuat pernyataan palsu terlibat dalam kemalangan pada 11 Mei 2019, kira-kira jam 9.10 malam ketika dalam perjalanan pulang ke rumah dari tempat kerja di IOI Plantation Sdn. Bhd. Ladang Regent di Gemencheh, Tampin. Perbuatan yang dilakukan pada 9 Julai 2019 di PERKESO Negeri Sembilan itu didakwa mengikut Seksyen 93(a) Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan 1969 (Akta 4) yang boleh dihukum di bawah Seksyen 93 akta yang sama.²⁶⁴

Berdasarkan penjelasan tersebut, tidak dapat dinafikan bahawa penipuan dan pemalsuan dokumen boleh membawa kepada pelbagai implikasi negatif terhadap fizikal, harta benda, keruntuhan akhlak dan moral kepada individu dan orang awam. Contoh kesan buruk yang berlaku kepada fizikal dan harta benda adalah pemalsuan surat pajakan yang menyatakan bahawa pihak penyewa telah menjelaskan kepada pemilik sebahagian sewa atau hutang, ataupun telah menjelaskan kesemua sewa atau hutang tersebut sedangkan apa yang berlaku adalah sebaliknya, iaitu tidak sebarang bayaran atau penjelasan yang telah dibuat.

Keruntuhan nilai akhlak dan moral pula hakikatnya boleh memberi kesan yang lebih teruk berbanding dengan kesan penipuan harta benda atau fizikal. Contoh kepada situasi ini ialah seseorang yang telah memalsukan surat nikah dengan menyatakan bahawa seseorang wanita tertentu telah bernikah dengannya, dan menunjukkan nama dan tandatangan wanita yang dimaksudkan, sedangkan wanita tersebut tidak

²⁶⁴ Syamilah Zulkifli. 2020. "Kerani Tipu Terlibat Kemalangan Didenda RM3,500." *Berita Mahkamah Sinar Harian*. Seremban. Negeri Sembilan. 28 Oktober. p. 10.

mempunyai kaitan langsung dengan pernikahan yang didakwa, tidak pernah bersetuju apatah lagi untuk menandatangani dokumen nikah tersebut.²⁶⁵

Bahkan terdapat suatu kajian yang telah dibuat terhadap isu berkaitan dengan pemalsuan dokumen di mahkamah syariah. Berdasarkan hasil kajian tersebut, didapati bahawa pemalsuan tandatangan dan perubahan fakta sijil cuti sakit merupakan pemalsuan dokumen yang paling tinggi dilaporkan. Dapatan ini adalah berdasarkan hasil soal selidik yang telah dibuat terhadap 181 responden di Negeri Selangor, Negeri Sembilan, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Selain itu kajian tersebut juga mendapati bahawa mahkamah syariah tidak memberi perhatian yang serius terhadap pemalsuan dokumen sedangkan perkara ini dengan jelas boleh merosakkan pertimbangan dan keputusan.²⁶⁶

Berkaitan perkara ini, merujuk kepada undang-undang yang berkuat kuasa, sebelum satu-satu dokumen boleh diterima sebagai keterangan, pihak yang mengemukakannya hendaklah membuktikan bahawa dokumen tersebut adalah relevan untuk kes yang didakwa. Seterusnya keaslian dan ketulenannya dokumen juga hendaklah dibuktikan terlebih dahulu. Contohnya, satu-satu dokumen elektronik yang hendak diserahkan di mahkamah hendaklah dibuktikan ketulenannya terlebih dahulu. Sekiranya kandungan dokumen terbabit gagal untuk dibuktikan sebagai tulen, maka dokumen tersebut tidak boleh dipercayai dan tidak boleh digunakan di dalam mahkamah. Selain itu, dokumen yang berkaitan dengan satu-satu kes hendaklah terjaga dan dijaga dengan

²⁶⁵ Wan Abdul Fattah Wan Ismail, Zul Hilmi Abdullah, Abd Hamid Abd Murad, Nurfadhilah Che Amani, Lukman Abdul Mutalib, Lukmanul Hakim Hanafi & Madiah Mohammad Khir. 2015. "Bentuk-Bentuk Pemalsuan Dokumen menurut Fiqh dan Perundangan Islam di Malaysia: Satu Analisa". *The E-Journal of Sultan Alauddin Sulaiman Shah*. Bangi: Penerbit KUIS. Vol. 2. No. 1. p. 8.

²⁶⁶ *ibid.* p. 11.

baik bagi memastikan ia tidak dibantahi.²⁶⁷ Sebagai contoh, sijil atau dokumen yang tidak memerlukan tandatangan, gambar atau video untuk dimuatkan, memerlukan kepakaran forensik untuk menentukan kesahihannya.²⁶⁸

Dari sudut yang lain, apabila sesuatu pihak membawa tuduhan pemalsuan contohnya pemalsuan tandatangan dalam sesuatu dokumen, maka pihak yang menegaskan perkara tersebut hendaklah membuktikan penegasannya.²⁶⁹ Situasi ini boleh dilihat dalam satu kes yang dilaporkan dalam akhbar tempatan dengan sepasang suami isteri yang mempunyai gelaran “Datuk” dan “Datin” telah mengaku tidak bersalah di sebuah mahkamah sesyen terhadap dua pertuduhan menggunakan dokumen palsu untuk pembangunan pangsapuri, pada Oktober 2019. Tuduhan pertama ialah tertuduh dengan curangnya menggunakan dokumen palsu sebagai tulen iaitu sepucuk surat bertajuk, “Permohonan Cadangan Pembangunan Menara Pangsapuri 40 Tingkat (252 Unit),” yang bertarikh 24 Oktober 2019.

Manakala pertuduhan kedua, mereka didakwa atas kesalahan sama yang membabitkan surat bertajuk, “Cadangan Cantuman Lot (7 kepada lot) untuk Pembangunan Pangsapuri,” yang bertarikh 29 Oktober 2019. Kedua-dua kesalahan itu didakwa dilakukan di TPC Kuala Lumpur Golf & Country Club di Brickfield pada 30 Oktober 2019. Mereka didakwa mengikut Seksyen 471 Kanun Keseksan dan boleh dihukum di bawah Seksyen 468 kanun yang sama dengan tuduhan dibaca bersama

²⁶⁷ Mursilalaili Mustapa Sa'di, Abdul Rani Kamarudin & Zulfakar Ramlee Saad. 2015. “Reception of Electronic Evidence from Islamic Perspective”. *Australian Journal of Basic and Applied Sciences*. n.pl: AENSI Publisher. Vol. 9. No. 26. p. 34.

²⁶⁸ Wan Abdul Fatah Wan Ismail & Mehmet Asutay. 2017. “The Legal Forensic Model in Determining the Genuineness of Islamic Banking Documents and Their Application in Shariah Courts”. *Global Journal al-Thaqafah*. Perak: Penerbit UNISAS. Vol. 7. No. 2. p. 123.

²⁶⁹ Jal Zabdi Mohd. Yusoff. 2003. *Pengenalan kepada Undang-Undang Keterangan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. p. 202.

Seksyen 34 kanun sama, yang membawa hukuman penjara sehingga dua tahun atau denda atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.²⁷⁰ Apabila mereka tidak mengaku bersalah maka beban untuk membuktikan dakwaan memalsukan dokumen tersebut hendaklah menjadi tanggungjawab pihak pendakwaan.

Berdasarkan kes-kes yang telah dikemukakan sebelum ini, pengkaji mendapati bahawa penggunaan dokumen untuk mendapatkan habuan peribadi amatlah berleluasa di negara ini. Secara tidak langsung keadaan ini turut membuktikan bahawa dokumen persendirian ini juga memainkan peranan penting dalam kehidupan masyarakat kita yang menjadikan dokumen persendirian tersebut disimpan sebagai rekod. Dokumen persendirian ini juga boleh digunakan sebagai keterangan dan sebagai salah satu kaedah pembuktian bagi membuktikan suatu hak, tuntutan ataupun kesalahan.

Sehubungan dengan perkara ini, walaupun dokumen persendirian jenis ini boleh digunakan tetapi penerimaannya sebagai kaedah pembuktian dan keterangan hendaklah dibuat secara berhati-hati dan teliti kerana dokumen persendirian ini adalah dokumen yang mudah dibuat dan didapati. Penerimaan dokumen sebegini hendaklah melalui prosedur yang ketat dan hendaklah menepati kehendak undang-undang yang sedang berkuat kuasa.

2.10 Penerimaan Dokumen Persendirian Sebagai Kaedah Pembuktian

Perbincangan berkaitan penggunaan dokumen persendirian sebagai satu kaedah pembuktian tidak dibahaskan secara khusus, namun ia dibincangkan secara umum dan bersekali dengan peranan dokumen sebagai kaedah pembuktian. Hal ini boleh difahami

²⁷⁰ Noor Azlida Alimin. 2020. "Datuk, Datin didakwa di mahkamah." *Berita Mahkamah Sinar Harian*. Kuala Lumpur. 25 Oktober. p. 21.

berdasarkan dokumen persendirian ini terkandung dalam tafsiran dokumen yang dirangkum bersama dalam tafsiran dokumen awam. Pandangan ulama terhadap penerimaan dokumen boleh dibahagikan kepada dua pandangan iaitu yang pertama ialah jumur ulama yang terdiri daripada Hanafi, Maliki dan sesetengah pengikut Syafii dan Hanbali. Golongan jumur ulama ini menolak penerimaan dokumen sebagai kaedah pembuktian di mahkamah. Penolakan jumur terhadap dokumen sebagai kaedah pembuktian adalah berdasarkan hujah bahawa dokumen mudah terdedah kepada pemalsuan.²⁷¹

Penolakan terhadap penerimaan dokumen sebagai kaedah pembuktian disebabkan oleh isu pemalsuan dokumen yang berlaku pada zaman khalifah Islam sehingga membawa kepada pembunuhan khalifah ketiga Sayidina Uthman RA. Para ulama silam yang mewakili jumur ulama amat berhati-hati dalam pemakaian dokumen sehingga membawa kepada penolakan sebagai kaedah pembuktian akibat peristiwa berdarah ini.²⁷² Selain alasan pemalsuan tersebut, golongan ini berpendapat bahawa nas secara terang-terangan menyatakan hanya ikrar, kesaksian dan sumpah sahaja yang dapat diterima sebagai kaedah pembuktian sedangkan dokumen tidak dinyatakan. Sekiranya dokumen diterima sebagai kaedah pembuktian bermakna akan berlaku pertambahan nas.²⁷³

²⁷¹ Ibn Qayyim, Mohammad Abi Bakar. 2002. *Al-Ṭurūq al-Hukmiyyat*. Al-Qaherat: Dar al-Hadith. p. 173.

²⁷² Wan Abdul Fattah Wan Ismail, Zul Hilmi Abdullah, Abd Hamid Abd Murad, Nurfadhilah Che Amani, Lukman Abdul Mutalib, Lukmanul Hakim Hanafi & Madihah Mohammad Khir. 2015. "Bentuk-Bentuk Pemalsuan Dokumen menurut Fiqh dan Perundangan Islam di Malaysia: Satu Analisa". *The E-Journal of Sultan Alauddin Sulaiman Shah*. Bangi: Penerbit KUIS. Vol. 2. No. 1. p. 5.

²⁷³ Wan Abdul Fattah Wan Ismail. 2020. *Keterangan Dokumentar menurut Fiqh dan Undang-undang Keterangan Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka. p. 41.

Walaupun demikian sekiranya diteliti pandangan-pandangan daripada Mazhab Maliki, sesetengah riwayat Ahmad dan ulama mutakhir, mereka berpendapat bahawa dokumen sebenarnya merupakan salah satu kaedah pembuktian yang dibenarkan syarak.²⁷⁴ Penerimaan dokumen sebagai salah satu kaedah pembuktian oleh golongan ini adalah demi memelihara kepentingan manusia dan selari dengan *maqāsid syarī'ah*. Golongan ini terbahagi kepada dua, iaitu golongan pertama berpendapat bahawa catatan boleh dijadikan sebagai pembuktian dalam semua kes termasuk kes-kes hudud dan qisas. Manakala golongan kedua pula berpendapat bahawa catatan hanya diterima dalam kes-kes jenayah selain jenayah hudud dan qisas.²⁷⁵

Golongan ini menjelaskan bahawa melalui ayat 282 Surah al-Baqarah Allah SWT telah membuat perintah secara terang-terangan supaya mendokumentasi sebarang transaksi perniagaan, hutang atau muamalat dalam bentuk dokumen. Seterusnya golongan ini berhujah dengan firman Allah SWT dalam Surah al-Naml, ayat 29 hingga 31 seperti berikut:

قَالَتْ يَا أَيُّهَا الْمَلَأُ إِنِّي أُلْقِيَ إِلَيَّ كِتَابٌ كَرِيمٌ ﴿٢٩﴾ إِنَّهُ مِنْ سُلَيْمَانَ وَإِنَّهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
 ﴿٣٠﴾ أَلَّا تَعْلَمُونَ عَلَيَّ وَأُتُونِي مُسْلِمِينَ

29. (Setelah membaca surat itu), berkatalah raja perempuan negeri Saba', "Wahai ketua-ketua kaum! **Sesungguhnya telah disampaikan kepadaku sepucuk surat yang mulia.**" 30. **Sesungguhnya surat itu daripada Nabi Sulaiman dan kandungannya** (seperti berikut), "Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. 31. Bahawa janganlah kamu meninggi diri terhadapku dan datanglah kamu kepadaku dengan menyerah diri (beriman dan mematuhi ajaran agama Allah)."²⁷⁶

(Al-Quran. Al-Naml 27: 29-31)

²⁷⁴ Ibn Qayyim, Mohammad Abi Bakar. 2002. *Al-Turūq al-Hukmiyyat*. Al-Qaherat: Dar al-Hadith. p. 173.

²⁷⁵ Mahmud Saedon A. Othman. 2003. *Undang-undang Keterangan Islam*. Kuala Lumpur: DBP. p. 159.

²⁷⁶ Al-Quran. Al-Naml 27: 29-31.

Ayat di atas secara jelas menunjukkan bahawa Nabi Sulaiman AS sendiri telah menggunakan dokumen untuk menyampaikan dakwah dan peringatan bagi menggantikan dakwah secara lisan. Keadaan ini menunjukkan bahawa dokumen telah pun dijadikan hujah sejak pada zaman nabi terdahulu lagi.²⁷⁷ Bahkan ijmak ulama menyatakan dokumen telah menjadi amalan sejak pada zaman khalifah dan pemimpin zaman silam lagi.²⁷⁸ Rasulullah SAW pernah mengutus surat kepada ketua pemerintahan luar seperti Raja Rom dan Parsi yang bertujuan menyeru mereka untuk menerima agama Islam dan surat yang diutuskan itu mengandungi cap rasmi kerajaan kerana sesetengah pemerintah tidak akan melayan mana-mana surat yang tiada cap rasmi.²⁷⁹ Berdasarkan alasan ini, kedudukan dokumen persendirian sebagai kaedah pembuktian tidak boleh dinafikan dengan mudah dan perlu diiktiraf.

Lanjutan daripada perkara ini, berdasarkan hasil penelitian yang dibuat terhadap kedua-dua pandangan tersebut, pengkaji mendapati bahawa pendapat kedua yang menjadikan dokumen boleh dianggap sebagai kaedah pembuktian adalah lebih relevan berbanding dengan pandangan yang pertama dengan dua alasan iaitu:

- a) **Alasan pertama:** hujah yang telah dikemukakan oleh pendapat kedua adalah kuat, dan keperluan manusia terhadap dokumen itu sendiri telah terbukti. Sekiranya dokumen tidak dapat dijadikan sebagai kaedah pembuktian, ia akan menyulitkan urusan harian seperti jual beli atau seumpamanya apabila berlaku pertikaian.

²⁷⁷ Wan Abdul Fattah Wan Ismail. 2020. *Keterangan Dokumentar menurut Fiqh dan Undang-undang Keterangan Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka. p. 41. Lihat juga Wan Abdul Fattah Wan Ismail & Zulfakar Ramlee. 2013. "Keterangan Melalui Kitabah: Menurut Fiqh dan Undang-undang Semasa di Malaysia". *Jurnal Undang-undang dan Masyarakat*. Bangi: Penerbit UKM. Vol. 17. No. 1. p. 4.

²⁷⁸ Ibn Qudamah, Abi Muhammad Abdullah bin Ahmad bin Mahmud. 1996. *Al-Mughnī*. Al-Qaherat: Dar al-Hadith. p. 598.

²⁷⁹ Al-Zarqa', Mustafa Ahmad. 2007. *Syarh al-Qawā'id al-Fiqhiyyat*. Dimasyq: Dar al-Qalam. p. 349.

Keadaan ini boleh menyebabkan akan ada pihak-pihak yang mengambil kesempatan terhadap hak-hak orang lain, kerana tidak semua urusan mampu dilaksanakan dengan kesaksian sebagai bukti.

Keadaan ini sebenarnya selari dengan prinsip-prinsip umum syarak iaitu memudah dan mengangkat kesulitan demi menjaga hak-hak yang diganggu. Syeikh Ahmad Ibrahim sendiri menyatakan bahawa para ulama memberi perhatian yang tinggi dan membuat penelitian yang dalam mengenai hukum-hukum dokumen dalam penulisan mereka tetapi ketelitian mereka adalah mengikut kesesuaian masa dan keadaan pada ketika itu. Sebaliknya pada zaman dan hari ini perbincangan dokumen telah menjadi amat penting, bukan sahaja dalam penulisan hukum-hukum bahkan fungsi dokumen menjadi begitu signifikan dalam kehidupan manusia seperti dalam urusan muamalat. Tambahan pula pada masa ini terdapat kepakaran dan meknisme berteknologi tinggi yang mampu mengenal pasti ketulenan satu-satu dokumen; membezakan sama ada satu-satu tulisan itu asli ataupun palsu yang boleh meningkatkan lagi tahap keyakinan terhadap kualiti atau status sesuatu dokumen sebagai kaedah pembuktian yang kuat apabila dihadapkan ke mahkamah.

- b) **Alasan Kedua:** Dokumen juga dianggap sebagai satu *Qarīnat* yang kuat dalam pembuktian. Imam Ahmad pernah diajukan pertanyaan ketika tentera Islam membuka negara yang sebelumnya dikuasai tentera kafir, terdapat tulisan di pintu sebuah rumah atau barangkali tanah dengan ayat yang tertulis begini, “Ini adalah diwakafkan,” maka Imam Ahmad menjawab ia adalah benar kerana pada pendapat beliau tulisan yang wujud itu merupakan *Qarīnat* yang kuat. *Qarīnat* dalam istilah

syarak bermaksud petanda pada fakta yang telah terbukti yang menunjukkan atau membuktikan fakta yang tersembunyi.²⁸⁰ Seterusnya, kaedah fiqh sendiri ada menyatakan bahawa, “Dokumen adalah sama dengan lafaz dalam menzahirkan kehendak dan niat di hati.” Selain itu, pepatah Arab ada menyebut bahawa, “Tulisan merupakan salah satu daripada dua lidah manusia. Oleh yang demikian, dokumen seharusnya diterima sebagai salah satu kaedah pembuktian.”²⁸¹

Pandangan ini diperkukuhkan dengan pandangan Ibn Qayyim yang menerima keterangan dokumen sebagai salah satu bukti berdasarkan prinsip *Qarīnat*. Jika *Qarīnat* itu kuat maka dokumen tersebut hendaklah diterima dan hukuman dikenakan berdasarkan dokumen tersebut. Jika keterangan dokumen itu lemah maka keterangan dokumen tersebut hendaklah ditolak. Sekiranya keterangan itu tidak pasti maka hendaklah diusahakan sehingga jelas. Pandangan Ibn Qayyim ini boleh dijadikan panduan yang kukuh dengan menjadikan dokumen sebagai salah satu cara pembuktian.²⁸²

Selain itu, dokumen juga lebih tetap dan konsisten jika dibandingkan dengan lisan yang mungkin dipengaruhi dengan pelbagai elemen yang boleh mencatitkan. Penggunaan catatan atau dokumen bertulis dalam pembuktian tertakluk pada sejauh mana kesahihan atau kepalsuan sesuatu catatan atau dokumen tersebut. Jika tiada sebarang keraguan timbul maka kesahihannya boleh diakui, dan begitu juga

²⁸⁰ Al-Zuhayli, Muhammad Mustafa. 1982. *Wasā'il al-Ithbāt*. Damsyiq; Maktabat Dar al-Bayan. p. 189.

²⁸¹ ibid. pp. 44-45. Lihat juga Mahmud Saedon A. Othman. 2003. *Undang-undang Keterangan Islam*. Kuala Lumpur: DBP. pp. 165-169.

²⁸² Noor Inayah Yaakub & Jasri Jamal. n.d. “Keterangan Dokumen dan Teknologi”. Zaini Nasohah et al. *Syariah dan Undang-undang: Suatu Perbandingan*. n.pl: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd. p. 81.

sebaliknya.²⁸³ Keterangan dokumen merupakan keterangan yang diperoleh daripada pengemukaan dokumen untuk pemeriksaan oleh mahkamah dalam isu atau perkara yang dipertikaikan.²⁸⁴ Keterangan sebegini dikemukakan dengan tujuan untuk menguatkan keterangan-keterangan lain yang dikemukakan di mahkamah.²⁸⁵

Hal ini bersesuaian dengan peranan dokumen yang fungsinya sebagai pembuktian yang paling kukuh sekiranya terbukti sahih dan tulen tanpa memerlukan pembuktian lain kerana tulisan dan cap yang terpelihara daripada penipuan dan peniruan boleh dijadikan sebagai asas penghakiman yang tidak memerlukan sabitan dengan cara lain.²⁸⁶ *Majallat al-Ahkām* juga menerima catatan sebagai salah satu cara pembuktian dan terdapat enam seksyen yang berkaitan dengan pengakuan secara bertulis dan kesan catatan dalam pembuktian. Kesemua peruntukan seksyen ini adalah berasaskan kaedah fiqh yang telah diterima pakai contohnya, “tulisan adalah seperti perkataan;” “ikrar melalui tulisan sama seperti ikrar melalui lisan;” dan “catatan dalam buku daftar seseorang peniaga yang menjadi kebiasaan digunakan merupakan ikrar secara bertulis.”²⁸⁷

Berdasarkan perbincangan ini, boleh dirumuskan secara umumnya bahawa dokumen hendaklah diterima sebagai salah satu kaedah pembuktian di mahkamah tertakluk pada kesahihan atau kepalsuan sesuatu catatan atau dokumen tersebut. Hal ini memberi makna bahawa dokumen persendirian ini boleh dijadikan sebagai keterangan dalam perbicaraan di mahkamah.

²⁸³ Amin al-Jarumi. 2005. *Pembuktian dalam Syariat Islam*. Shah Alam: Penerbit UiTM, pp. 71-72.

²⁸⁴ Anwarullah. 2004. *Principles of Evidence in Islam*. Kuala Lumpur: Percetakan Zafar Sdn. Bhd. p. 120.

²⁸⁵ Jasri Jamal. 2011. “Kebolehterimaan Teknologi dalam Undang-undang Keterangan Islam di Mahkamah Syariah.” *Jurnal Hukum*. Putrajaya: JKSM. Vol. 33. No. 1. pp. 1-12.

²⁸⁶ n.a. 1968. *Majallat al-Ahkām al-‘Adliyyat*. Kaherah: Matba’at Shi’ariko. Seksyen 1736.

²⁸⁷ Mahmud Saedon A. Othman. 2003. *Undang-undang Keterangan Islam*. Kuala Lumpur: DBP. pp. 165-169.

Imam Hassan, Shuwar al-Qadi dan Abdullah al-Anbariy berpendapat bahawa kadi boleh menerima pembuktian dokumentar sekiranya ia mengenali tulisan dan cop rasmi dalam dokumen tersebut.²⁸⁸ Dokumen perjanjian jual beli dan urus niaga lain jika disabitkan kesahihannya boleh diterima sebagai bukti yang kukuh dan hakim wajib menerimanya sebagai bukti. Selain itu catatan penjual, broker atau pengurup wang; dan sebarang dokumen yang berkaitan dengannya tanpa perlu disebut butirannya secara terperinci atau dilampirkan dengan dokumen lain juga boleh dijadikan bukti. Namun begitu, kredibiliti sesuatu dokumen itu juga turut merujuk pada kebiasaan yang diamalkan dalam sesebuah urus niaga.²⁸⁹

Dokumen hanya akan diterima sebagai keterangan jika pihak-pihak bertikai memperakuinya. Jika mereka tidak menerimanya maka catatan dan dokumen tersebut tidak boleh dijadikan sebagai bukti kecuali apabila ketulenan dokumen dan kesahihan dokumen tersebut dapat disahkan. Sebagai contoh persoalan kepada isu ini, jika terdapat beberapa dokumen yang bertaip dan bercetak tetapi isi kandungannya diakui sah oleh orang yang menandatangani atau menurunkan cap jarinya; atau dicap jari oleh orang yang membuat dokumen tersebut pada helaian terakhir, adakah dokumen sedemikian boleh diterima sebagai satu cara pembuktian? Sebagai jawapan, kaedah ini boleh diterima tetapi hendaklah dipastikan kesahihannya dan jika isu ini timbul dalam perbicaraan, maka mahkamah mempunyai kuasa dan hak untuk mengambil langkah yang wajar bagi memastikan kesahihan dokumen tersebut berdasarkan pandangan Imam Ahmad.²⁹⁰

²⁸⁸ Abdul Rahman Ibnu Muhammad Ibnu al-Husain. 1998. *Bughyat Al-Mustarsyidin*. Beirut. Lubnan: Dar al-Kutub. p. 341.

²⁸⁹ Md. Amin Abdul Rahman. 2005. *Pembuktian dalam Syariat Islam*. Shah Alam: Penerbit UiTM. p. 78.

²⁹⁰ *ibid.* p. 78.

Keabsahan dokumen persendirian sebagai salah satu kaedah pembuktian di mahkamah syariah telah pun diperkukuhkan apabila undang-undang telah mengiktiraf dengan jelas apabila telah mentafsirkan bahawa “keterangan” itu sendiri termasuklah bayyinah dan syahadah, sebagaimana peruntukan menyebut seperti berikut:

“keterangan” termasuklah—

- (a) bayyinah dan syahadah;
- (b) segala pernyataan yang dibenarkan atau dikehendaki oleh Mahkamah dibuat di hadapannya oleh saksi berhubung dengan perkara-perkara fakta yang disiasat: pernyataan sedemikian disebut keterangan lisan;
- (c) **segala dokumen yang dikemukakan bagi pemeriksaan Mahkamah: dokumen sedemikian disebut keterangan dokumentar.**²⁹¹

Hal ini menunjukkan bahawa tiada sebarang pertikaian berkaitan dengan kedudukan dokumen persendirian sebagai satu kaedah pembuktian di mahkamah syariah. Bahkan pemakaian dokumen persendirian dinyatakan dengan jelas dalam undang-undang dengan memperuntukkan satu seksyen yang khusus. Peruntukan tersebut menjelaskan bahawa segala dokumen selain daripada dokumen awam atau yang dikategorikan di bawahnya merupakan dokumen persendirian.²⁹²

Sebagai rumusan bagi perbincangan perkara ini tidak syak lagi bahawa dokumen persendirian boleh diterima sebagai keterangan di mahkamah syariah. Walaupun demikian penerimaan dokumen persendirian tersebut hendaklah tertakluk kepada dua syarat iaitu pertama: ketulenan dokumen persendirian tersebut, dan kedua: kesahihan kandungan dokumen tersebut hendaklah dibuktikan terlebih dahulu. Syarat-syarat yang dikemukakan ini adalah selari dengan pandangan ulama sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini. Perkara ini membawa makna bahawa bukan semua dokumen

²⁹¹ Malaysia. 1997. *Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997*. (Akta 561). Seksyen 3.

²⁹² *ibid.* Seksyen 58.

persendirian boleh diterima oleh mahkamah syariah kecuali dokumen persendirian yang telah memenuhi kriteria-kriteria yang telah ditetapkan. Atau dengan perkataan lain, walaupun dokumen persendirian tidak sukar untuk dikemukakan di mahkamah, tetapi tidak juga mudah dan tidak sewenang-wenangnya boleh dibawa ke mahkamah untuk dijadikan sebagai bukti atau keterangan.

2.11. Keterangan Dokumen Persendirian merupakan *Qarīnat*

Dokumen persendirian boleh diterima sebagai kaedah pembuktian di mahkamah berdasarkan hujah yang telah dijelaskan sebelum ini. Walau bagaimanapun timbul persoalan sama ada keterangan dokumen persendirian tersebut boleh diterima sebagai keterangan syahadah ataupun sebaliknya. Bagi mendapatkan jawapan tersebut, perkara pertama yang perlu dilihat ialah definisi syahadah.

Berdasarkan hukum syarak, keterangan secara syahadah hanya boleh diberikan melalui penyaksian dan hanya boleh diterima dengan syarat yang ketat termasuklah melalui proses *tazkiyat al-syuhūd*. Sementara itu kesaksian dari segi bahasa bermaksud penerangan atau khabar yang pasti, iaitu kata-kata yang diucapkan sebagai hasil daripada maklumat yang diperoleh melalui penyaksian. Ada juga ulama berpendapat bahawa kesaksian berasal dari perkataan kepastian atau kehadiran.²⁹³

Undang-undang pula mendefinisikan syahadah sebagai apa-apa keterangan yang diberikan di mahkamah dengan menggunakan lafaz "*asyhadu*" untuk membuktikan sesuatu hak atau kepentingan.²⁹⁴ Selain itu, undang-undang meletakkan syarat khusus

²⁹³ Bahnasi, Ahmad Fathi. n.d. *Nazīrah al-Ithhab*. Mesir: Syarikah Al-Arabiyyat li al-Tiba'at. p. 13.

²⁹⁴ Malaysia. 1997. *Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997*. (Akta 561). Seksyen 3.

bagi orang yang boleh memberikan syahadah sebagai saksi, dengan syarat mereka berakal (*'aqil*), baligh, adil, mempunyai ingatan yang baik dan tidak berprasangka.²⁹⁵ Secara langsung ia turut menjelaskan bahawa keterangan syahadah hanya boleh diberikan oleh orang Islam sahaja, sebaliknya dokumen tidak termasuk dalam syahadah. Hal yang demikian memberi makna bahawa keterangan dokumen persendirian tidak boleh diterima sebagai syahadah tetapi boleh diterima sebagai *Qarīnat*. Perbincangan berkaitan dengan penerimaan keterangan dokumen persendirian sebagai *Qarīnat* ini dibuat berdasarkan dua hujah iaitu hukum syarak dan undang-undang sebagaimana yang akan dijelaskan ini.

2.11.1 Hujah Pertama

Penerimaan keterangan tersebut adalah berasaskan hukum syarak. *Qarīnat* berasal dari perkataan Arab iaitu “*qarana, yaqrinu, qarnan*” yang bermaksud kaitan atau teman. *Qarīnat* itu disebut di atas *wazan fa'ilah* yang mempunyai persamaan maksud dengan perkataan *muqāranat*.²⁹⁶ Perkataan *qarīnat* berasal dari *qarana* yang bermaksud kait (perkaitan), hubung (hubungan), gabung (gabungan), pertalian atau persahabatan.²⁹⁷ Maksud *qarīnat* berdasarkan bahasa ialah tanda yang menunjukkan kepada sesuatu yang dituntut atau dikehendaki, manakala dari sudut istilah pula bermakna tanda yang nyata atau zahir yang mengiringi sesuatu secara tersembunyi dan ia menunjukkannya.²⁹⁸

Qarīnat merupakan segala tanda zahir yang menyertai sesuatu perkara dan menerangkan atau menjelaskan perkara tersebut.²⁹⁹ *Qarīnat* juga boleh ditafsirkan

²⁹⁵ ibid. Seksyen 83(1).

²⁹⁶ Jubran Mas'ud. 1967. *Al-Rā'id*. Beirut: Dar al-Ilmi li al-Malayin. p. 642.

²⁹⁷ Ibnu Manzur, Jamal al-Din. 1968. *Lisān al-Arab*. Beirut: Dar al-Sader. Vol. 13. p. 336.

²⁹⁸ Ahmad Shahbari Salamon et al., 2001. *Fiqh dan Perundangan Islam*. Kuala Lumpur: DBP. Vol. 6. p. 676.

²⁹⁹ Ahmad Hidayat Buang et al. 2007. *Undang-undang Islam di Malaysia Prinsip dan Amalan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. p. 175.

sebagai salah satu bukti yang boleh menentukan kewujudan atau sebaliknya sesuatu isu.³⁰⁰ *Qarīnat* merujuk kepada setiap tanda zahir yang mengiringi yang ada bersama-sama sesuatu yang tersembunyi dan menunjukkan ke atasnya.³⁰¹ Wahbah al-Zuhayli menjelaskan bahawa terdapat dua elemen dalam *qarīnat*. Elemen pertama adalah, perlunya kewujudan fakta yang jelas yang boleh dijadikan sebagai asas sesuatu keputusan sementara elemen kedua pula adalah perlunya wujud hubungan antara fakta yang jelas tadi dengan fakta yang dipertikaikan atau yang tidak diketahui.³⁰²

Qarīnat ialah hubungan antara beberapa fakta atau suatu kesimpulan yang dibuat berdasarkan situasi tertentu atau fakta.³⁰³ Perkara ini bermakna *qarīnat* merangkumi sebarang tanda yang dihasilkan melalui pertuturan atau percakapan dan sebarang tanda berdasarkan persekitaran atau suasana keadaan sekeliling.³⁰⁴ Hasil daripada pemerhatian dan penelitian terhadap takrif-takrif yang didapati ini, dapatlah disimpulkan bahawa *qarīnat* ialah setiap petunjuk (indikator) atau petanda zahir yang digunakan bagi membuktikan sesuatu yang tersembunyi sama ada wujud atau sebaliknya.

Definisi ini menjadi pilihan kerana perkataan “setiap” dalam Bahasa Arab bermaksud umum. Dengan kata lain ia merangkumi setiap benda yang boleh dilihat, dirasa, didengar, dipegang dan sebagainya. Sekalipun takrif ini bersifat umum, namun perkataan “*al-alāmāt*” dan “*al-amārāh*” menunjukkan ia juga ada had dan batasan, iaitu tidak termasuk di bawah kesaksian atau kaedah-kaedah lain. Manakala perkataan

³⁰⁰ Abdul Karim Zaidan. 1997. *Nizām al-Qaḍā’ fī al-Syarī’at al-Islāmīyat*. Beirut, Lebanon: Muassasah al-Risalah. p. 185.

³⁰¹ Al-Zarqa’, Mustafa Ahmad. 1968. *Al-Madkhal al-Fiḥ al-‘Am*. Damsyiq: Matba’ah Turbin. Vol. 2. pp. 1060-1061.

³⁰² Wahbah al-Zuhayli. 1989. *Al-Fiḥ al-Islāmī wa ‘Adillatuh*. Damsyiq: Dar al-Fikr. Vol. 6. p. 644.

³⁰³ Ahmad Fathi Bahnasi. 1964. *Al-Qiṣāṣ fī al-Fiḥ al-Islāmī*. Kaheerah: al-Syarikat al-‘Arabiyyat. p. 195.

³⁰⁴ Al-Razi, Fakhrudin. 1979. *Al-Maḥṣūl fī ‘Ilm Uṣūl al-Fiḥ*. Riyadh: Maktabah al-Jami’ah Imam Ibnu Sa’ud. Vol. 1. pp. 490-501.

“*zāhīrat*” bermaksud sesuatu yang dapat dibuktikan, kerana terdapat tanda-tanda yang tidak dapat dibuktikan walaupun dapat dilihat oleh sesetengah orang dan ia berlaku dalam firasat. Berdasarkan definisi-definisi yang dinyatakan ini jelas menunjukkan bahawa *qarīnat* berfungsi untuk mensabit atau menafikan sesuatu dakwaan.³⁰⁵

Para fuqaha telah membahagikan *qarīnat* kepada beberapa kategori dan setiap kategori dibahagikan berdasarkan ciri-ciri khusus. *Qarīnat* boleh dilihat dari aspek *qarīnat qanūniyyat* dan *qadā'iyyat* berdasarkan sumber *qarīnat*. Manakala dari aspek fizikal pula boleh dibahagikan kepada *qarīnat ḥāliyat* dan *maqāliyat, lafziyyat* atau *ma'nawiyyat*. Seterusnya dari aspek hubung kait dengan fakta kes boleh dikategorikan kepada *qarīnat 'aqliyyat* dan *'urfiyyat*.³⁰⁶ Walau bagaimanapun dalam kajian ini, pengkaji akan hanya memberi fokus kepada *qarīnat* dari sudut kekuatan pembuktian sahaja kerana perbincangan ini berkait rapat dengan tahap kebolehterimaan keterangan dokumen persendirian dalam membuktikan sesuatu kes atau dakwaan yang dikemukakan di mahkamah. *Qarīnat* berdasarkan kekuatan *dalālat*nya boleh dibahagikan kepada tiga (3) bahagian sebagaimana berikut:

Pertama: *qarāin* yang mempunyai *dalālat* yang kuat. *Qarāin* ini ialah tanda yang jelas sehingga menjadikan sesuatu perkara terbukti secara pasti. Istilah ini dinamakan juga sebagai *qarīnat* yang kuat (*Qarīnat qaṭi'at*) dan *al-amārāt al-bāliḡat had al-yaqīn* iaitu *qarīnat* yang sampai peringkat yakin. Para fuqaha mentafsirkan pengertian yakin

³⁰⁵ Mohd Nor Daud. 2003. *Qarīnah dan Pemakaiannya dalam Kehakiman Islam*. (Tesis Sarjana). Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. p. 82. Lihat juga Wan Abdul Fattah Wan Ismail. 2014. 1 LNS (A) cvi.

³⁰⁶ Lukman Abdul Mutalib & Wan Abdul Fattah Wan Ismail. 2012. “Al-Qarīnah: Antara Kekuatan dan Keperluan dalam Mensabitkan Kesalahan Jenayah (Zina)”. *International Journal of Islamic Thought*. Bangi: UKM. Vol. 2. p. 39.

tersebut sebagai tahap *ẓan al-ghālib* (berat sangka).³⁰⁷ Hal ini adalah kerana yakin iaitu tanpa keraguan munasabah sebenarnya amat sukar diperoleh melainkan dengan dua cara sahaja iaitu melalui *iqrār* dan syahadah.

Petunjuk atau indikator yang kuat ialah kekuatannya sampai kepada titik atau darjat kepastian di mana petunjuk atau tanda adalah pasti dan sampai kepada batas yang yakin. Contohnya yang terdapat dalam *Majallat al-Aḥkām al-‘Adliyyat*³⁰⁸ iaitu apabila seseorang keluar daripada sebuah rumah kosong dalam keadaan ketakutan, pada tangannya terdapat sebilah pisau yang berlumuran darah, apabila orang ramai meluru masuk ke dalam rumah tersebut pada waktu itu didapati sekujur tubuh yang telah disembelih. Maka tidak syak lagi bahawa lelaki itulah yang telah membunuhnya dan tidak perlu melihat kepada kemungkinan-kemungkinan lain seperti kemungkinan lelaki itu membunuh dirinya sendiri.³⁰⁹

Kedua: *qarāin* yang mempunyai *dalālat* yang lemah. *Qarīnat* ini ialah suatu petunjuk yang tidak pasti dan mempunyai kemungkinan-kemungkinan yang hampir sama antara kedua-dua pihak. *Qarīnat* ini dikhususkan untuk menguatkan salah satu pihak yang bertikai. *Qarīnat* ini tidak dapat membuktikan atau menafikan andaian serta tidak boleh dijadikan dalil tetapi boleh digunakan untuk menyokong sesuatu perkara.³¹⁰ Contoh kepada permasalahan ini ialah pertikaian antara suami isteri terhadap pembahagian barang-barang yang terdapat di dalam rumah. Sebagai penyelesaian kepada permasalahan ini, benda-benda yang sesuai (digunakan oleh lelaki) dan biasanya

³⁰⁷ Al-Baha’iy, Ahmad Abdul Mun’im. 1965. *Min Ṭurūq al-Ithbāt fī al-Syarī‘ah wa fī al-Qānūn*. Mesir: Dar al-Fikr al-Arabi. p. 74.

³⁰⁸ n.a. 1968. *Majallat al-Aḥkām al-‘Adliyyat*. Kaherah: Matba’at Shi’ariko. Perkara 1741.

³⁰⁹ Al-Zarqa’, Mustafa Ahmad. 1968. *Al-Madkhal al-Fiqh al-‘Am*. Damsyiq: Matba’at Turbin. p. 919.

³¹⁰ Zaini Nasohah. 2006. “Al-Qarīnah”. Siti Zalikah Md. Nor et al. (ed.). *Al-Syariah: Undang-undang Keterangan Islam*. Kuala Lumpur: DBP. p. 148.

menjadi milik lelaki maka dihukumkan sebagai milik suami manakala barang-barang yang sesuai sebagai milik perempuan dihukumkan milik isteri³¹¹ walaupun berkemungkinan si isteri memiliki barang tersebut melalui harta pusaka daripada ayahnya ataupun pindah milik daripada orang lain. Kemungkinan sebegini bukanlah perkara mustahil, boleh sahaja terjadi dan biasa berlaku. Dalam kes sebegini, keputusan dibuat sebegini kerana terdapat *qarīnat* yang menguatkan kedua-dua pihak iaitu kesesuaian.

Ketiga: *qarāin* yang mempunyai *dalālat* yang tidak dikira. *Qarīnat* ini merupakan petunjuk yang tidak membawa sebarang kekuatan dan wujud dalam bentuk sangkaan semata-mata.³¹² Petunjuk yang lemah ialah isyaratnya hanya bersandarkan khayalan seperti seseorang yang menyeberangi jalan yang terdapat kecurian di jalan tersebut. *Qarīnat* ini berlaku apabila terdapat pertembungan antara dua *qarīnat* atau jika berlaku pertembungan dengan bukti yang lebih kuat.

Dalam hal ini *qarīnat* yang lemah dikira sebagai *qarīnat* yang tidak dapat diterima dan ditolak. Sebagai contoh, apabila berlaku pertikaian antara tuan rumah dengan tukang jahit yang bekerja di rumahnya mengenai pemilikan jarum atau gunting. Maka dalam hal ini, barang itu dihukumkan sebagai milik tukang jahit dan tidak perlu melihat kepada tuan rumah kerana ia bertentangan dengan *qarīnat* yang lebih kuat. Hukumnya akan menjadi berbeza jika pertikaian yang berlaku di dalam rumah yang sama melibatkan pemilikan baju. Maka dalam kes ini pula baju tersebut dihukumkan sebagai milik tuan

³¹¹ Al-Bahuti. 1982. *Kasysyāf al-Qannā ‘an Matni al-Iqnā’*. Beirut: Dar al-Fikr. Vol. 6. p. 383.

³¹² Zaini Nasohah. 2006. “Al-Qarīnah”. Siti Zalikah Md. Nor et al. (ed.). *Al-Syariah: Undang-undang Keterangan Islam*. Kuala Lumpur: DBP. p. 148.

rumah kerana tidak terdapat *qarīnat* lain yang lebih kuat. *Qarīnat* yang diambil kira oleh fuqaha ialah *qarīnat* yang kuat iaitu *qarīnat* yang menyebabkan sesuatu perkara itu diputuskan atau disabitkan, atau tanda dan bukti meyakinkan. Seterusnya, *qarīnat* ialah tanda atau alamat yang sampai ke peringkat yakin. Tahap yakin yang dimaksudkan hanyalah pada tahap *zan al-ghālib* dan bukan yakin yang putus atau tanpa sebarang keraguan langsung. Hal yang demikian adalah kerana tiada keterangan berdasarkan pembuktian, sekalipun ia dianggap kuat, ia tetap tidak terlepas daripada sangkaan.³¹³

Hanya *qarīnat* yang kuat sahaja yang boleh diterima sebagai satu cara pensabitan alternatif selain daripada *iqrār* dan syahadah. *Qarīnat* yang kuat ini juga disebut *qarīnat zahīrat* dan mampu mencapai tahap *zan al-ghālib* dalam pensabitan satu-satu kes. Ibn Qayyim menegaskan bahawa pembuktian berdasarkan *qarīnat* ini boleh mencapai satu tahap yang lebih tinggi daripada syahadah itu sendiri pada masa-masa tertentu. Menurut beliau dalam syahadah masih ada kemungkinan wujudnya pembohongan sebaliknya pada *qarīnat* tidak ada kebarangkalian sedemikian dan *qarīnat* yang kuat boleh sampai ke tahap yang meyakinkan.³¹⁴

Hal ini bermaksud *qarīnat* tersebut mestilah dapat menghilangkan keraguan hakim pada peringkat *zan al-ghālib* kerana seseorang itu tidak bersalah sehingga dibuktikan ia bersalah dan yakin tidak boleh dihilangkan oleh syak. Walaupun begitu, *qarīnat* yang tidak kuat masih boleh dikemukakan kepada hakim pada masa perbicaraan. Sekiranya pada pandangan hakim *qarīnat* tersebut kuat, maka ia wajib diterima. Begitu juga sebaliknya, sekiranya hakim mendapati ia *qarīnat* yang lemah, maka ia perlu

³¹³ Al-Baha'iy, Ahmad Abdul Mun'im. 1965. *Min Turūq al-Ithbāt fī al-Syarī'ah wa fī al-Qānūn*. Mesir: Dar al-Fikr al-Arabi. p. 74.

³¹⁴ Ahmad Azam Mohd Shariff. 2014. "Jenayah Moral dan Kesusilaan di bawah Undang-undang Jenayah Syariah Malaysia: Pembuktian Kes melalui Qarīnah Rakaman Foto dan Video Digital". 1 LNS (A). p. xvi.

ditolak. Jika *qarīnat* tersebut didapati tidak jelas dan samar-samar, maka kepastian perlulah dibuat.³¹⁵ Sehubungan dengan perkara ini juga, untuk menyabitkan sesuatu hak atau kesalahan tidak memadai menggunakan satu *qarīnat* sahaja. Dalam keadaan tertentu, *qarīnat* merupakan himpunan kaitan-kaitan peristiwa yang boleh membawa kepada satu kesimpulan. *Qarīnat* yang banyak dan saling berkaitan ini boleh membina atau merumuskan satu kesimpulan yang kukuh dan boleh mencapai ke tahap yakin. Walaupun ada ketikanya satu-satu *Qarīnat* itu sifatnya lemah tetapi apabila *qarīnat-qarīnat* yang lemah digabungkan, ia boleh membentuk satu rangkaian *qarīnat* yang kuat dan seterusnya boleh digunakan sebagai suatu pembuktian dalam sesuatu kes.

Sebagai contoh, sekiranya seseorang isteri memberi keterangan bagi kepentingan suaminya, maka keterangannya itu menjadi tidak harus jika keterangan itu merupakan kesaksian tetapi ia boleh didengar dan dipertimbangkan mahkamah jika ia hanya pada tahap *qarīnat*. Begitu juga sekiranya seseorang anak memberi keterangan bagi ayahnya dengan keterangannya itu tidak boleh diterima sekiranya diletakkan sebagai kesaksian tetapi masih boleh didengar dan dipertimbangkan oleh mahkamah sekiranya ia hanya pada tahap *qarīnat*.³¹⁶

Para fuqaha telah menerima penggunaan *qarīnat* dalam pensabitan kes tetapi penerimaan tersebut berdasarkan syarat-syarat tertentu. Pertama, wujudnya perkara zahir yang diketahui untuk dijadikan asas ketika berdalil. Perkara-perkara zahir adalah seperti tanda-tanda, sifat-sifat dan juga petunjuk-petunjuk yang boleh diterima oleh pemikiran seseorang. Kedua, terdapat hubungan antara perkara zahir dengan perkara

³¹⁵ Mahmud Saedon A. Othman. 2003. *Undang-undang Keterangan Islam*. Kuala Lumpur: DBP. p. 138.

³¹⁶ Ahmad Azam Mohd Shariff. 2014. "Jenayah Moral dan Kesusilaan di bawah Undang-undang Jenayah Syariah Malaysia: Pembuktian Kes melalui Qarīnah Rakaman Foto dan Video Digital". 1 LNS (A). p. xvi.

yang tersembunyi serta ingin diketahui. Perkara-perkara ini tidak diketahui pada permulaannya tetapi dapat diketahui melalui analisis terhadap kewujudan pertalian antara kedua-duanya. Hubungan yang wujud itu mestilah sesuatu yang kuat serta terbina atas asas yang kukuh dan dapat diterima oleh akal yang normal. Berdasarkan hal tersebut, menunjukkan bahawa hubungan itu bukan berpandukan perkara khayalan atau agakan semata-mata. Semakin kuat sesuatu hubungan itu, maka semakin kuat *qarīnat* tersebut. Pengkaji dapat membuat kesimpulan di sini bahawa hubungan dalam *qarīnat* terbahagi dua iaitu hubungan yang kuat dan hubungan yang lemah sebagaimana yang telah dibincangkan sebelum ini.³¹⁷

Berdasarkan keseluruhan pandangan ulama di atas, boleh dirumuskan bahawa keterangan dokumen persendirian boleh diterima sebagai *qarīnat* dalam memutuskan sesuatu kes. Walau bagaimanapun, kedudukan *qarīnat* tidak dapat dipastikan dengan tepat sama ada ia merujuk kepada fakta ataupun keterangan jika dilihat dari sudut perundangan sedia ada. Sehubungan dengan perkara ini, kebanyakan ulama memasukkan *qarīnat* sebagai salah satu bentuk keterangan yang boleh membuktikan sesuatu fakta.³¹⁸

2.11.2 Hujah Kedua

Penerimaan dokumen persendirian sebagai *qarīnat* boleh dilihat dari sudut undang-undang. *Qarīnat* menurut pandangan ahli undang-undang sebenarnya tidak jauh bezanya dengan definisi yang diberikan oleh ulama fiqh. Hal yang demikian adalah

³¹⁷ Al-Zuhayli, Wahbah. 1997. *Al-Fiqh al-Islāmī wa 'Adillatuh*. Damsyik: Dar al-Fikr. pp. 6127-6128.

³¹⁸ Ruzman Md. Noor. 2008. "Kedudukan Bayyinah, Syahadah dan Qarīnah dalam Penggubalan Undang-undang Keterangan Islam di Malaysia". *Jurnal Syariah*. Kuala Lumpur: Penerbit UM. Vol. 16. No. 2. p. 361.

kerana *qarīnat* merupakan satu dalil atau bukti yang dikeluarkan oleh kadi dari perkara yang diketahui bahawa wujudnya perkara yang tersembunyi. Oleh itu, *qarīnat* hanya dikira dalil tidak langsung terutamanya *qarīnat qadā'iyat*.³¹⁹

Qarīnat menurut pandangan ahli undang-undang ialah satu istinbat yang dibuat oleh pihak penggubal undang-undang atau kadi ke atas perkara yang tidak diketahui melalui perkara yang diketahui atau ibarat yang lain satu andaian yang wajib berlaku sehinggalah datangnya bukti yang menyokong andaian tersebut.³²⁰ *Qarīnat* dalam bahasa perundangan bererti sebagai suatu andaian atau anggapan.³²¹ Akta 561 mendefinisikan *qarīnat* sebagai fakta yang mempunyai kaitan dengan fakta yang satu lagi dengan apa-apa cara yang disebutkan dalam Akta.³²² *Qarīnat* yang diterima pakai berdasarkan Akta 561 boleh dibahagikan kepada tiga (3) keadaan sebagaimana berikut: **Pertama:** *Qarīnat* yang bersifat umum, iaitu yang merangkumi *al-'alāmāt (Qarīnat lafziyat)* dan *al-amārāt (syawāhid al-hāl)*. *Qarīnat* jenis ini merujuk kepada definisi bayyinah dalam undang-undang iaitu “keterangan yang membuktikan sesuatu hak atau kepentingan dan termasuklah *qarīnat*. *Qarīnat* ini juga dikenali sebagai *circumstantial evidence* dalam perundangan Barat dan *common law*.”³²³

Kedua: *Qarīnat* yang merujuk kepada “kaitan atau relevan” (*relevancy*) sekiranya dirujuk kepada Akta Keterangan 1950. *Qarīnat* kategori inilah yang merujuk kepada

³¹⁹ Mahmud Muhammad Hasyim. 1988. *Al-Qadā' wa Nizām al-Ithbāt fī al-Fiqh al-Islāmī wa Anzimat wa al-Wad'iyyat*. Riyad: Mamlakah al-'Arabiyyat al-Sa'udiyyat: Jami'at al-Malik al-Saud. p. 439.

³²⁰ Al-Juli, Bukhari Abdullah. 1996. *Qānūn al-Ithbāt Tasyrīn wa Fiqhan wa Qadā'an*. Dar Jami'at Ummu Darman al-Islamiyyat li al-Tiba'at wa al-Nasyr: Matba'at Jami'at al-Nilin. 3. p. 189.

³²¹ n.a. 1983. *Faruqi's Law Dictionary*. Beirut: Librairie Du Liban. p. 270.

³²² Malaysia. 1997. *Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997*. (Akta 561). Seksyen 3.

³²³ *ibid*.

tafsiran *qarīnat*.³²⁴ *Qarīnat* jenis ini juga merangkumi peruntukan Seksyen 5 hingga Seksyen 42 dalam undang-undang keterangan sedia ada.³²⁵ Dengan erti kata lain, undang-undang mentafsirkan *qarīnat* sebagai fakta yang relevan dalam sesuatu kes. *Qarīnat* kategori ini dinyatakan secara terperinci dalam undang-undang yang diguna pakai pada masa kini.

Keterangan boleh diberikan dalam mana-mana guaman atau prosiding mengenai kewujudan atau sebaliknya tiap-tiap fakta persoalan dan mengenai apa-apa fakta lain yang ditetapkan kemudian daripada ini sebagai *qarīnat*, dan tidak mengenai apa-apa fakta lain.³²⁶ Fakta-fakta yang tidak menjadi persoalan tetapi jika fakta tersebut berkaitan dengan suatu fakta persoalan sehingga menjadi sebahagian daripada transaksi yang sama, maka ia merupakan *qarīnat*.³²⁷ (Contohnya, A dituduh memukul isterinya B. Apa-apa jua yang telah dikatakan atau dibuat oleh A atau B atau oleh orang yang berada di situ pada masa B dipukul atau sejurus sebelum atau selepasnya hingga menjadi sebahagian daripada transaksi yang sama ialah *qarīnat*.)

Sehubungan dengan hal ini, dalam kes *Rosmah bt Suli & seorang lagi lwn Ismail bin Mohamad 7 seorang lagi*,³²⁸ Mahkamah Rayuan Syariah Kuala Lumpur telah memutuskan bahawa kepada Surat Kuasa Wakil Responden 1 (Ismail) telah memberi kuasa yang luas kepada Responden (Rosilawati bt Suli) bagi tujuan pemilikan hartanah yang menjadi pertikaian. Terdapat 22 item yang disebut dan diberi kuasa kepada Responden 2 (Rosilawati) oleh Responden 1 (Ismail) terhadap hartanah tersebut

³²⁴ Zulfakar Ramlee. 2007. "Al-Qarīnah: Pemakaiannya dalam Litigasi Mal dan Jenayah". Nasimah Hussin et al., *Siri Perkembangan Undang-undang di Malaysia*. Kuala Lumpur: DBP. Vol. 13. p. 189.

³²⁵ Malaysia. 1997. *Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997*. (Akta 561).

³²⁶ ibid. Seksyen 5.

³²⁷ ibid. Seksyen 6.

³²⁸ *Rosmah Suli & Seorang lagi lwn Ismail bin Mohamad 7 Seorang lagi* [2011] 32 JH 223.

termasuklah untuk disewa (*to let*), dijual (*to sell*), dibayar (*to paid*) dan sebagainya. Dalam kes ini, Responden 2 (Rosilawati) telah menguasai harta yang disenaraikan sebagaimana Surat Kuasa Wakil tersebut dan berupaya untuk membuat apa sahaja terhadap hartanah tersebut tanpa sebarang sekatan. Lanjutan daripada itu, Mahkamah Rayuan Syariah berpendapat bahawa pemberian yang berlaku daripada arwah Suli bin Rangkota kepada Responden 2 (Rosilawati) adalah secara hibah dan hibah itu telah memenuhi kehendak hukum syarak.

Catatan dalam buku akaun yang biasanya disimpan dalam urusan perniagaan ialah *qarīnat*. Apabila catatan itu merujuk kepada perkara yang kena disiasat oleh mahkamah, maka catatan tersebut tidaklah sampai menjadi keterangan yang mencukupi untuk mempertanggungkan liabiliti terhadap mana-mana orang.³²⁹ Contohnya dalam kes *Moriazi bin Mohamad lwn Ajmawati bte Atan*.³³⁰ Pengkaji mengengahkan kes ini kerana ia dilihat sesuai dengan pernyataan sebelum ini. Plaintif dalam kes ini mendakwa telah memberikan pinjaman sebagai modal perniagaan berjumlah DS62,800.00 kepada Defendan semasa dalam tempoh perkahwinan mereka. Plaintif menuntut Defendan untuk menjelaskan bayaran bagi baki pinjaman itu yang masih belum dijelaskan kepadanya. Plaintif hanya mengemukakan cek berjumlah DS20,000.00 sebagai dokumen yang menunjukkan bahawa Defendan telah pun membayar sebahagian hutang tersebut. Walaupun tuntutan Plaintif telah diluluskan pada peringkat Mahkamah Tinggi Syariah namun Mahkamah Rayuan Syariah telah membatalkan keputusan tersebut

³²⁹ Malaysia. 1997. *Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997*. (Akta 561). Seksyen 22.

³³⁰ *Moriazi bin Mohamad lwn Ajmawati bte Atan* [2005] 4 ShLR 108.

berdasarkan alasan *qarīnat* yang dikemukakan oleh Plaintiff tidak disokong dengan keterangan atau saksi lain.

Ketiga: *Qarīnat* kategori ketiga pula dikenali sebagai anggapan atau andaian. Dalam perundangan Barat, *qarīnat* kategori ini dikenali sebagai *presumptive proof*, manakala Akta Keterangan 1950 mengklasifikasikan kategori ini kepada dua, iaitu anggapan berbentuk fakta dan anggapan undang-undang. Anggapan fakta dapat difahami sebagai, apabila satu fakta asal dibuktikan maka anggapan boleh dibuat mengenai wujudnya satu fakta yang lain. Manakala anggapan undang-undang ialah anggapan yang dibuat berdasarkan undang-undang.³³¹ Sekiranya hakim syarie menggunakan anggapan bagi membuktikan kes, maka beban pembuktian undang-undang yang ditanggung pihak yang mendakwa akan terlucut dan pihak yang didakwa perlu mematahkan anggapan tersebut.³³² Mahkamah boleh menganggap sesuatu fakta sebagai wujud, mahkamah boleh sama ada menyifatkan fakta itu sebagai terbukti melainkan jika dan sehingga terbukti sebaliknya, atau boleh meminta buktinya.³³³ Selain itu, mahkamah juga boleh menganggap kewujudan apa-apa fakta yang difikirkannya mungkin telah berlaku, setelah mengambil perhatian akan perjalanan biasa kejadian semula jadi, kelakuan manusia, dan urusan awam dan persendirian, dalam hubungannya dengan fakta kes yang tertentu itu.³³⁴

³³¹ Jal Zabdi Mohd. Yusoff. 2003. *Pengenalan kepada Undang-Undang Keterangan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. p. 187.

³³² Suhaizad Saifuddin. 2021. "Peruntukan Beban Pembuktian di bawah Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah: Satu Penilaian". *Jurnal Undang-undang & Masyarakat*. Bangi: Penerbit UKM. Vol. 28. p. 82.

³³³ Malaysia. 1997. *Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997*. (Akta 561). Seksyen 4(1).

³³⁴ *ibid.* Seksyen 82.

Anggapan undang-undang pula telah diperuntukkan dalam beberapa keadaan antaranya mahkamah hendaklah menganggap sesuatu fakta sebagai wujud, mahkamah hendaklah menyifatkan fakta itu sebagai terbukti melainkan jika dan sehingga terbukti sebaliknya.³³⁵ Peruntukan sebelum ini memperuntukkan perkara berkaitan dengan anggapan undang-undang yang boleh dipatahkan. Selain itu, undang-undang ada memperuntukkan anggapan undang-undang berkaitan dengan beban anggapan hidup dan anggapan kematian. Apabila isu seseorang masih hidup atau telah mati ditimbulkan dan dibuktikan bahawa orang itu masih hidup dalam tempoh tiga puluh tahun, maka beban pembuktian bagi membuktikan seseorang itu telah mati adalah terletak pada pihak yang menegaskan.³³⁶ Manakala pihak yang menegaskan bahawa seseorang masih hidup selepas berlalu tempoh yang ditetapkan perlu membuktikan dakwaannya.³³⁷

Apabila persoalan yang timbul adalah berkaitan sama ada seseorang itu masih hidup atau telah mati, dan dibuktikan bahawa tiada apa-apa khabar telah didengar mengenainya selama empat tahun oleh orang yang sepatutnya mendengar khabar mengenainya jika dia masih hidup, maka beban membuktikan yang dia masih hidup beralih kepada orang yang menegaskan.³³⁸ Begitu juga berkaitan dengan isu pemilikan sesuatu barang, mahkamah hendaklah menganggap barang tersebut hendaklah menjadi milik orang yang memilikinya. Sekiranya wujud dakwaan pemilik tersebut bukan pemilik sebenar barang tersebut maka beban membuktikan bahawa dia bukan pemilik benda itu terletak pada orang yang menegaskan bahawa dia bukan pemiliknya.³³⁹

³³⁵ ibid. Seksyen 4(2).

³³⁶ ibid. Seksyen 78.

³³⁷ ibid. Seksyen 79.

³³⁸ ibid. Seksyen 80.

³³⁹ ibid. Seksyen 81.

Pengkaji merumuskan bahawa penggunaan *qarīnat* dalam aplikasi Akta 561 boleh dikategorikan kepada tiga (3) jenis.

Pertama: penggunaan *qarīnat* yang bersifat umum berupa *al-amārāt*, *al-‘alāmāt* dan *syawāhid al-ḥāl*, atau dikenali sebagai keterangan berdasarkan keadaan. *Qarīnat* jenis ini digunakan untuk mentafsirkan maksud “bayyinah” yang dinyatakan dalam Akta 561.

Hal ini boleh dilihat pada Seksyen 3 dalam akta yang sama.

Kedua: penggunaan *qarīnat* yang merujuk kepada “kaitan” atau “relevan”. Tafsiran “*qarīnah*” pada Seksyen 3 dalam Akta 561 merujuk kepada fakta yang mempunyai kaitan dengan fakta yang satu lagi. Kebanyakan *qarīnat* dalam akta ini membawa maksud tersebut.

Ketiga: penggunaan *qarīnat* yang dikenali sebagai anggapan atau andaian, atau dikenali sebagai pembuktian berdasarkan anggapan. Hal ini dinyatakan dalam Seksyen 4, 80, 81 dan 82 dalam Akta 561.

Pengkaji mendapati terdapat satu kajian yang dibuat berkaitan dengan isu yang dibahaskan oleh pengkaji ini telah merumuskan bahawa mahkamah syariah dan Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah meletakkan keterangan *qarīnat* pada tahap *qarīnat* yang lemah dan memerlukan sokongan daripada keterangan yang lebih kuat dan meyakinkan berdasarkan pemakaian *qarīnat* dalam undang-undang sedia ada. Rumusan tersebut dibuat secara umum berdasarkan alasan pemakaian *qarīnat* telah mengakibatkan amalan kaedah pembuktian melalui keterangan *qarīnat* tersasar daripada kehendak prinsip keterangan Islam. Kajian ini juga menyatakan bahawa pembahagian yang dibuat oleh Akta 561 seolah-olahnya mengikut kehendak Akta 56 pada

kebanyakan peruntukan di bawah judul Keberkaitan Fakta (*Relevancy of Facts*) atas faktor *in pari materia* yang wujud pada kedua-dua akta.³⁴⁰

Namun kajian ini tidak menyertakan contoh-contoh peruntukan yang dikatakan melemahkan tahap *qarīnat* dalam undang-undang tersebut. Pengkaji berpendapat untuk membuat kesimpulan bahawa mahkamah syariah dan Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah meletakkan keterangan *qarīnat* pada tahap *qarīnat* yang lemah memerlukan suatu kajian yang terperinci dari sudut pentafsiran peruntukan dan prosedur yang dijalankan di mahkamah syariah itu sendiri. Apatah lagi untuk merumuskan bahawa pemakaian *qarīnat* dalam Akta 561 telah mengakibatkan amalan kaedah pembuktian melalui keterangan *qarīnat* tersasar daripada kehendak prinsip keterangan Islam yang bertitik tolak dari sejarah penggubalan undang-undang Akta 561 semata-mata, yang berdasarkan alasan kebanyakan peruntukan di bawah judul Keberkaitan Fakta atas faktor *in pari materia* yang wujud pada kedua-dua jenis akta.

Walau bagaimanapun pengkaji berpandangan rumusan yang dibuat ada kebenarannya jika dikatakan peruntukan yang terkandung dalam Akta 561 tersebut mengelirukan. Berikut adalah penjelasan mengenai:

Pertama: Tafsiran-tafsiran sebelum ini memasukkan *qarīnat* sebagai salah satu bentuk keterangan dan pada masa yang sama ia juga sebahagian daripada fakta. Keterangan dan fakta merupakan dua perkara yang berbeza meskipun mempunyai kaitan rapat. Jika *qarīnat* dimasukkan dalam kategori keterangan maka ia boleh disamakan dengan konsep

³⁴⁰ Muhammad Hazim Ahmad, Mohamad Anwar Zakaria, Noraishah Nordin, Siti Khadijah Ishak, Nurkhairina Othaman & Ahmad Syukran Baharuddin. 2019. "Analisis Perundangan bagi Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah berkaitan Bukti Saintifik dan Penerimaannya di Mahkamah Syariah". *E-Prosiding Diskusi Syariah & Undang-undang*. Nilai: Penerbit Usuli Faqih Research Centre PLT. p. 29-30.

keterangan keadaan (*circumstantial evidence*). Sementara itu jika ia dimasukkan sebagai fakta maka ia menjadi fakta relevan (*relevant fact*).³⁴¹

Kedua: Konsep keterangan adalah berbeza dengan fakta. Secara istilah, keterangan bermaksud bukti atau segala wasilah yang dibenarkan untuk dikemukakan di mahkamah dengan tujuan membuktikan kewujudan sesuatu fakta atau sebaliknya. Ia juga bermaksud sebarang maklumat yang diperoleh daripada dokumen, benda atau saksi yang boleh membuktikan kewujudan fakta tertentu. Melalui bukti atau maklumat ini, kebenaran atau kepalsuan sesuatu fakta yang dipertikaikan dapat dipastikan kedudukannya. Hal ini bermakna keterangan adalah *wasilat* atau kaedah untuk membuktikan sesuatu fakta. Sementara itu, fakta adalah apa-apa benda yang boleh ditanggapi dengan pancaindera atau keadaan mental yang disedari oleh mana-mana orang.³⁴²

Walau bagaimanapun, untuk menyatakan bahawa kedua-duanya lemah dan tersasar hanya kerana menggunakan Akta Keterangan 1956 sebagai panduan adalah tidak tepat. Hal ini adalah kerana menurut kajian itu sendiri, Akta 561 hanya dikuatkuasakan setelah selesai proses Islamisasi menerusi tiga peringkat iaitu pemansuhan mana-mana peruntukan yang bercanggah dengan hukum syarak; mengekalkan peruntukan-peruntukan yang tidak bercanggah dengan hukum syarak; dan yang terakhir pemakaian pelbagai pendapat mazhab dan ulama sama ada melalui pendekatan *al-talfiq* atau *al-takhayyur*. Justeru, sudah pasti proses tersebut mengambil

³⁴¹ Ruzman Md. Noor. 2008. "Kedudukan Bayyinah, Syahadah dan Qarinah dalam Penggubalan Undang-undang Keterangan Islam di Malaysia". *Jurnal Syariah*. Kuala Lumpur: UM. Vol. 16. No. 2. p. 362.

³⁴² *ibid.* p. 362.

kira pemakaian *qarīnat* yang selaras dengan pendekatan pelbagai ulama dan mazhab dalam hukum syarak.

Hal yang demikian adalah disebabkan telah terdapat kajian yang membandingkan kedua-duanya dan mendapati bahawa kaedah pemakaian *qarīnat* yang mementingkan perkaitan (*sillat* atau *'alāqat*) antara *dalīl* dan *madlūl* mempunyai persamaan dengan konsep keberkaitan fakta-fakta (*relevancy of facts*) Akta 56. Namun untuk menjadikannya selaras dengan prinsip hukum syarak tidaklah sampai perlu digantikan fakta relevan itu dengan istilah *qarīnat*. Oleh sebab istilah *qarīnat* mengikut hukum syarak—*qarīnat nassiyyat, fiqhiyyat/ ijtihādiyyat/syar'iiyyat, qānūniyyat, tabī'iiyyat, qada'iiyyat, qāti'at* dan sebagainya—semuanya merujuk kepada tanda yang terdapat pada “fakta relevan” yang telah dibuktikan, maka penggantian perkataan “relevan” dengan *qarīnat* adalah tidak tepat malah akan menimbulkan kekeliruan dan percanggahan dalam pentafsiran peruntukan.³⁴³

Oleh yang demikian, pengkaji bersetuju dengan cadangan kajian tersebut bahawa Akta 561 ini hendaklah dikaji semula bagi memastikan pemakaian peruntukan undang-undang tersebut selaras dengan kehendak hukum syarak. Hal ini termasuklah memastikan semula kedudukan konsep *Qarīnat* sama ada ia dikira sebagai satu fakta atau sebagai keterangan. Jika ia diguna pakai dalam erti fakta maka kedudukannya sama dengan fakta relevan, sebaliknya jika digunakan dengan maksud keterangan ia merupakan keterangan keadaan.³⁴⁴ Pada pandangan pengkaji sendiri, *qarīnat* adalah keterangan bukannya fakta bersesuaian dengan maksud *qarīnat* iaitu setiap petunjuk

³⁴³ Hassan Ab. Rahman. 2017. “Pandangan Umum terhadap Peruntukan-peruntukan Statut Keterangan Mahkamah Syariah Malaysia: Suatu Perbandingan dengan Akta Keterangan 1950 [Akta 56]”. 1 LNS (A) lxi. p. 55.

³⁴⁴ Ruzman Md. Noor. 2008. “Kedudukan Bayyinah, Syahadah dan Qarīnah dalam Penggubalan Undang-undang Keterangan Islam di Malaysia”. *Jurnal Syariah*. Vol. 16. No. 2. p. 363.

(indikator) atau petanda zahir yang digunakan bagi membuktikan sesuatu yang tersembunyi sama ada wujud atau sebaliknya.

Sehubungan dengan perkara ini, terdapat cadangan untuk menjadikan peruntukan statut ini harmoni dengan prinsip keterangan Islam, iaitu dengan perkataan *qarīnat* tidak boleh digunakan langsung dalam mana-mana peruntukan. Bagi menghasilkan maksud *qarīnat* mengikut hukum syarak yang luas itu boleh dibuktikan dalam perbicaraan di mahkamah sudah cukup dengan adanya fasal pengecualian bahagian kedua yang terdapat dalam setiap statut keterangan syariah iaitu dengan “cara merujuk hukum syarak jika terdapat apa-apa perkara yang tidak diperuntukkan atau tidak dinyatakan dengan jelas dalam undang-undang.”³⁴⁵

Selain itu, kajian tersebut juga mendapati bahawa hakim mahkamah syariah enggan menerima pembuktian daripada keterangan *Qarīnat* secara bersendirian. Sebaliknya, keterangan *Qarīnat* tersebut mestilah disokong dengan keterangan yang lebih kuat dan meyakinkan bagi membolehkan mahkamah syariah menerimanya sebagai pembuktian. Dapatan ini dibuat berdasarkan analisis yang dibuat terhadap kes-kes yang dilaporkan dalam jurnal undang-undang *Shariah Law Reports*. Carian kes telah dilakukan secara atas talian dengan menggunakan kata kunci “*Qarīnat*” dan hasil carian dihadkan dari tahun 2014 hingga 2019. Hasil carian menunjukkan terdapat 18 kes yang membincangkan tentang *qarīnat*, 15 daripadanya adalah dari mahkamah tinggi syariah, manakala tiga daripadanya pula dari mahkamah rayuan syariah.³⁴⁶

³⁴⁵ Hassan Ab. Rahman. 2017. “Pandangan Umum Terhadap Peruntukan-peruntukan Statut Keterangan Mahkamah Syariah Malaysia: Suatu Perbandingan dengan Akta Keterangan 1950 [Akta 56]”. 1 LNS (A) lxi. p. 50.

³⁴⁶ Muhammad Hazim Ahmad, Mohamad Anwar Zakaria, Noraishah Nordin, Siti Khadijah Ishak, Nurkhairina Othaman & Ahmad Syukran Baharuddin. 2019. “Analisis Perundangan bagi Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah berkaitan Bukti Saintifik dan Penerimaannya di Mahkamah Syariah”. *E-Prosiding Diskusi Syariah & Undang-undang*. Nilai: Penerbit Usuli Faqih Research Centre PLT. pp. 29-30.

Berhubung dapatan sebelum ini, pengkaji boleh bersetuju dengan dapatan kajian tersebut kerana untuk menafikan keseluruhannya bahawa hakim syarie telah menerima pembuktian daripada keterangan *qarīnat* secara bersendirian juga sukar untuk dibuktikan tanpa ada suatu kajian dibuat. Apabila kajian tersebut mendapati bahawa terdapat hakim syarie yang enggan menerima *qarīnat* secara bersendirian dalam memutuskan sesuatu kes, ada pelbagai kemungkinan keengganan tersebut berlaku. Bahkan kemungkinan juga keengganan tersebut berpunca daripada kegagalan mereka memahami Akta 561 tersebut secara mendalam sedangkan akta ini amat penting untuk dikuasai dalam mengendalikan kes di mahkamah syariah. Pandangan pengkaji ini diperkukuhkan dengan dapatan kajian yang mendapati peruntukan undang-undang berhubung dengan beban pembuktian yang dinyatakan menerusi Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (EKMS) mengandungi kesamaran dan kekaburan. Masalah ini telah membawa kepada kepelbagaian kefahaman dan tafsiran yang berbagai-bagai dalam kalangan pengamal perundangan syariah terutamanya bagi kes jenayah syariah.³⁴⁷

Selain itu, wujud kemungkinan hakim syarie itu sememangnya enggan seperti hasil kajian tersebut namun pengkaji tidak boleh menolak kemungkinan bahawa keengganan tersebut berpunca daripada kegagalan dokumen tersebut memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh undang-undang tersebut. Dalam konteks penerimaan *qarīnat* melalui keterangan dokumen persendirian ini, hasil kajian tersebut boleh diperkukuhkan atau apabila pengkaji membuat kajian terperinci pada masa akan datang.

³⁴⁷ Suhaizad Saifuddin. 2021. "Peruntukan Beban Pembuktian di bawah Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah: Satu Penilaian". *Jurnal Undang-undang & Masyarakat*. Bangi: Penerbit UKM. Vol. 28. p. 89.

Sebagaimana yang dijelaskan sebelum ini, pemakaian *qarīnat* tidak boleh diambil secara mudah dan ringan selain mempunyai syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh hukum syarak mahupun undang-undang. Justeru, sekiranya mahkamah syariah menolak penggunaan *qarīnat* tersebut tidak menunjukkan bahawa mahkamah syariah merendahkan tahap *qarīnat* tersebut. Bahkan boleh jadi pihak-pihak itu sendiri yang gagal membuktikan elemen atau memenuhi syarat *qarīnat* tersebut sehingga tidak memenuhi kehendak undang-undang dan hukum syarak. Keadaan ini adalah kerana penggunaan *qarīnat* hendaklah berdasarkan syarat *qarīnat* tersebut sah, tulen dan diyakini yang secara praktisnya akan melibatkan proses penilaian dan pembuktian di mahkamah syariah.

Hal ini bersesuaian dengan rumusan dalam kajian tersebut bahawa hanya bentuk pertama iaitu *qarīnat al-qaṭī'at* dan kedua iaitu *qarīnat ghayr al-qaṭī'at* sahaja yang layak diterima sebagai keterangan dan boleh dijadikan sebagai salah satu kaedah pensabitan dalam sesuatu dakwaan atau tuntutan. *Qarīnat* bentuk pertama jelas diterima kerana ia mempunyai darjah kekuatan pada tahap *zan al-ghālib*. Manakala bagi bentuk kedua pula boleh diterima dengan syarat ia mestilah disokong dengan keterangan yang lebih kuat bagi menaikkan darjah kekuatannya ke tahap *zan al-ghālib*.³⁴⁸

Akta 561 yang telah dikuatkuasakan ini juga merupakan suatu alat yang dijadikan sebagai penapis dalam mengendalikan *qarīnat-qarīnat* yang dikemukakan. Penapisan ini perlu dibuat bagi memastikan *qarīnat* yang dikemukakan memenuhi kehendak

³⁴⁸ Muhammad Hazim Ahmad, Mohamad Anwar Zakaria, Noraishah Nordin, Siti Khadijah Ishak, Nurkhairina Othaman & Ahmad Syukran Baharuddin. 2019. "Analisis Perundangan bagi Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah berkaitan Bukti Saintifik dan Penerimaannya di Mahkamah Syariah". *E-Prosiding Diskusi Syariah & Undang-undang*. Nilai: Penerbit Usuli Faqih Research Centre PLT. p. 28.

hukum syarak itu sendiri, iaitu *qarīnat* itu boleh meyakinkan hakim, relevan³⁴⁹ dengan isu yang dibicarakan dan mempunyai nilai atau pemberatan yang boleh membantu hakim memutuskan kes. Sebagai contoh, dalam konteks *qarīnat* melalui dokumen persendirian, pembuktian ketulenan berkaitan keterangan dokumen persendirian adalah penting bagi hakim untuk menentukan sesuatu isu yang berbangkit demi memelihara keadilan kepada pihak-pihak yang bertikai.

Keadaan ini boleh dilihat dalam kes *Jaafar Haji Ibrahim dan lain-lain lwn Yazelin Mohd Ghazi*.³⁵⁰ Dalam kes ini keterangan dokumen telah membuktikan bahawa polisi insurans si mati ialah polisi Dana *al-Istihmār* yang merupakan insurans (takaful) pelaburan secara syariah. Oleh yang demikian, dokumen ini diterima sebagai keterangan yang membuktikan bahawa insurans yang dipertikaikan ini bukanlah insurans yang diharamkan oleh hukum syarak. Mahkamah juga menegur peguam Defendan yang hanya bergantung pada dokumen fatwa yang diperoleh melalui laman sesawang *e-fatwa* sahaja tanpa merujuk kepada dokumen asal atau primer yang dikeluarkan Jabatan Mufti Negeri dan dokumen yang boleh mengesahkan fatwa tersebut telah diwartakan.

Pengkaji juga merujuk kepada kes *Abd Razak Abd Ghani lwn Abd Rahim Othman*,³⁵¹ semasa memutuskan isu *al-qabd* secara *Qarīnat* berdasarkan dokumen Panel Rayuan menjelaskan seperti berikut:

[29] Dalam kes ini, harta yang dihibahkan sebidang tanah yang mana cara qabdnnya dengan *al-takhliyah*. Dalam kes ini, Allahyarham Rani telah melepaskan haknya kepada Chik dan mengenyepikan halangannya terhadap tanah tersebut. Dalam P4, Allahyarham Rani menyatakan:
.... terpulanglah kepada beliau (Chik) untuk menguruskan tanah itu dan juga berkaitan dengan urusan pejabat bagi mendapatkan geran.

³⁴⁹ Malaysia. 1997. *Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997*. (Akta 561). Seksyen 90.

³⁵⁰ *Jaafar bin Haji Ibrahim dan lain-lain lwn Yazelin binti Mohd Ghazi* [2009] 2 JH 29 at 207.

³⁵¹ *Abd Razak Abd Ghani lwn Abd Rahim Othman* [2014] 1 JH 39 at 32.

[30] Kami berpendapat, kata-kata Allahyarham ini memberi maksud *al-takhliyah*, iaitu Allahyarham telah melepaskan penguasaannya ke atas tanah tersebut secara bersurat iaitu dokumen P-4. Dengan dokumen tersebut, membolehkan Allahyarhamah Chik melakukan tindakan-tindakan yang perlu untuk menguasai tanah tersebut. Jika penerima hibah rentah sesuatu tanah tanpa ada *al-takhliyah* daripada pemberi hibah, ia adalah tidak sah kerana ia termasuk mengambil atau menguasai harta yang dihibahkan tanpa izin daripada pemberi hibah....

Berdasarkan keputusan kes berikut, kita dapat memahami bahawa keterangan dokumen persendirian telah diterima sebagai keterangan yang boleh membuktikan bagi sesuatu kes. Mahkamah syariah telah menerima dokumen P4 tersebut yang berupa dokumen hibah sebagai *qarīnat* yang menunjukkan telah wujud *qabḍ* oleh pemberi hibah.

Berdasarkan penjelasan sebelum ini, boleh difahami bahawa asas penerimaan catatan sebagai keterangan adalah bergantung pada kesahihan dokumen itu dan juga kandungannya. Jika dokumen itu diterima sebagai *qarīnat* yang kuat, catatan itu hendaklah diterima dan hukum dikenakan berdasarkan catatan. Namun jika sebaliknya maka keterangan dokumen itu hendaklah ditolak. Sekiranya keterangan dokumen itu tidak jelas atau tidak pasti maka kesahihannya hendaklah dipastikan terlebih dahulu. Jika gagal dipastikan kesahihan sesuatu dokumen itu, maka dokumen itu hendaklah ditolak. Sebagai satu contoh, pengkaji merujuk kes *Suzanna @ Siji Abdullah lwn Malikul Salleh*.³⁵² Dalam kes ini Hakim Bicara telah menolak dokumen yang berupa laporan perubatan dan semasa memutuskan isu ini, Hakim Bicara telah mengulas sesuatu dokumen itu sama ada perlu dibuktikan melalui pengesahan pembuat dokumen (*document maker*) ataupun sebaliknya, sebagaimana berikut:

³⁵² *Suzanna @ Siji bt. Abdullah lwn Malikul b. Salleh*. Mahkamah Rendah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Saman No.: 14002-014-0585-2004. (Tidak dilaporkan).

Dokumen-dokumen lain yang tidak dipersetujui iaitu kesemua laporan Doktor/Perubatan berhajat kepada pembuktian melalui pengecaman penulis dokumen berkenaan atau secara tepat doktor-doktor yang terlibat. Sama ada dokumen awam atau dokumen persendirian ia tidak terlepas daripada kewajipan membuktikannya oleh pihak yang mengemukakannya kerana ia tidak termasuk di dalam pengecualian Subseksyen 44 [1 (a) – 1 (i)] Akta 561 kecuali pihak Plaintif boleh membuktikan terdapat peruntukan dalam mana-mana undang-undang bertulis bahawa Laporan-laporan Doktor perlu diberi pengiktirafan kehakiman oleh Mahkamah.

Dalam hal ini, terdapat beberapa permasalahan berhubung dengan penerimaan dokumen sebagai pembuktian iaitu yang melibatkan kelemahan sistem pengurusan bahan keterangan; kesahihan; isu mengkategorikan bahan bukti jenis ini; dan isu bidang kuasa mahkamah menerima atau menolaknya. Namun isu kesahihan suatu dokumen jenis ini yang paling banyak dipersoalkan kerana barang bukti jenis ini mudah dan sering terdedah kepada penyelewengan dan pencerobohan seperti yang berlaku dalam kes *Alliance and Leicester Building lwn Ghahremani*. Mahkamah dalam kes ini telah mengetepikan keterangan dokumen terbabit kerana timbul keraguan mengenai kesahihan dokumen tersebut.³⁵³

Bagi pengkaji sendiri, ketulenan atau keberadaan dokumen dan kesahihan maklumat yang terkandung dalam dokumen amatlah penting untuk disahkan benar terlebih dahulu terutamanya berkaitan dengan dokumen persendirian sebelum ia boleh diterima sebagai keterangan di mahkamah. Hal yang demikian adalah kerana dengan teknologi yang ada dan canggih masa kini pelbagai dokumen boleh wujud menggunakan pelbagai cara. Jika kesahihannya diragui, adalah lebih baik dokumen itu ditolak daripada diterima sebagai keterangan. Bahkan penerimaan dokumen persendirian ini turut

³⁵³ Wan Abdul Fattah Bin Wan Ismail. 2011. "Kaedah Pembuktian melalui Kitabah Elektronik di Mahkamah Syariah". *Jurnal Hukum*. Putrajaya: JKSM. Vol. 32. No.. 2. p. 165.

bergantung pada kerelevanan dokumen persendirian tersebut dan juga nilai pemberatan dokumen persendirian tersebut dalam membuktikan sesuatu kes. Hal ini bersesuaian dengan keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Desa Samudera Sdn. Bhd. lwn Bandar Teknik Sdn. Bhd. dan 5 Others*,³⁵⁴ yang menyatakan bahawa:

Dalam undang-undang yang mengawal keterangan dokumen, seperti dalam keterangan lisan, tiga perkara yang dipersoalkan relevan, kebolehterimaan dan keberatan. Mereka mesti dipertimbangkan mengikut urutan itu. Perkara-perkara ini perlu dipertimbangkan dalam membuat perintah. Keterangan yang tidak relevan perlu diterjemahkan sebagai tidak boleh diterima dan perkara itu akan berakhir di situ. Kini, bukti yang relevan yang dijadikan boleh diterima masih tertakluk kepada elemen pemberatan. Mahkamah sama ada boleh memberatkannya kerana bukti, atau beberapa berat, berat yang sedikit atau tidak berat pada semua.”

Berdasarkan perbincangan ini, pengkaji boleh membuat rumusan bahawa tidak syak lagi keterangan yang diperoleh daripada dokumen persendirian ini boleh diterima sebagai *qarīnat* dan digunakan untuk memutuskan sesuatu kes. Dokumen persendirian sebagai *qarīnat* boleh diterima sama ada secara bersendirian sekiranya ia kuat, ataupun dihipunkan bersama *qarīnat-qarīnat* lain atau bayinah sekiranya ia lemah. Walaupun demikian perlu difahami bahawa penerimaan tersebut hendaklah tertakluk kepada syarat yang telah ditetapkan. Hal ini menunjukkan keterangan dokumen persendirian mempunyai nilai keterangan sekiranya ia dibuktikan sah dan diterima mahkamah.

2.12. Rumusan

Dokumen persendirian merupakan dokumen yang digunakan dalam kehidupan seharian dan boleh dinyatakan sebagai dokumen yang diwujudkan supaya ia dapat berfungsi sebagai rujukan dan bukti apabila diperlukan. Dokumen persendirian boleh berperanan

³⁵⁴ *Desa Samudera Sdn. Bhd. lwn Bandar Teknik Sdn. Bhd. dan 5 Others* [2012] 1 MLJ 729.

sebagai salah satu kaedah pembuktian di mahkamah syariah kerana dokumen persendirian merupakan *qarīnat* dalam menjelaskan atau membuktikan sesuatu dakwaan. Dokumen tersebut boleh memainkan peranannya sebagai kaedah pembuktian sama ada secara bersendirian ataupun digabungkan bersama *qarīnat* yang lain. Dokumen persendirian ini turut merangkumi dokumen surat cara atau perjanjian hibah yang akan dibahaskan dalam bab yang berikut.

Perbahasan ini telah berjaya mengenal pasti konsep dokumen persendirian menurut fiqh, Undang-undang Islam dan pemakaian keterangan dokumen persendirian di mahkamah syariah. Oleh yang demikian, perbahasan ini boleh dianggap telah berjaya dalam menjelaskan dengan sempurna berkenaan dengan objektif dan persoalan kajian pertama dan kedua yang telah dinyatakan. Pengkaji akan membahaskan konsep hibah menurut pandangan fiqh dan undang-undang di Malaysia. Selain itu, pengkaji akan turut membahaskan pemakaian konsep hibah di Malaysia dalam bab seterusnya.